

**Jilid I**  
**Bil. 38**



**Hari Isnin**  
**17hb Disember, 1979**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN NEGARA**  
*SENATE*

**PARLIMEN KELIMA**  
*Fifth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
**[Ruangan 3693]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan 1980 [Ruangan 3714]**

**USUL:**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan**  
**Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 3744]**

MALAYSIA

**PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TUN DATO' HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, S.S.M., P.M.N., S.P.M.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Sabah).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBaidULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J., J.P. (Johor).
- „ DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).

- Yang Berhormat PUAN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ DATO HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' PHUA CHENG LEONG, J.P. (Pahang).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).

Yang Berhormat TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).

„ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).

„ DATO SULAIMAN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).

„ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).

„ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).

„ PUAN HAJJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).

„ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., SB. ST. J., Datuk Kaya Pati (Dilantik).

„ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).

„ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).

„ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).

„ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

### *Pemberita-pemberita*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA  
DEWAN NEGARA

Isnin, 17hb Disember, 1979

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*  
*Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

LAWATAN ROMBONGAN AMNESTY  
INTERNATIONAL KE MALAYSIA

**1. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan tujuan lawatan satu rombongan Wakil-wakil Pertubuhan Pengampunan Antarabangsa (Amnesty International) ke Malaysia pada bulan November, tahun lalu, bilangan anggota-anggota dan negeri-negeri asal mereka, berapa lama mereka berada di Malaysia, faedah dan hasil kepada Negara ini dan tindakan pihak Kerajaan berhubung dengan hasil lawatan itu.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, tujuan lawatan rombongan Amnesty International ke negara ini ialah untuk membuat tinjauan ke atas orang-orang yang ditahan oleh Kerajaan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana penglibatan mereka di dalam kegiatan-kegiatan yang mengancam keselamatan negara.

Rombongan tersebut adalah terdiri dari 2 orang anggota Amnesty International dan telah berada di negara ini mulai daripada 8hb November, 1978 hingga 30hb November, 1978. Sekembalinya rombongan tersebut mereka telah menyiapkan satu laporan yang mana salinannya telah dikemukakan kepada Kerajaan dan Kerajaan mendapati bahawa laporan tersebut banyak membuat putar-belit dan Kerajaan mengharamkan penyebaran dan

percetakannya kerana isinya akan memudaratkan kepada kepentingan dan keselamatan negara.

**Tuan T. S. Gabriel:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sedar bahawa orang-orang tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri telah diberi banyak kemudahan-kemudahan jika dibandingkan orang-orang tahanan luar negeri. Adakah pada masa akan datang mereka diberi layanan yang serupa seperti criminals, tidak payah diberi layanan yang sesuai seperti pada masa sekarang mereka diberi suratkhobar, makanan dan tempat tidur. Itu amat sesuai dan baik jika dibandingkan dengan orang-orang yang telah melakukan jenayah. Adakah Kementerian yang berkenaan mempunyai satu cadangan untuk memberi layanan yang serupa dengan orang-orang yang melakukan jenayah?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar kalau dibandingkan dengan negara-negara lain bahawa layanan yang kita beri itu adalah bukan sahaja memuaskan tetapi adalah lebih daripada yang dikehendaki. Tetapi pada waktu ini oleh kerana undang-undang kita tidak mensifatkan mereka itu sebagai penjenayah maka kita tidak berura-ura pada waktu ini untuk menganggap mereka itu sebagai penjenayah.

**Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub:** Soalan tambahan. Saya suka hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan adakah laporan itu mempunyai beberapa pengesyoran kepada Kerajaan dan kalau ada apa-apa pengesyoran daripada pihaknya bolehkah Yang Berhormat Menteri terangkan di antara pengesyorannya jika ada.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, banyak perakuan-perakuan yang dibuat tetapi oleh kerana perakuan yang dibuat berdasarkan latar belakang yang saya katakan putar-belit tadi maka banyak perakuan ini kita dapati sangat terpesong daripada apa yang sebenarnya terjadi di sana. Oleh yang demikian, saya kira ada 1-2 sahaja, umpamanya, kalau saya tidak salah, soal boleh atau tidak beri ubat sinseh. Ini semua saya kira kita mempunyai doktor yang cukup lengkap dengan pengajian dan dengan bahannya maka kita kira adalah wajar sekiranya layanan yang diberi itu mengikut peraturan yang ada pada masa ini.

#### PEMBERIAN BANTUAN KEPADA YANG MEMERLUKAN

2. Tuan Ismail bin Hashim minta Menteri Kebajikan Am menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pemberian-pemberian wang diberikan kepada mereka yang diberi bantuan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Kebajikan Am tidak mencukupi memandangkan kos sara hidup yang tinggi hari ini, jika sedar sama ada pihak Kementerian bercadang untuk menambahkan peruntukan tersebut.

**Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa bantuan yang diberikan oleh Kementerian Kebajikan Am tidak mencukupi memandangkan kos sara hidup yang tinggi hari ini. Oleh yang demikian, pada awal tahun ini Kementerian saya telah mengambil tindakan mengkaji semula kedudukan semua bantuan yang ditadbirkan itu dan seterusnya kadar bantuan-bantuan ini telah dinaikkan.

Bagi tahun 1980, sejumlah \$7,141,000 telah diluluskan untuk maksud ini iaitu tambahan sebanyak \$3,041,000 atau 74% daripada peruntukan tahun lalu. Dengan tambahan ini bukan sahaja kadar bantuan dapat dinaikkan bahkan juga bilangan penerima juga telah dapat ditambah.

#### SETINGGAN DI KUALA LUMPUR

3. Tuan Haji Fadzil bin Ahmad (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan bilangan setinggan-

setinggan di Kuala Lumpur yang telah diberi rumah pangsa atau rumah murah mengikut kaum.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, suka saya memberi jawapan kepada soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa bilangan setinggan-setinggan di Kuala Lumpur yang telah diberi rumah pangsa atau rumah murah mengikut keluarga sehingga 1979 adalah seperti berikut:

Melayu	...	...	1,532	Keluarga
Cina	...	...	3,128	..
India	...	...	962	..
JUMLAH			...	5,622

Setinggan-setinggan ini dipindahkan ke rumah pangsa atau rumah murah disebabkan kawasan mereka terlibat dengan projek-projek Kerajaan seperti pembinaan jalanraya, projek perumahan dan lain-lain lagi.

#### CERAMAH UGAMA DI TV

4. Tuan Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Penerangan menyatakan bilakah buku yang mengandungi ceramah-ceramah agama TV yang disampaikan oleh Dato' Abdul Kadir itu dapat dikeluarkan.

**Timbalan Menteri Penerangan (Dr Ling Liong Sik):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan sedang dalam proses menghubungi pihak penceramah berkenaan bagi menentukan perkara berkaitan dengan penerbitan dengan pengedarnya.

#### PAKAR-PAKAR PERUBATAN

5. Puan Dasimah Dasir (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan pakar-pakar perubatan yang bertugas dengan Kerajaan mengikut negeri.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, bilangan pakar-pakar perubatan yang bertugas dengan Kerajaan mengikut negeri adalah seperti berikut:

	Negeri			Bilangan
Perlis	...	...	...	3
Kedah	...	...	...	14
Pulau Pinang	...	...	...	20

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan</i>
Perak ... ..	33
Selangor ... ..	13
Negeri Sembilan ... ..	16
Melaka ... ..	11
Johor ... ..	31
Pahang ... ..	15
Trengganu ... ..	10
Kelantan ... ..	12
Hospital Besar, Kuala Lumpur ...	48
Hospital Bahagia ... ..	2
Hospital Permai ... ..	2
Pusat Mengawal Kusta ... ..	—
Pusat Mengawal Tibi ... ..	3
Sabah ... ..	14
Sarawak ... ..	21
JUMLAH ...	268

#### PENCEN KEPADA AHLI DEWAN NEGERI/PARLIMEN

6. **Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan bercadang untuk memberi tambahan pencen sebanyak 20% kepada bekas Ahli-ahli Dewan Negeri dan Parlimen yang telah besara sebelum 1-1-1976 memandangkan kenaikan yang seperti itu telah diberi kepada lain-lain kategori pesara-pesara memandangkan ahli-ahli Dewan Negeri dan Parlimen yang bersara sebelum 1-1-1976 mendapat bayaran pencen berdasarkan di atas kadar elaun bulanan di antara 50% dan 100% lebih rendah daripada elaun bulanan Ahli-ahli yang berkhidmat selepas tarikh itu.

**Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini belum ada cadangan untuk menimbangankan pemberian tambahan pencen kepada bekas Ahli-ahli Dewan Negeri dan Parlimen yang telah bersara sebelum 1hb Januari, 1976 seperti mana yang telah diberi kepada pesara-pesara dari perkhidmatan awam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, tambahan pencen yang telah diberi kepada pesara-pesara perkhidmatan awam itu

berupa satu elaun yang berasaskan kepada faktor-faktor tertentu mengikut skim perkhidmatan yang hanya sesuai dengan keadaan pesara-pesara daripada perkhidmatan Kerajaan sahaja.

**Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Soalan tambahan. Harap mendapat penjelasan yang lebih lagi daripada Menteri yang berkenaan iaitu sebagaimana yang diketahui dasar pemberian pencen kepada pegawai-pegawai Kerajaan termasuk Ahli-ahli Parlimen juga iaitu 1/600 sebelum tahun 1970. Pada tahun 1970 hingga tahun 1975 1/800, kemudian di dalam pencen yang digubalkan oleh Kabinet ini pula 1/600 balik, balik semula kepada 1/600. Saya tumpang bertanya apakah yang menyebabkan dasar pencen 1/600 ini turun kepada 1/800 kemudian kembali pula kepada 1/600. Orang yang berpencen di antara tahun 1970 sampai tahun 1975 mendapat 1/800. Jadi, tidakkah ini bermakna kekurangan kepada pencen mereka dan tidakkah pihak Kerajaan akan membetulkan dasar yang seumpama ini yang tidak betul ini.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya minta notis.

#### TANAMAN SEMULA GETAH/ KELAPA SAWIT

7. **Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan samada Kementerianya akan menggalakkan tanaman semula getah dengan lebih banyak lagi dilaksanakan kerana pada masa sekarang rakyat lebih suka menanam kelapa sawit dan samada hasil kelapa sawit itu sama dengan getah.

**Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Sanusi bin Junid):** Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi hasrat dan cita-cita Kementerian untuk memesatkan lagi usaha penanaman semula getah bukan sahaja untuk mengekalkan kedudukan Malaysia sebagai pengeluar getah utama di dunia, tetapi juga untuk menjamin kedudukan ekonomi negara yang kukuh demi kepentingan rakyat jelata.

Kerajaan juga menggalakkan penanaman kelapa sawit kerana hasilnya bagi tiap seekar lebih tinggi dari hasil seekar getah. Walaupun penanaman kelapa sawit banyak dibuat atas tanah-tanah yang baru dibuka, terdapat juga tanah-tanah untuk getah yang ditukar dengan tanaman kelapa sawit.

Untuk menggalakkan penanaman semula getah dan mengekalkan tahap pengeluaran utama di dunia maka langkah-langkah berikut sedang diambil:

- (a) Bantuan penanaman semula dinaikkan hingga \$1,200 seekar.
- (b) Menyediakan bekalan benih getah dari baka yang baik.
- (c) Memberi berbagai subsidi seperti "interpon" untuk meningkatkan pengeluaran.
- (d) Memperbaiki sistem pemasaran bagi pekebun-pekebun kecil.
- (e) Mengutamakan pemberian tanah dalam wilayah-wilayah untuk penanaman getah.
- (f) Menggalakkan belia yang menganggur menjadi penoreh getah.
- (g) Menyedarkan pemilik-pemilik tanah getah dan pelabur-pelabur kestabilan harga getah, pengeluaran hasil getah yang lebih lama, potensi harga yang lebih baik di masa akan datang memandangkan kepada pergolakan di dunia.
- (h) Melicinkan lagi pentadbiran penanaman semula dengan tindakan tegas akan sebarang penyelewengan.

Kementerian yakin usaha-usaha ini akan berjaya.

#### JAWATAN KOSONG DALAM B.S.N.

**8. Tuan Chua Ching Cheng** minta Menteri Undang-undang menyatakan samada beliau sedar bahawa sambutan orang ramai untuk memohon jawatan-jawatan kosong yang wujud di dalam Jabatan B.S.N. pada masa lalu tidak begitu menggalakkan kerana sekim gaji dalam perkhidmatan yang berkenaan adalah lebih rendah daripada sekim gaji perkhidmatan pasukan bersenjata, jika ya, sama ada beliau akan mengkaji supaya sekim gaji pegawai-pegawai B.S.N.

dinaikkan ke satu paras yang berpatutan untuk menarik lebih ramai pemuda-pemuda kita yang berkebolehan dan berpengalaman untuk berkhidmat dalam Jabatan yang berkenaan bagi mencegah dan seterusnya membasmi kegiatan-kegiatan rasuah yang dianggap sebagai musuh negara.

**Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan memang sedar di atas kurangnya sambutan dari orang ramai yang mempunyai cukup kelayakan untuk memohon jawatan-jawatan dalam Biro Siasatan Negara tetapi ini bukanlah semata-mata kerana skim gaji jawatan-jawatan itu kurang menarik. Walau bagaimanapun, suatu pengkajian sedang dibuat untuk membereskan skim gaji itu dan keputusan mengenainya akan dibuat tidak berapa lama lagi.

**Tuan T. S. Gabriel:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, beberapa kali Ketua Pengarah—BSN telah memberitahu wartawan-wartawan iaitu pemohon-pemohon yang telah dibuat untuk Jabatan ini tidak begitu menggalakkan jika dibandingkan dengan pemohon-pemohon yang dibuat untuk lain-lain jabatan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang memberitahu sebabnya amat kekurangan permohonan dibuat oleh orang-orang Malaysia kepada Jabatan berkenaan.

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sekarang di dalam pertimbangan.

#### PRINSIP DASAR LUAR NEGARA

**9. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak** minta Perdana Menteri menyatakan bahawa memandangkan beliau telah melawat negara-negara kominis seperti Republik Rakyat China dan Russia samada negara-negara tersebut menyokong prinsip perkecualian negara kita.

**Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn):** Tuan Yang di-Pertua, pemimpin-pemimpin Republik Rakyat China dan Soviet Union memang sudah lama mengetahui bahawa dasar luar negara kita adalah berkecuali. Saya telah menegaskan lagi dasar kita ini

semasa saya melawat Republik Rakyat China dan Soviet Union. Negara-negara itu memahami dan menghormati dasar kita itu.

### NELAYAN—BANTUAN DAN KHIDMAT NASIHAT

**10. Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob** (di bawah S.O. 23 (2)) minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (i) Langkah-langkah yang telah dan yang akan diambil untuk memberi lebih banyak lagi kemudahan kepada kaum nelayan dan sama ada beliau ada rancangan untuk memberi khidmat nasihat kepada kaum nelayan; dan
- (ii) jumlah bantuan subsidi yang telah diberi oleh Kerajaan kepada kaum nelayan sepanjang tahun 1977 dan 1978.

**Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan pertama, langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian Pertanian untuk memberi kemudahan kepada kaum nelayan ialah dengan membina kemudahan-kemudahan asas, memberi khidmat nasihat dan teknik, kemudahan kredit dan subsidi, serta mewujudkan organisasi nelayan yang teratur melalui koperasi-koperasi nelayan.

Di antara kemudahan-kemudahan asas yang disediakan untuk kaum nelayan adalah seperti berikut:

(a) Kemudahan asas kecil

Kemudahan ini termasuklah pembinaan jeti-jeti pendaratan ikan, bilik sejuk, lampu pemandu dan lain-lain. Kemudahan-kemudahan ini dibina di pengkalan-pengkalan perikanan yang terpencil untuk kegunaan nelayan kecil;

(b) Kemudahan-kemudahan sederhana

Kemudahan ini termasuklah mendirikan kompleks perikanan sederhana di kuala-kuala sungai, kilang-kilang ais, kilang memproses ikan dan bengkel membaiki bot. Kompleks perikanan ini bertujuan untuk mengendalikan bot-bot nelayan yang lebih besar.

(c) Kemudahan-kemudahan Utama

Kemudahan ini melibatkan pembinaan kompleks perikanan yang besar seperti yang sedang dibuat di Chendering. Kompleks ini akan memberi kemudahan kepada bot-bot yang lebih besar yang keluar menangkap ikan ke kawasan sehingga 200 batu dari pantai.

Selain dari memberi kemudahan asas, rancangan memberi khidmat nasihat kepada nelayan-nelayan juga ada dijalankan iaitu:

- (i) Mengadakan kursus latihan tentang cara-cara penyelenggaraan injin dalam dan injin sangkut, pengawitan hasil tangkapan ikan, menternak ikan laut dalam sangkar, latihan pelayaran dan cara-cara menangkap ikan yang lebih berkesan;
- (ii) mengadakan ceramah-ceramah di perkampungan nelayan, pertunjukan wayang gambar ataupun pertunjukan "slide" mengenai perusahaan perikanan;
- (iii) Menyebarkan risalah penerbitan seperti Berita Nelayan, Risalah Perikanan dan Buletin Perikanan dari masa ke semasa untuk memberi maklumat teknologi dan hasil-hasil penyelidikan berkenaan dengan perikanan;
- (iv) Melawat kampung-kampung nelayan dan cuba menjejaskan apa-apa kemuskilan yang dihadapi oleh kaum nelayan;
- (v) Mengadakan pamiran dan pesta, di mana segala aspek kegiatan dan projek-projek yang dijalankan oleh Kementerian ditunjukkan.

Jumlah bantuan subsidi yang telah diberi oleh Kerajaan kepada nelayan bagi tahun 1977 ialah \$9,773,896 dan bagi tahun 1978 ialah \$3,330,462.

Selain dari langkah-langkah yang dijalankan oleh Jabatan Perikanan, kegiatan-kegiatan MAJUIKAN juga memberi faedah kepada Nelayan-nelayan, terutama melalui projek-projek pemasaran ikan, bantuan-bantuan grant kepada koperasi-koperasi Nelayan dan lain-lain.

## PENCEMARAN ALAM SEKITAR— KAWALAN

**11. Puan Rahmah binti Othman** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) jumlah kilang-kilang yang telah didenda di bawah Akta Kebersihan Udara dan Kualiti Alam Sekitar 1974 setakat ini; dan
- (b) sejauh manakah kempen Kebersihan Udara yang dilancarkan dalam bulan Oktober, 1978 berjaya dan sama ada kempen ini dijalankan dalam masa setahun sekali.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding):** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat patut dipuji atas minat beliau dalam bidang pencemaran alam sekitar terutamanya pencemaran udara.

Bagi menjawab soalan (a), setakat ini tidak ada pengilang yang telah didenda di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Tiada wujud sebuah akta dinamakan Akta Kebersihan Udara tetapi Yang Berhormat Menteri atas nasihat Majlis Kualiti Alam Sekeliling telah membuat peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dinamakan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978.

Bagi menjawab soalan (b), tidak ada Kempen Kebersihan Udara yang telah dilancarkan dalam bulan Oktober, 1978. Tetapi Yang Berhormat Menteri telah membuat satu kenyataan umum menegaskan betapa pentingnya peraturan kawalan dipatuhi. Kempen untuk meninggikan kesedaran bagi pencemaran udara sentiasa dijalankan sepanjang tahun.

**Puan Rahmah binti Othman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dukacita mendengar jawapan Menteri tadi yang mengatakan tidak ada akta-akta yang disebutkan itu tetapi sewaktu saya hendak membuat soalan ini saya telah berhubung terus dengan Kementerian berkenaan. Dan mengikut Pengarah yang saya hubungi itu inilah akta-akta yang wujud. Jikalauh benar mengikut jawapan itu tidak ada pengilang yang telah didenda di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling saya ingin tahu berapakah bilangan kilang yang telah diberi amaran ataupun

notis bahawa kilang mereka mengeluarkan pencemaran asap yang buruk dan kotor yang menyebabkan penduduk di kawasan itu menghadapi satu masalah.

Kepada soalan kedua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi menyebutkan bahawa Menteri hanya membuat satu kenyataan umum berhubung dengan kempen kebersihan udara tetapi waktu kempen itu dijalankan dalam bulan Oktober, 1978 akhbar-akhbar telah memberikan liputan berita yang begitu hebat sekali. Dan saya sekali lagi menghubungi Kementerian berkenaan untuk bertanya berkenaan dengan perkara ini dan saya tahu ada beberapa tindakan yang telah diambil oleh Kementerian. Soalan saya yang pertama tadi saya perlu mendapatkan penjelasan.

**Tuan Law Hieng Ding:** Terima kasih atas soalan tambahan Ahli Yang Berhormat itu. Mengenai amaran yang dikeluarkan oleh Kementerian saya, saya boleh beri bilangannya di sini, setakat ini 79 kilang-kilang telah diberi amaran bertulis dan 26 lagi telah diberi arahan bertulis supaya keperluan di bawah peraturan udara bersih dipatuhi dengan sepenuhnya. Mengenai soalan kedua itu mengenai kempen kebersihan, saya telah jawab dalam jawapan saya tadi iaitu kempen itu akan diteruskan dan dijalankan sepanjang tahun.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan. Di dalam akhbar-akhbar menyatakan dengan berita di muka depan bagaimana cemarnya udara di Kuala Lumpur akibat quari-quari di Batu Caves sampai tokong orang India akan hapus oleh kerana debu tadi. Adakah quari itu di antara kilang-kilang yang diberi amaran ataupun dikenakan denda sebab pembesar-pembesar kita pun berapa kali telah menengok kejadian itu. Apakah telah jadi di atas perkara ini?

**Tuan Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, quari-quari di Batu Caves tersebut dikendalikan melalui lesen pajakan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor. Perkara mengenai penutupan quari-quari masih di dalam pertimbangan Kerajaan Negeri Selangor yang mana memerlukan masa bagi mengkaji syor-syor alternatif yang sesuai termasuk syor penutupan quari-quari itu. Oleh kerana ini rumit Kerajaan Negeri

Selangor terpaksa mengkaji soal penutupan quari-quari di Batu Caves itu dengan teliti sebelum membuat sesuatu keputusan yang dapat diterima oleh semua pihak.

Berhubung dengan masalah pencemaran udara di Batu Caves yang diakibatkan oleh aktiviti quari-quari itu, Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya telah menjalankan kajian yang lanjut. Perakuan-perakuan bagi mengatasi masalah pencemaran udara di kawasan itu yang terkandung di dalam satu memorandum pada masa ini sedang dikaji oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk tindakan selanjutnya. Di bawah Peraturan-peraturan udara Bersih yang telah dikuatkuasakan pada 1hb Oktober, 1978 quari-quari di kawasan Batu Caves dikehendaki memenuhi standard-standard pelepasan debu yang ditetapkan sebelum 1hb Oktober, 1980 dan dengan ini adalah dijangka bahawa masalah debu di Batu Caves itu dapat dikawal.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Lesen ini adalah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor tetapi menyekat supaya jangan ada pengeluaran debu, ini adalah satu perkara lain iaitu perkara di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Kalau misalnya Kerajaan Negeri menantikan lesen sampai habis, tentulah memakan masa lambat. Dengan sebab itu, boleh atau tidak Kementerian ini mengambil tindakan mengikut Undang-undang yang ada iaitu Kementerian sendiri boleh bertindak di atas perkara ini.

**Tuan Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, itu saya sudah jawab tadi iaitu quari-quari berkenaan telah diberi masa dua tahun untuk menemui standard-standard yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan. Masa itu akan sampai pada 1hb Oktober, 1980 dan bila sampai masa itu kalau quari-quari itu tidak mengikut apa-apa yang ditetapkan, tindakan sewajarnya akan diambil.

#### PENCEMARAN UDARA BAGI PENGILANG

**12. Dr Choo Kooi Fook** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bilangan kilang-kilang yang telah ditahan atas pencemaran udara semenjak penguatkuasaan "Peraturan-peraturan (Udara Bersih) Kualiti Alam Sekitar 1978".

**Tuan Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas minat beliau dalam bidang pencemaran udara. Semenjak Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 dikuatkuasakan mulai 1hb Oktober, 1978, tiada kilang kilang yang ditahan. Namun demikian, 79 pekilang diberi amaran bertulis dan 26 lagi telah diberi arahan bertulis supaya keperluan di bawah peraturan tersebut dipatuhi dengan penuh.

#### PENGGUNAAN ALAT PANDANG- DENGAR

**13. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim** minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan bahawa penggunaan alat pandang-dengar adalah berkesan dalam penyampaian mata-pelajaran di sekolah-sekolah sebagaimana terbukti di negara-negara maju, nyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengadakan menubuhkan pusat makmal bahasa di sekolah-sekolah ataupun sekurang-kurangnya menyediakan sebuah pusat di tiap-tiap negeri.

**Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memang sedar bahawa penggunaan alat-alat pandang-dengar adalah satu-satunya cara penyampaian matapelajaran di sekolah yang berkesan. Oleh sebab itulah maka pada lazimnya dan di mana-mana sekolah yang difikir munasabah dan praktik alat-alat itu diperbekalkan dan guru-guru terlatih ditempatkan.

Setakat ini, Kementerian Pelajaran telah membelanjakan sebanyak \$9.1 juta untuk membekalkan alat-alat pandang-dengar bagi sekolah-sekolah di seluruh negara. Cadangan untuk tahun 1980 ialah \$1.56 juta bagi membekalkan alat-alat perakam kaset radio.

Berhubung dengan makmal bahasa pula, setakat ini Kementerian Pelajaran tidak bercadang menubuhkan di tiap-tiap sekolah atau negeri oleh sebab-sebab kos dan lain-lain. Setakat ini, cuma Kolej Islam sahaja ada dibekalkan dengan makmal bahasa. Dalam Rancangan Malaysia Keempat Kementerian Pelajaran merancang membekalkan makmal bahasa di semua sekolah berasrama penuh.

Strategi Kementerian Pelajaran dalam penyampaian matapelajaran bahasa pada amnya ialah berasas kepada apa yang dikatakan

dalam Bahasa Inggeris "at source approach" dengan penempatan guru-guru yang terlatih. Berasas kepada strategi ini, Kementerian Pelajaran telah pun memutuskan langkah-langkah berikut:

- (1) Pemulihan Maktab Bahasa di Lembah Pantai khas bagi melatih guru-guru bahasa.
- (2) Penubuhan Institut Bahasa untuk memberi kursus-kursus dan meninggikan mutu kebolehan ikhtisas guru-guru dan mereka yang difikirkan memerlukannya dari masa ke semasa.
- (3) Membekalkan Makmal Bahasa di tiap-tiap Maktab Perguruan di tanah air. Setakat ini ada 25 Maktab Perguruan dan adalah dicadangkan kesemuanya dibekalkan dengan makmal bahasa.

#### AHLI PARLIMEN KE PERSIDANGAN ANTARABANGSA

**14. Tuan T. S. Gabriel** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang menghantar lebih ramai lagi Ahli-ahli Parlimen ke Persidangan-persidangan Parlimen Antarabangsa seperti Persidangan Persatuan Parlimen Komanwel dan Persatuan antara Parlimen supaya mereka dapat menambahkan pengetahuan mengenai hal ehwal dunia.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan Ahli-ahli Parlimen yang dihantar ke Persidangan Persatuan Parlimen Komanwel dan Persatuan antara Parlimen di seberang laut pada masa-masa yang lalu adalah di anggap mencukupi dan sesuai.

Walau bagaimanapun kedudukan ini akan dikaji dari masa ke semasa.

**Tuan T. S. Gabriel:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Pada masa sekarang apabila rombongan Ahli-ahli Parlimen pergi ke luar negeri untuk menghadiri mesyuarat antara Parlimen, Ahli-ahli Parlimen Malaysia tidak diberi suatu ceramah atau briefing oleh pegawai-pegawai daripada Wisma Putra atau Menteri-menteri. Saya ingin tahu adakah apa-apa rancangan pada masa yang akan datang untuk memberi ceramah-ceramah kepada Ahli-ahli Parlimen Malaysia untuk meninggikan. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini soalan lain.

#### RUMAH KOS RENDAH

**15. Tuan S. I. Rajah** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menubuhkan satu lembaga perumahan untuk mengawal semua sekim perumahan di seluruh negara terutama untuk membantu golongan berpendapatan rendah mempunyai rumah-rumah di dalam kemampuan mereka.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat perkara ini sedang dalam kajian. Di samping itu Kementerian saya sedang memperkembangkan Jabatan Perumahan Negara bagi memastikan pelaksanaan rancangan perumahan kos rendah berjalan dengan lancar.

**Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah:** Soalan tambahan. Pada masa ini kita semua tahu bahawa satu peruntukan khas telah dibuat bagi pinjaman oleh C.G.C. kepada peniaga-peniaga kecil. Adakah Kementerian ini bercadang iaitu untuk mengatasi masalah perumahan bagi mereka yang berpendapatan rendah diadakan satu kumpulan kewangan sebagaimana yang diadakan untuk C.G.C.?

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

#### MAKTAB TENTERA—PENGAMBILAN

**16. Tuan Oh Siew Aun** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) Kelayakan minima untuk masuk ke Maktab Tentera; dan
- (b) Bilangan pelatih-pelatih mengikut kaum yang telah mengikuti latihan di Maktab-maktab tersebut.

**Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a) suka saya nyatakan bahawa Maktab Tentera mempunyai dua cawangan iaitu Cawangan Kadet dan Cawangan Putera di mana penuntut-penuntut diambil mengikut syarat-syarat dan kelayakan-kelayakan yang berbeza.

Bagi Cawangan Kadet seseorang calon yang ingin memasukinya mestilah mempunyai kelulusan SPM/MCE dengan gred 3 bagi Tentera Darat. Bagi Tentera Laut dan Udara pula seseorang calon mesti mempunyai gred 2 atau 3 dengan kepujian dalam mata pelajaran Ilmu Hisab atau salah satu mata-pelajaran-matapelajaran sains tambahan.

Di samping itu calon-calon juga mesti memenuhi syarat-syarat yang berkaitan dengan kesihatan dan ukuran tubuh badan di samping kecenderungan atau aptitude.

Bagi Cawangan Putera, ada dua jenis pengambilan:

- (i) pengambilan terus ke Tingkatan Empat dan daripada tahun 1980 satu lagi pengambilan ke Tingkatan Satu.

Calun-calon pengambilan pertama mestilah mempunyai kelulusan LCE/SRP yang baik dengan 14 aggregate di dalam lima mata pelajaran iaitu Ilmu Hisab, Sains Panduan, Bahasa Malaysia dan 2 mata pelajaran lain serta lulus dalam Bahasa Inggeris.

- (ii) Bagi pengambilan jenis kedua iaitu Tingkatan Satu, calun-calon yang memperoleh kelulusan 5A, 4A dan 1B atau 4A dan 1C dalam ujian penilaian darjah 5 akan dipelawa membuat permohonan.

Bagi menjawab soalan (b) bilangan pelatih-pelatih mengikut kaum yang telah memasuki Maktab ini di kedua-dua Cawangan sekarang ini adalah seperti berikut:

		<i>Kadet</i>	<i>Putera</i>
Melayu	...	431	343
China	...	14	89
India/Lain-lain	...	18	36

**Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub:** Berhubung dengan soalan asal (a) syarat minima masuk ke Maktab Tentera yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa ada dua saluran. Pertama yang terus ke Tingkatan IV dan yang keduanya mulai Tingkatan I. Suka saya hendak dapat penjelasan tambahan daripada jawapan tadi, adakah cawangan Putera ini disyaratkan 100% selepas lulus daripada kursusnya mesti masuk Armed Forces atau ada peratusnya yang boleh meneruskan akademiknya

sampai ke universiti tanpa diikat perkhidmatan Military. Kalau ada, peratusnya berapa daripada keseluruhan pengambilan?

**Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Kadar peratusan yang telahpun ditetapkan daripada tahun 1968 hingga sekarang berbeza di antara 25% hingga ke 100%. Kalau seseorang itu diikat memasuki cawangan Putera dan telah lulus, ini bukan bererti mereka tidak boleh pergi ke universiti. Sebenarnya dalam keadaan sekarang ini mereka yang ingin mahu masuk dalam Angkatan Tentera dan lulus daripada cawangan Putera ini dan boleh menuntut lagi akan diberi biasiswa untuk melanjutkan pelajarannya ke universiti.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Bolehkah atau tidak Yang Berhormat Menteri, untuk menyedapkan hati terutama sekali ada setengah daripada parti lawan seperti DAP dan sebagainya selalu bertanya mengikut kaum yang masuk dalam latihan terutama sekali dalam Tentera dan FELDA. Pada hari semalam Timbalan Menteri Tanah dan Galian telah memberi penerangan yang cukup jelas yang dapat kita sama-sama mendengar berkenaan pengambilan ini. Jadi boleh atau tidak Yang Berhormat Menteri terangkan supaya jangan perkara ini timbul dan timbul beberapa kali lagi.

**Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Apa yang saya hendak jelaskan, Tuan Yang di-Pertua, kalau ada perbezaan bilangan, memang perkara ini berlaku daripada semasa ke semasa. Misalnya, kalau hendak masuk Kadet, kita hanya boleh terima daripada bilangan orang yang ada minat dan yang akan didapati mempunyai kelayakan hendak masuk. Kita tidak boleh hendak mengambil lebih daripada yang ada minat. Jadi pada masa sekarang ini di cawangan Kadet di mana, kalau dipandang daripada keseluruhannya, memanglah lebih daripada bilangan bumiputra yang ingin hendak masuk dalam Angkatan Tentera dan mula training sebagai Cadet Officer di RMC.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Abu Bakar Titingan.

**Tuan Haji Fadzil bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Soalan No. 17.

## PINJAMAN PERUMAHAN— BAYARAN BALIK

**17. Tuan Haji Fadzil bin Ahmad** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan bilakah tempoh pembayaran balik pinjaman perumahan dari 15 hingga 25 tahun akan di laksanakan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk memanjangkan tempoh pembayaran balik pinjaman perumahan dari 15 tahun kepada 25 tahun adalah sedang dalam kajian yang mendalam oleh Kerajaan. Kajian ini adalah perlu kerana cadangan tersebut merupakan satu cadangan yang kompleks dan melibatkan bukan sahaja Kerajaan dan institusi-institusi kewangan tetapi juga ianya mempunyai implikasi ekonomi yang luas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, atas arahan Menteri Kewangan kajian di atas sedang dijalankan oleh suatu Kumpulan Pengkaji yang anggotanya terdiri dari Pegawai-pegawai Bank Negara Malaysia, Persatuan-persatuan bank-bank perdagangan, bank-bank saudagar dan syarikat-syarikat kewangan iaitu badan-badan yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan rancangan di atas.

Kerajaan memang sedar terhadap keperluan rakyat untuk mendapat sumber-sumber pinjaman perumahan yang murah. Oleh yang demikian, Kumpulan Pengkaji tersebut telah diberitahu supaya kajian dan perakuan mengenai cadangan ini dipercepatkan supaya dapat dipertimbangkan oleh Kerajaan dengan segera.

**Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah:** Soalan tambahan. Barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan boleh faham apa yang saya sebutkan berkenaan CGC. Jadi berkenaan dengan pinjaman rumah murah yang disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi, saya suka mengulangi balik, oleh kerana pinjaman ini di antara 4% kepada 9%. Pinjaman kepada pegawai-pegawai Kerajaan dikenakan 4% dan pinjaman selain daripada pegawai-pegawai Kerajaan dikenakan 9%; sama ada pendapatan rendah atau pendapatan tinggi. Adakah cadangan Kementerian ini hendak mengadakan juga iaitu satu pool pinjaman

sebagaimana diadakan CGC kepada peniaga-peniaga kecil untuk pembeli-pembeli rumah murah?

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, satu rancangan pinjaman untuk rumah kos rendah iaitu dibiayai bersama oleh E.P.F. dan Bank Negara Malaysia di mana satu tabung berjumlah \$400 juta telah disediakan untuk sesiapa juga yang pendapatannya kurang daripada \$400 untuk mendapat pinjaman dan bukan sahaja terbuka kepada pencarum E.P.F. tetapi juga orang yang bekerja sendiri yang ada sumber pendapatan dan boleh membayar.

**Dato' Sulaiman Ninam Shah:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mendapat tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan berapa lama agaknya kajian itu memakan masa supaya diberitahu kepada kita dan kita boleh beritahu kepada orang ramai?

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dengan gesaan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, pasukan petugas itu akan mengkaji dengan secepat mungkin.

**Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah:** Sedikit lagi penjelasan iaitu mengenai dengan kadar faedah kepada pinjaman-pinjaman rumah murah.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Minta ulang semula, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah:** Bolehkah saya dapat tahu kadar interest yang dikenakan kepada pinjaman-pinjaman rumah murah.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** 4% setahun.

## BAS MINI—PERKHIDMATAN

**18. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau bercadang untuk mengadakan perkhidmatan bas mini dalam bandar-bandar di seluruh Malaysia.

**Menteri Perusahaan Awam (Dato' Abdul Manan bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, persetujuan telah dicapai untuk mengadakan

perkhidmatan Bas Mini di Johor Bahru. Perlaksaanannya sedang dalam perkiraan untuk mendapatkan perkhidmatan yang cekap dan tidak mendatangkan masalah kemudian kelak. Di samping itu Kerajaan telah juga menerima cadangan untuk mengadakan perkhidmatan Bas Mini di Pulau Pinang. Cadangan ini sedang dikaji sama ada sesuai atau tidak untuk dilaksanakan.

Mengenai perkhidmatan Bas Mini di bandar-bandar lain adalah bergantung kepada keadaan yang akan dikaji dari satu masa ke satu masa.

**Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Apa yang saya diberi faham bahawa pihak di bandar Kuala Trengganu telah memohon supaya diadakan perkhidmatan seumpama Bas Mini iaitu beca roda tiga berenjin. Adakah pihak Menteri sedar iaitu di tiap-tiap bandar lebih-lebih lagi di tiap-tiap ibu negeri itu memang kekurangan transport Bas Mini dan sebagainya. Jadi kalau sekiranya Bas Mini itu tidak boleh diluluskan, adakah cadangan daripada Yang Berhormat Menteri supaya beca-beca roda tiga itu ditukar dengan menggunakan enjin sepertimana yang dijalankan di Indonesia dan di India pada masa sekarang.

**Dato' Abdul Manan bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar di atas permohonan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Trengganu untuk mengadakan beca berejin diadakan di bandar Kuala Trengganu dan perkara ini sedang dikaji oleh satu perunding yang khusus dilantik oleh Kerajaan untuk mengkaji sama ada ini akan melibatkan soal lalu-lintas dan juga soal-sosio-ekonomi terhadap penarik-penarik beca yang ada sekarang ini.

**Dato' Sulaiman Ninam Shah:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mendapat tahu daripada Menteri yang berkenaan dasar mengadakan Bas Mini di bandar-bandar ini, adakah bercanggah dengan perjalanan town bus yang ada sekarang dalam bandar yang telah ada berjalan sekarang. Kalau pada pendapat Menteri barangkali ada yang bercanggah, adakah Kerajaan bercadang hendak mengkaji semula kedudukan ini supaya tidak menjadi satu mala-petaka kepada satu pihak dengan sebab adanya perjalanan Bas Mini.

**Dato' Abdul Manan bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat di atas soalan itu yang mana telahpun saya jawab bahawa dari satu masa ke satu masa kita akan mengkaji, jika ada permohonan daripada orang ramai untuk mengadakan Bas Mini di dalam bandar-bandar. Kajian ini akan meliputi semua aspek termasuk perkhidmatan-perkhidmatan yang telah wujud.

#### SOALAN NO. 19 DITARIK BALIK

**Tuan Yang di-Pertua:** Pada pendapat saya soalan No. 19 sudah ditarik balik. Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub.

#### RELA—PENYALAHGUNAAN SENJATAPI

**20. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa senapang-senapang Rela telah digunakan oleh anggota-anggota Rela di Kampong Cabang Tiga Pak Kob, Repek, Pasir Mas membeli lebih dari 10 das untuk mengancam satu majlis ceramah agama oleh sekumpulan orang-orang PAS di atas sebuah Madrasah di kampung tersebut pada 4hb. Julai, 1979, jam 10.00 malam. Jika sedar, apakah tindakan yang telah diambil terhadap penyalahgunaan senjata-pi Kerajaan itu.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj):** Tuan Yang di-Pertua, setelah siasatan dijalankan di atas persetujuan ini didapati adalah tidak benar yang ahli-ahli RELA terlibat dalam kejadian yang tersebut itu.

#### RANG UNDANG-UNDANG

##### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1980

##### Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (14hb Disember, 1979)

### 3.21 ptg.

**Puan Dasimah Dasir:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung perbincangan yang telah dibuat pada hari Jumaat, maka saya rasa sukacita pada hari ini kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berada di hadapan saya, maka saya akan kemukakan apakah tujuan-tujuan dan cita-cita wanita pada hari ini.

Yang pertama, saya bagi pihak wanita berasa sangat-sangat dukacita kerana di dalam Majlis ini hanya ada seorang sahaja Timbalan Menteri wanita, iaitu bilamana melantik tidak dipandang kepada wanita-wanita. Tetapi wanita-wanita sekarang ini sudahpun ada kebolehan, ada pengetahuan maka saya percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak akan lupa di masa akan datang untuk melantik wanita-wanita sebagai Setiausaha Parlimen dan juga Timbalan-timbalan Menteri. Saya tahu Menteri Kebajikan Am sehingga hari ini tiada Timbalan dan juga Setiausaha Parlimen. Jadi apakah sebab wanita dipandang sangat rendah?

Berkenaan dengan hal ehwal agama, Pejabat-pejabat Agama Negeri-negeri saya tidak hendak menyentuh Raja-raja atau sesiapa, hanya saya memohon dan meminta kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya mengkaji semula dengan teliti undang-undang dan peraturan pentadbiran Pejabat Agama di seluruh Malaysia termasuk Pulau Pinang kerana ada kemungkinan tersilap atau tersalah di dalam undang-undang yang telah dicetak dahulu tetapi kita tidak memerhatikan atau kita tidak memandang di manakah clause-clause yang telah tersilap cetak itu. Saya berharap dengan permohonan dan permintaan saya ini akan mungkin cepat Pejabat Perdana Menteri menjalankan kerja-kerja yang telah saya terangkan ini.

Begitu juga saya meminta kepada Kementerian Pertahanan yang mana saya telah dengar dalam Perbelanjaan berjuta-juta ringgit diuntukkan bagi membesarkan tentera dan serba serbi bersangkutannya dalam negara kita ini. Saya berterima kasih dan bersyukur ke hadrat Allah yang mana pihak Kerajaan telah membesarkan tentera di negara kita ini. Tetapi apa yang mendukacitakan saya, kita pandang dan selidik balik tentera-tentera yang telah menerima nasib malang, yang telah terkena berbagai-bagai

kecelakaan di negara kita ini, yang mata buta, yang patah, yang dipotong kaki, tetapi berapakah bayaran yang telah kita beri kepada si malang itu? Patutlah ditambahkan pemberian kepada tentera-tentera yang nasib mereka tidak begitu baik supaya mereka dapat hidup dengan mewah sebagaimana yang telah diterangkan oleh Menteri-menteri kita.

Baru-baru ini saya percaya Menteri telah berada di Pulau Pinang tentulah telah melawat ke hospital. Bagaimanakah perasaan melihat kaki tiada, tangan tiada, mata buta, berapa orangkah yang ada di situ? Ini patutlah kita membaiki kehidupan mereka sebagaimana penduduk-penduduk di setengah-setengah kampung. Tadi jawapan Menteri mengatakan kalau hendak mengambil calon-calon menjadi tentera atau polis hendaklah yang berkelulusan lebih tinggi. Tidak payah. Sebab kita masih ingat masa sebelum perang dahulu mata-mata buta huruf yang tidak tahu menulis sudahpun memerintah negara kita. Hari ini kalaulah anak-anak kita yang tidak beruntung yang tidak baik pelajarannya dengan kelulusan Darjah Enam sahaja patut boleh menjadi tentera. Kalau hendak jadi Jeneral atau yang berpangkat pilihlah dari orang yang berkelulusan tinggi. Ini semua kita hendak membaiki.

Begitu juga hospital. Saya tidak hendak bercakap panjang-panjang hanya saya mengambil sedikit. Bagi pihak saya berasa dukacita kerana hospital telah membuat satu peraturan dan aturan atau undang-undang. Kalau sekiranya orang itu hendak masuk Kelas A atau B maka hendaklah membayar wang pendahuluan \$600 untuk Kelas A. Kalaulah sekiranya seseorang itu malang terkena nasib yang tidak baik atau terjadi satu-satu kepada diri mereka, adakah hendak diminta orang itu membayar \$600 pada malam hari? Saya bercakap ini kerana saya sudah pun terkena. Saya berada di tempat meeting, cucu saya kena accident maka terus saya balik, saya melihat cucu saya telah duduk di dalam hujan. Selepas itu saya minta kepada doktor supaya dikeluarkan cucu ini untuk dibawa ke Blok A. Tetapi beliau minta \$600. Saya ini seorang Senator. Kemudian saya minta kepada dia bahawa besok saya akan beri wang itu tetapi dia tidak peduli Senator atau tidak Senator: "Ini undang-undang, awak tidak lihat apa yang ditulis?" Saya kata saya lihat, bukan saya buta huruf tetapi saya minta dengan ihsan beliau, tetapi tidak diberi. Saya terus

telefon kepada Pengarah dan beliau benar-benar. Perkara macam ini adalah membawa akibat yang tidak baik kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam soal ekonomi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri-menteri di dalam ucapannya sangat-sangat memuaskan khususnya soal perumahan. Banyak projek perumahan yang murah telah dibuat untuk rakyat tetapi jawapannya semuanya tidak betul. Kalau Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan hendak marah esok pun saya terima, kerana di Pulau Pinang, Tuan Yang di-Pertua, projek perumahan di sana tidak ada rumah murah, sehingga orang-orang Melayu sudahpun duduk di tepi laut. Kalau \$20,000—\$30,000—\$50,000 dan \$80,000 di mana orang miskin hendak beli rumah. Begitu juga Timbalan Menteri kata boleh pinjam 15 tahun atau beberapa tahun, tetapi sangat-sangat payah kalau kita hendak meminjam beli rumah atau hendak tukar daripada satu bank ke satu bank, kena minta pula keizinan daripada Pejabat Tanah. Ini duit kita, rumah kita sehingga hari ini belum dijawab oleh Pejabat Tanah.

Ini semua, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya dapat dibaiki kerana kita selalu menyuarakan negara kita adalah negara demokrasi yang paling kita agungkan sudahpun 20 tahun lebih kita memerintah negara kita ini, jadi Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri menjawab itu, janganlah kadang-kadang kita tanya lain jawab lain; jadi tidak puas hati.

Jadi inilah sahaja, saya tidak hendak mengambil masa panjang, Tuan Yang di-Pertua, kerana banyak lagi sahabat-sahabat saya hendak bercakap. Saya berharap dan saya minta sekali lagi dengan ehsan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita jika hendak lantik Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen yang akan datang ini, lantiklah wanita sebagai Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memberitahu bahawa hari ini ialah hari penghabisan untuk perbincangan atas Rang Undang-undang Perbejalan 1980. Pada hari esok Yang Berhormat Menteri-menteri akan menjawab. Memandangkan ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin hendak bercakap, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat meringkaskan ucapan mereka.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Puan Hajjah Salmah.

*3.34 ptg.*

**Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, telah banyak Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi ulasan sama ada memuji, menghentam, menyokong, mengikut pandangan dan fikiran-fikiran yang bernas dan jujur. Dari mula Dewan bermesyuarat sampailah hari ini hari yang akhir perbincangan, maka memandang hujah-hujah yang dikemukakan dan sebagainya sama-sama bertanggungjawab terhadap keselamatan negara dan pembangunan negara maka saya turut mengeluarkan bahan-bahan sekadar perlu difikirkan dan dapat dijawabkan kelak oleh Menteri-menteri yang berkenaan dengan jelas-sejelasnya.

Walaupun banyak Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada di Dewan Rakyat dan di Dewan Negara ini memuji dan menyokong Anggaran Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, Yang Mulia Tengku Razaleigh, saya juga turut sama menyokong dan menerima Budget ini yang saya sifatkan sebagai baik, sederhana dan dapat diterima pada penggal dan musim 1980 yang akan datang ini walaupun 1979 sudah pergi, maka hendak dikatakan terlampau bagus sangat nanti dituduh dengan bermacam alasan pula dan kalau dikatakan kurang bagus akan diulas pula sebaliknya. Tetapi pada saya dan pada pandangan saya, rakyat menerima Budget ini dengan perasaan lega, tenang gembira dan boleh disifatkan sebagai langkah nasib baik menuju ke tahun hadapan hidup sederhana dan harapan yang makmur yang tidak akan membebankan.

Tuan Yang di-Pertua, kepada saya dan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini, adalah merasakan tidak sepatutnya berlaku dan tidak logik di dalam perilaksanaannya, kerana sewaktu Yang Berhormat Menteri Kewangan membentangkan laporan Budget negara ini pada bulan Oktober lalu, Ahli-ahli Dewan Negara tidak dijemput sama, kenapa? Kalau sewaktu pembukaan Penggal Pertama Dewan Parlimen, di mana Yang di-Pertuan Agong akan bertitah, Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara duduk bersama-sama menghadiri upacara pembukaan itu. Maka sepatutnya apabila Budget negara yang penting ini dibentangkan alangkah baiknya

kedua-dua Ahli-ahli Dewan ini duduk bersama-sama kerana sangat penting bagi semua Ahli-ahli Dewan mendengar. Inilah suka saya membuat usul pada hari ini dalam perbahasan ini iaitu penjelasan yang benar. Tidaklah sesudah dua bulan barulah Dewan Negara ini diberi penjelasan berkenaan perbelanjaan negara kerana Ahli-ahli Dewan Negara juga menjadi tempat tumpuan, soalan, ulasan-ulasan dan fikiran orang ramai. Tetapi kalaulah Budget ini asing kepada kami semua apakah akan dapat dijawab oleh soalan-soalan, kemusykilan-kemusykilan dan syor-syor walaupun boleh hari ini dikemukakan tetapi masih tidak tepat masanya. Oleh itu, untuk masa yang akan datang dalam perkara-perkara yang sepeenting ini, saya harapkan dibiarkan berlaku lagi. Elok kedua-dua Dewan ini disatukan bagi kelancaran perkembangan dan pandangan umum.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Perbelanjaan Mengurus lebih daripada Perbelanjaan Pembangunan. Dalam perkara pengurusan masih ada lagi dan masih banyak lagi perkara-perkara yang patut diperbaiki dan ditegaskan demi kelancaran pengurusan. Rungutan dan keluhan samada dari rakyat ramai dan Ketua-ketua Jabatan selalu kedengaran di seminar-seminar dan dailog-dailog. Rakyat selalu mengemukakan rasa tidak puas hati kerana terlambat memproses umpamanya dalam soal permintaan dan memproses permintaan tanah yang begitu lama masih belum diatasi. Begitu juga lain-lain Jabatan dan juga Badan-badan Berkanun. Jawapan yang selalu diberi adalah kerana kekurangan kakitangan yang cekap kekurangan tenaga dan kekurangan alat-alat. Telah banyak tahun dirungutkan, tetapi kekurangan tetap kekurangan segenap segi. Diharap perkara ini pada tahun 1980 tidak lagi menjadi bahan soal dan jawapan-jawapan kerana tidak lancar satu usaha dan projek.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyentuh jabatan yang kita sedang berada ini iaitu Dewan Negara ini, Dewan Parlimen kita semua tahu. Dewan Parlimen lengkap dan cukup kakitangan jabatannya tetapi Dewan Negara saya selalu merasakan banyak kekurangan sama ada pekerja-pekerja dan kakitangan-kakitangan jabatannya, juga alat-alat jabatannya perlu sekali dirasakan sedang Dewan Negara bersidang kita merasa banyak kekurangan alat-alat dan kakitangan. Dalam perkara ini patut diambil perhatian berat untuk menambah kakitangan penting

bagi tugas Dewan Negara bersidang tetapi kalau di satu-satu masa nanti kedua-dua Dewan ini bersidang serentak maka kekurangan itu akan lebih terasa seperti pernah di masa-masa lampau kedua-dua Dewan ini bersidang lambat sekali kita menerima laporan kerana kekurangan kakitangan patut juga di pihak Kerajaan memikirkkan. Setahu saya sejak Dewan Parlimen dan Dewan Negara ini diadakan keadaan serba serbi tidak pernah berubah dan bertambah sama ada pegawai-pegawai dan alat-alat jabatannya seperti sedia kala dan ini sungguh memalukan kita kerana kedua-dua Dewan ini terutama Dewan kita inilah seolah-olah pinjam meminjam kakitangan dan alat-alat di samping kekurangan pegawai-pegawai. Barangkali kita maklum negara-negara jiran dan lain-lain di mana keadaannya kita lawati, kita merasa kebanggaan kerana lengkap dan sempurna alat-alatnya tetapi kita dapat berbangga dengan hanya barang-barang yang ada yang tidak pernah ditokok tambah.

Mengenai agensi-agensi Kerajaan dan badan-badan berkanun masih seperti keadaan lama juga. Jabatan-jabatan dan pegawai-pegawai seperti sedia kala walaupun tidak terdapat kemajuan dan ada pegawai-pegawai walaupun berpengalaman tetapi tidak dapat mempunyai daya tenaga masih kekal di tempat yang lama dengan tidak ada reaksi perubahan. Dalam masalah ini rakyat telah jemu mengemukakan rungutan dan bantahan tidak sekali bahkan berkali-kali tetapi masih tidak mendapat perubahan. Kerajaan sepatutnya bertindak kerana kita sentiasa menghadapi cabaran pegawai-pegawai yang telah tidak ada tenaga, yang ada hanya kenalan rapat, kawan lama, mengenang jasa, kerana budi dan kerja lama tetapi tidak ada tenaga penggerak menuju kejayaan dan kemajuan, eloklah dibuat sesuatu bagi menambah tenaga hala kemajuan dan kejayaan.

Di badan-badan berkanun masih ada lagi pilih kasih di dalam memilih pegawai-pegawai, kalau pegawai itu kenalan atau ada sesuatu maksud maka jawatannya tidak dikira kelulusan dan kelayakan. Ada pegawai yang telah bertahun-tahun bekerja masih dalam percubaan, ini ada beberapa bukti. Ada pegawai-pegawai yang hanya baharu dua, tiga bulan bekerja telah dirasmikan sebagai pegawai tetap. Ada pegawai kerana ia kenalan atau lain-lain perkara yang tidak bersangkutan dengan jawatan diberi pegang

jawatan walaupun kelayakan tidak ada, perkara ini sering berlaku yang sepatutnya diambil tindakan agar tidak timbul prasangka dan tindakan liar pada tahun 1980 kelak.

Berablik kepada Parlimen kita, Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan adalah sangat mendukacitakan mengenai Perkhidmatan Parlimen pada masa ini, kerana tidak ada pegawai yang mahir berkenaan hal-hal dan selok belok skim Perkhidmatan. Saya amat berharap agar Kerajaan dapat memberi kursus khas mengenai skim Perkhidmatan (Service matter) khas kepada pegawai-pegawai Parlimen bagi kelancaran pentadbirannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada B. 29 mengenai Perkhidmatan Pelajaran Nampaknya jelas dialog yang diadakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran dengan guru-guru dan kesatuan-kesatuannya masalah pertukaran antara guru dari satu sekolah ke lain sekolah, dari satu negeri ke negeri lain dan masalah guru naik pangkat turun taraf telah menjadi bahan perbualan perkara ini seronok atau gembira mahu atau tidak mahunya kepada saya masalah pertukaran guru-guru ini dari satu sekolah ke lain sekolah adalah tidak berbangkit tetapi apa yang menjadi masalah penting yang patut diambil perhatian serius ditimbulkan dalam masalah ini ialah pertukaran itu hendaklah didasarkan adil dan sama rata. Kalau hendak tukar pun mestilah ditukar jangan apabila sudah dibuat keputusan kemudian ditarik balik, perkara ini banyak berlaku, atau dengan alasan kerana orang Parti, orang awak adalah lain, orang harapan atau macam-macam alasan. Saya mencadangkan agar semua guru-guru mestilah ditukar dari satu tempat ke satu tempat dengan ditentukan sekurang-kurangnya tiga tahun sekali. Jangan ada guru tetap kekal di satu sekolah hingga bersara atau hampir hendak bersara baharu ditukar atau hanya guru itu bertukar hanya dalam daerah itu sahaja antara sekolah-sekolah. Kalau Kementerian boleh menukarkan guru umpamanya dari Pulau Pinang ke Pantai Timur maka sepatutnya kepada semua guru-guru mestilah merasa ditukarkan dari satu negeri ke satu negeri dan jangan ada pandang memandang dalam pertukaran ini.

Tuan Yang di-Pertua, menentuhkan tentang kenaikan pangkat, saya berharap hendaklah berdasarkan juga kepada kelayakan, pengalaman, kelulusan dan kursus. Rakyat akan menerimanya berdasarkan kecekapan pentad-

biran dan kejayaan pendidikan Sekolah-sekolah berasrama penuh hendaklah juga dibayangkan terutamanya di luar bandar kerana ini adalah penting di saat sekarang, kerana kemudahan anak-anak di luar bandar amat kurang dirasakan oleh mereka, agar Kementerian Pelajaran mengambil perhatian yang berat. Berkenaan dengan anak-anak yang habis sekolah, ini juga patut sekali Kementerian Pelajaran mengambil perhatian berat. Waktu anak-anak ini sedang menunggu keputusan peperiksaan yang mengambil masa dua atau tiga bulan, alangkah baiknya anak-anak ini terutamanya di kampung-kampung atau di luar bandar daripada mereka membuang masa dengan percuma di tepi-tepi jalan, di simpang-simpang jalan, di kedai-kedai kopi dan di tempat-tempat hiburan dengan tidak ada pimpinan, mengikut pandangan saya alangkah baiknya anak-anak ini eloklah diberi pelajaran vokasional atau tatatertib dan disiplin sementara menunggu keputusan peperiksaan itu akan menjawat apa-apa jawatan.

Dalam masalah ini, saya rasa kita dapat banyak faedah dari mereka membuang masa yang kalau silap-silap langkah akan terdoronglah mereka ke jalan kehancuran moral. Adakanlah bengkel-bengkel kecil-kecilan atau dirikanlah bengkel-bengkel terutamanya di luar bandar. Kita telah banyak mengeluarkan kelulusan dalam perkara ini, yang perlu kita fikirkan ialah anak-anak di luar bandar. Mereka kalau pun menjawat jawatan nanti hanya apa yang ada dan tidak ada dapat layanan yang sewajarnya, tetapi kalau anak-anak-anak bandar mereka banyak mendapat sokongan dan dorongan daripada pihak-pihak yang tertentu. Kerana itulah saya kuatkan di luar bandar atau apa salahnya yang sekarang Kerajaan sedang giat mengambil rekrut baharu ambil sahajalah atau arahkan sahaja murid-murid sekolah ini sebagai latihan atau dinamakan sekolah ini dilatih dua atau tiga bulan melalui sekolah-sekolah di masa cuti atau dalam tempoh menanti keputusan peperiksaan mereka. Sebagai yang diusahakan sekarang ini banyak kita nampak kebaikan-kebaikan yang kita dapati kalau kita mengambil perhatian benar-benar dalam masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, berpindah kepada B.15, sedikit saya sentuh soal perumahan. Dalam masalah perumahan ini sudah banyak kawan-kawan menyebut dan begitu juga dalam soal-jawab kalau disebut soal rumah

murah di mana sahaja FRU terpaksa dia panggil mengawal supaya tidak menimbulkan gejala-gejala tidak baik, begitulah ramai rakyat yang menghandaki rumah murah. Saya fikir eloklah Kerajaan sendiri dan juga Kerajaan mengarahkan pihak pemaju perumahan ini supaya lebih banyak membina rumah murah dari rumah-rumah yang berharga mahal kerana kalau dibuat rumah-rumah yang berharga mahal sahaja ini bukan boleh membantu rakyat yang miskin bahkan menambah kekayaan kepada orang yang kaya sahaja. Apa tidaknya, orang yang berada membeli semua rumah-rumah yang mahal, kemudian menjualkannya dengan mengambil keuntungan yang banyak dalam sedikit masa sahaja, rakyat yang miskin tidak berupaya membeli rumah mahal itu, apa lagi untuk diduduki rumah-rumah yang demikian. Saya rasa sindiket-sindiket ini telah bermaharajalela dengan mendapat keuntungan yang banyak yang tidak dapat dikesan oleh Kerajaan dan Kerajaan rugi berjuta-juta ringgit dalam perkara ini.

Saya timbulkan sedikit seperti di Pulau Pinang. Rumah mewah dan mahal dibuat seperti di Bukit/Mount Pleasure berharga ratusan ribu ringgit sebuah, dibuat berpuluh-puluh buah. Kenapa rumah ini tidak ada diuntukkan kepada bumiputra? Saya cuba bertanya-tanya adakah sebuah rumah diuntukkan kepada bumiputra dan saya cuba berpura-pura hendak membeli jawab yang diterima bahawa semua rumah sudah dibooking dan dijual, kepada bumiputra tidak timbul katanya. Dalam masalah ini juga akhirnya kita dapat tahu rumah itu tidak ada siapa yang punya dan walaupun yang bernama kita hendak membeli sengaja diletakkan harga yang bukan-bukan, yang tinggi harganya supaya kita tidak mampu hendak membeli. Ini kerap berlaku di dalam sengaja saya menjalani tugas ini.

Menyentuh tentang perancangan bandar dan desa, walaupun pada kalimahanya tidak begitu penting tetapi implikasi pembangunan amat besar artinya kepada penduduk setempat. Kerajaan hendaklah benar-benar membangunkan bandar itu benar-benar bererti dengan lebih banyak mementingkan maruah dan rohani serta lebih mementingkan rakyat yang berpendapatan sederhana dengan diperlukan kemudahan-kemudahan sosial dan kepada Kerajaanlah bertanggungjawab bagi menyesuaikan masyarakat itu sesuai dengan pembangunan negara dan corak negara dan

pembangunan itu janganlah hanya dipentingkan di bandar sahaja. Apa yang diadakan di bandar maka ini juga diusahakan di desa-desa, janganlah ada perbezaan di antara keduanya sedangkan kita semua faham masyarakat di luar bandar inilah lebih menyokong dalam segala aspek pembangunan dan tugas Kerajaan.

Berpindah kepada B.18 berkenaan dengan Arkib Negara dan Perpustakaan Negara. Saya merasa asing kerana tidak pernah dipelawa melawat atau mengambil tahu apa yang ada dan yang patut diambil tahu. Saya berharap supaya Ahli-ahli Dewan Negara ini Kerajaan hendaklah memberi taklimat sepenuhnya setiap Jabatan dan Badan-badan Berkanun supaya dapat mengetahui lebih dekat akan segala aktiviti-aktivitinya.

Berpindah kepada B.24, menyentuh soal pertanian. Nampaknya semua projek, rancangan dan subsidi selalu dirancangan dengan rancak apabila musim pilihanraya, terutama di pilihanraya-pilihanraya kecil. Adakah ini polisi Kerajaan atau apa-apa, terserahlah kepada Kerajaan tetapi bak kata orang utara, "buat dah".

Ada satu perkara lagi yang saya rasa Kerajaan tidak sedar benar-benar telah berlaku setiap rumah di bandar-bandar hari ini dan setiap rumah baru, di projek perumahan baru, mengikut perhatian saya sepanjang saya berjalan ada menanam pokok buah mempelam yang bermacam-macam jenis namanya. Pokoknya banyak, tiap-tiap rumah ada pokok mempelam kerana berghairah, sungguh, pokoknya subur, tinggi, rendang tetapi buahnya entahlah. Saya berharap Kementerian Pertanian kerana ini adalah menjadi perhatian dan minat masyarakat ramai dapat hendaknya diusahakan masyarakat di luar bandar ini di mana dapat memproseskan pokok mempelam ini supaya melahirkan buah-buah yang baik dan harap ambillah perhatian bagi pihak Menteri yang berkenaan bantulah dan tentukanlah jenis-jenisnya, tentukanlah bajanya, tentukanlah jenis buah-buah mempelam yang dapat menyaingi kualiti yang paling baik seperti yang datang dari negeri-negeri yang lain, janganlah dibiarkan membuat sendiri usah-usaha itu tetapi hasil belum diketahui. Kementerian ada, pegawai ada, pakar-pakar banyak sekarang ada bermacam-macam, dengan cara demikian kalau benar-benar bertanggungjawab dalam masalah ini kita akan

menjadi negara pengeluaran mempelam yang besar kerana sebahagian penanamnya adalah orang yang mampu, ada masa bekerja tetapi yang perlu ialah bantuan, nasihat dan tunjuk ajar supaya dengan keadaan demikian saya percaya Kerajaan dapat mengatasi dan dapat menolong daripada segi perkara yang menjadi penting ini.

Saya berpindah kepada B.25, menyentuh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, banyak tiap-tiap Kementerian ini saya ingin bercakap panjang secara detail tetapi malangnya Tuan Yang di-Pertua sudah memberi amaran, oleh sebab itu tiap-tiap bahagian ini hanya sekadar ringkas begitu sahaja, tetapi saya harap dapat perhatian daripada Kementerian-kementerian yang berkenaan. Menyentuh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian berkenaan minyak diesel yang sebok beberapa hari Dewan bersidang kita bahaskan, cuma sedikit saya tokok tambah. Saya dapat tahu tuanpunya-tuanpunya motokar yang menggunakan minyak diesel hari ini bercita-cita hendak menjual kenderaannya kerana yang terutama ialah minyak diesel susah dapat kerana setiap kedai menunjukkan papantanda 'minyak habis', 'sudah habis, jangan ditanya'. Dalam masalah ini kalau adapun terpaksa menunggu dan berbaris, beratur sampai begitu membuang masa, diikuti pula cukai jalan mahal. Maka dua kesusahan ini banyak menjejaskan kenderaan yang menggunakan minyak diesel. Kalau minyak diesel ada cukai jalan tidak pernah berbangkit tetapi bila minyak diesel menjadi kesulitan, maka dipandanglah oleh masyarakat perkara inipun dibangkitkan tetapi kalau sudah minyak tak ada, maka semua akan mendatangkan problem. Diharap Kerajaan dapat mengatasi agar jangan jadi seperti hasrat mereka itu yang juga mejejaskan perniagaan di negara kita ini.

Sebelum saya menyentuh kepada bahagian lain saya dapat menyelidiki satu masalah kepada agensi minyak diesel ini, saya ingin Menteri menjawab adakah tidak benar perkara ini. Saya cuba interview penjual diesel, saya bertanya kenapa dan mengapa berlaku demikian? Mereka mengatakan bahawa pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian hanya membenarkan 3,200 gelen sahaja ditaruh dan apabila sudah dijual rekod mesti diberi 3,200 gelen juga kepada Kementerian. Jika rekod ini tidak diberi dengan secukupnya maka didenda dan dibawa bicara

di mahkamah. Apakah benar perkara ini saya ingin tahu. Masakan mereka kata apabila mereka bawa minyak 3,200 gelen ini dari tempat yang jauh sudah tentu wap itu kehilangan dan waktu mengisi di motokar sudah tentu mengalir ke bawah, jadi dengan sendirinya repot itu tidak dapat memberi kepuasan kepada Kementerian sebanyak 3,200 gelen juga. Jadi sebab itulah kami sekarang tidak mahu lagi menjual kalau perkara ini hendak dibawa ke mahkamah. Oleh kerana saya tidak menjadi agen minyak, saya ingin tahu adakah arahan ini benar daripada Kementerian yang berkenaan? Maka dalam masalah ini juga patutlah kita mengambil perhatian kerana Ahli-ahli Yang Berhormat semua banyak yang memakai kereta minyak diesel, sehingga kami juga menjadi budak sekolah, berbaris tidak boleh memotong. Walaupun setengah agen benar-benar, tidak apalah, kereta saya selalu dibenarkan kerana semua agen kenal nombor kereta saya, boleh potong, tetapi saya bertimbang rasa. Bila kita memotong lori bagaimana orang yang di belakang itu, kecil hatinya kerana mereka tidak Ahli Yang Berhormat. Sebab itu biarlah kita berbaris. Dalam perkara ini patutlah diambil perhatian.

Berpindah kepada B.26, menyentuh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Cuma saya hendak tanya kenapa tidak diadakan sekolah tinggi atau rendah bagi olahraga dan kenapakah tidak ada sekolah muzik kerana di tiap-tiap sekolah ada sport, olahraga dan banyak sekolah mengadakan pancaragam, kenapa tidak diambil berat dalam perkara-perkara ini dan kenapa tidak diadakan bengkel-bengkel di tiap-tiap rancangan dalam mengadakan tempat-tempat latihan yang sewajarnya dalam perkara ini.

Banyak kita menghadiri jamuan-jamuan rasmi negara, negeri Pulau Pinang khususnya. Apabila kita pergi jamuan hari kebesaran Agong atau hari jadi Tuan Yang di-Pertua Negeri bila kita tengok penari dari mana yang ditayang dan ditunjukkan ialah dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Tetapi bila ditunjukkan, pakaian Ya Allah, penari-penari itu memakai seperti orang bekerja di rumah. Yang anihnya pula penari itu adalah terdiri dari orang kita, orang lain ramai menonton, jadi menjatuhkan imej dan maruah sedangkan perbelanjaan banyak kita beri kepada Kementerian ini. Cubalah diatur walaupun tarian payungkah atau sebagainya—saya pun bukan ahlinya, tidak

tahu apa jenisnya tarian itu, tetapi biarlah pakaian itu sempurna terutama kepada wanita-wanita yang mengambil bahagian itu. Kalau pakai kain janganlah sampai ke atas lutut, kalau pakai baju di majlis-majlis yang penting-penting janganlah berkemban, biarlah sempurna. Ini patut diambil perhatian.

Olahraga juga patut sekali kita mencontohi seperti di Jakarta, Indonesia di mana memberi pendidikan yang sewajarnya kepada guru-guru ini supaya bertanggungjawab betul-betul, tidaklah sambil lewa, jangan tiada ada diadakan. Jadi, masalah ini patut Kementerian yang terus mengambil perhatian.

Berpindah kepada B. 45 mengenai Kementerian Penerangan. Dalam bahagian ini saya rasa Kementerian ini rasa bangga kerana Ahli-ahli kurang mengkritik kerana berpuas hati. Tetapi dalam masalah ini saya bukan apa-apa, cuma Ahli-ahli Yang Berhormat semua rasanya tidak sempat menonton sebab itu tidak ada kritik, maklumlah kita sebok dan hendak mendengar pun tidak sempat. Kalau begitu apa yang patut saya sebutkan di sini ialah tentang pakaian yang tidak senonoh patutlah Kementerian ini mengambil perhatian waktu menyangkan filem-filemnya, banyak kita dapati pakaian itu tidak senonoh, rambut panjang dan dedah bulu dada, dedah aurat, pakaian tidak lengkap dan macam-macam lagi. Boleh kita lihat sendiri. Tetapi sekarang perkara-perkara ini telahpun bermula balik sedikit demi sedikit; bila kita lalai sahaja mereka buat apa yang kita tidak ingini sebab itu pihak Kementerian yang berkenaan hendaklah mengambil perhatian.

Begitu juga gambar-gambar Ahli-ahli Parlimen yang disiarkan, saya dapati ada Ahli Pembangkang tidak mahu disiarkan. Apakah itu arahan kerana parti Pembangkang. Kalau adil disiarkan sama.

Mengenai Jabatan Penerangan mengikut perhatian orang ramai Jabatan ini juga ada musimnya terutama kalau musim pilihanraya—minta maaf memang sebok terpaksa dikumpul dari seluruh negara. Kalau ada pilihanraya kecil ini sudah lumrah, cuma saya hendak tanya adakah ini dasar Jabatan ini?

Selain dari itu timbul rungutan berkenaan penceramah-penceramahanya pula. Penerangan ini banyak yang tidak senada, banyak pegawainya yang tidak ahli dalam satu-satu perkara, tetapi ditugaskan juga kepadanya, disuruhkan juga memberi ceramah, tidak tahu membezakan keadaan masa, tempat dan peserta serta penceramah selalu bercanggah dengan ulamak. Kalau bersangkutan dengan agama terutama dalam perkara perancang keluarga selalu menimbulkan rungutan ramai dalam masalah ini. Saya harap Kementerian mengambil perhatian dalam tiap-tiap perkara ini eloklah berhati-hati, janganlah mengikut ada sahaja walaupun isinya kosong dan perlulah diberi kursus yang betul-betul.

Saya tidaklah mahu rakyat hanya terpaksa mendengar dan menghadirinya kerana tidak ada lain kerja yang dibuat atau hanya sambil-sambil sahaja atau tidak mengambil hirau yang akan membuat mereka akhirnya nanti jemu, marah dan tidak puas hati.

Walaupun banyak perkara lagi yang akan saya kupaskan dalam Maksud B, ini tetapi kerana masa terbatas maka sebab itulah akhirnya saya hendak tanya sedikit lagi kepada Jabatan Perdana Menteri. Selain daripada Pertandingan Quran, Bulan Dakwah, Bulan Maulud dan lain-lain kegiatan agama yang telah ditradisikan kenapa sudah 22 tahun merdeka corak-corak Islam, amalan-amalan Islam, sinar-sinar kemegahan Islam, kebudayaan Islam, Undang-undang Islam, pakaian Islam pergaulan Islam tidak dikemukakan dan tidak ditonjolkan hingga ramai rakyat negara ini yang bukan Islam tidak tahu, tidak kenal benar-benar apa itu Islam sehingga perkara ini saya tidaklah tahu di mana salahnya, cuma kadang-kadang perkataan "Assalamu'alaikum" pernah sekali-sekali saya dengar, apakah ucapan itu benar-benar diucapkan atau hanya kerana ada sebab atau olok-olok, saya tidaklah boleh menilainya.

Selain dari itu, tempat seperti di pejabat-pejabat atau di mana juga sejak sebelum merdeka hingga sudah merdeka keadaan apa juga tidak pernah berubah, bak kata orang Pulau Pinang: duk tang itu juga. Tidak ada perubahan pakaian, perbuatan, amalan, semuanya seperti dahulu, terpulanglah kepada individu, seseorang itu yang hendak membuatnya. Bahkan kadangkala kalau ada orang itu membuat maka jadi bahan dan tumpuan istilah masing-masing.

Restoran-restoran dan tempat hiburan tertutup atau terbuka, minuman atau makanan seperti lama juga, minuman haram tetap bebas dan terbuka, makanan haram juga tidak ada sekatan, loteri dan judi bukan kurang bahkan bertambah keadaannya sama seperti itu.

Saya tidaklah tahu apakah itu caranya hidup cara Islam sedang kita telah maklumi di negara kita ini Yang di-Pertuan Agong, Sultan dan Raja-raja, Ketua-ketua Negara, Menteri-menteri, Ketua-ketua Adat dan Ugama boleh dikatakan semuanya beragama Islam, tetapi kenapa keadaannya tidak berubah sama seperti sebelum merdeka juga, tidak ada perubahan, tidak ada percubaan, tidak ada rancangan bagi pembangunan dan pembaharuan, cuma ada perkembangan Islam hari ini sekadar mendirikan masjid. Kalau itulah mahu dibanggakan memanglah itu boleh dibanggakan. Sebab itulah saya katakan kalau Kerajaan tidak memberi faham kepada mereka yang tidak faham agama Islam itu akan timbulkan seperti beberapa hari yang lampau semua orang tahu ada seorang Yang Berhormat mengeluarkan hujahnya, kononnya puak agama ini puak pelampau. Maka soal ini saya berdiri di sini sebenarnya setahu saya orang yang beragama tidak pernah menjadi puak pelampau, dia akan menjadi manusia yang adil, manusia yang wajar, manusia yang bertimbang rasa, segala tugas dengan teliti dan dia akan memberi rahmat kepada alam semesta dan pengisi alam yang ada di atas muka bumi ini. Inilah puak-puak agama yang baik. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya bacakan sepotong ayat al-Quran untuk membuktikan: *Wamaa-arsalnaaka illa-rahmatan lil'alamin*, yang mana ertinya: Tidaklah kami utuskan engkau wahai (Nabi) Muhammad melainkan untuk membawa rahmat kepada alam semesta.

Dengan adanya puak-puak agama ini tidaklah patut menjadi satu bahan yang menjadi intipan atau rasa curiga tetapi anggaplah ini puak yang betul-betul adil yang boleh menyelamatkan secara menyeluruh. Saya hendak bertanya lagi sedikit apakah memang telah menjadi dasar Kerajaan hanya mentradisikan apa yang telah ditradisikan atau di sebaliknya dengan apa yang saya katakan tadi. Dan saya juga tertanya-tanya ada pemimpin yang pernah berkata agama Islam adalah agama rasmi negara. Apakah ini benar dan adakah mereka jahil dalam

perkara ini? Kerajaan patutlah berterus terang kepada mereka dalam perkara ini. Saya menyeru Kerajaan bertindak mengikut yang diredhai Allah dan benar-benar rakyat dapat menilai dan mengikut atau mengambil keputusan yang sesuai dengan inspirasi rakyat. Oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pernah menegaskan Malaysia telah masuk ke kancah pergolakan di mana Malaysia hari ini akan membantu Thailand kalau diserang. Ini bermakna Malaysia telah masuk ke kancah peperangan kerana di Thailand hari ini serang menyerang, tembak menembak dan banyak askar yang terbunuh seolah-olah sama dengan peperangan. Kenapakah persiapan peperangan di negara kita ini tidak pernah ditonjolkan kepada rakyat? Apakah apabila telah benar-benar meletus peperangan, sehingga bergelimpangan mayat dan peluru simpang siur baru diisytiharkan perang dan baru rakyat disuruh beringat dan bersedia? Maka dalam perkara ini kita semua tahu sedang hari ini Menteri Luar Thailand telah berkata bahawa peperangan itu akan meletus bila-bila masa sahaja, entah esok atau lusa. Demikian dinyatakan dalam berita akhbar beberapa hari lalu. Jadi dalam masalah ini kepada Kementerian berkenaan mestilah latihkan askar dan tentera yang cekap dengan alat-alat moden untuk menghadapi musuh itu yang betul-betul moden dan jika perlu saya katakan di sini kenapa dan mengapa Kementerian berkenaan mengeluarkan lesen senjata. Perkara ini hendaklah diambil perhatian dan tindakan betul-betul. Kenapakah di negara kita ini rompakkan menjadi-jadi benar tetapi tidak lagi orang menyamun dan mencuri dengan begitu sahaja, asyuk apabila pulang ke rumah ditembak, keluar ke pejabat atau hendak pergi ke pejabat ditembak. Jadi soal lesen senjata ini berlaku sewenang-wenang hari ini harap di dalam perhatian kita. Maka Kementerian yang berkenaan diharapkan ambil perhatian waktu mengeluarkan lesen itu, biarlah kita kontrol sedikit, jangan sewenang-wenang benar diluluskan dalam masalah ini, akhirnya negara yang dikatakan aman dan makmur kelak akan habis rakyat mati dihujung pistol sahaja kalau tidak kita telitikan perkara ini.

Saya suka juga menyentuh sedikit dalam B. 51 iaitu Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Satu perkara penting Kementerian berkenaan ambil perhatian mengenai kilang-kilang yang ada di sektor tanahair kita hari

ini. Ini betul-betul saya dapat laporan di mana kilang-kilang itu tak ada langsung tempat sembahyang sedangkan pekerja di situ banyak orang-orang Islam dan gadis-gadis Islam. Dalam masalah ini saya harap pihak Kementerian berkenaan tolonglah ambil perhatian dan memberi arahan kepada majikan, kalau hanya pekerja itu memohon tempat sembahyang tanpa arahan Kementerian, sampai hari kiamat takkan dapat tempat sembahyang. Jadi akhirnya bagaimana dalam masalah ini kalau apa yang saya katakan di atas tadi ditradisikan ala ugama Islam tadi. Jadi dalam masalah inilah saya harap dapat Kerajaan bertindak segera.

Kedua mengenai uniform wanita-wanita kilang, setengahnya sudah baik tetapi masih banyak lagi yang tidak teratur dan tidak baik. Bolehkah Kementerian berkenaan mengarahkan supaya ketertiban uniform ini bagi wanita-wanita pekerja kilang itu diatur dengan lengkap supaya tidak mendatangkan perkara yang tidak diinginkan.

Ketiga, patutlah Kementerian berkenaan mengambil pekerja lelaki lebih banyak dari wanita supaya lelaki tidak menganggur. Hari ini dengan diambil banyak pekerja wanita, lelaki banyak menganggur, tidak ada kerja dan tidak ada tugas, terpaksa wanita pergi bekerja kilang, lelaki bekerja di rumah. Dalam perkara ini Kerajaan patut mengambil perhatian.

Berpindah kepada B. 61 62, 63 sekali jalan. Dengan tambahan belanja kepada Kementerian ini apa yang diharapkan supaya Kementerian berkenaan mengambil berat benar-benar di dalam bahagian pengirisan surat yang selalu benar tergendala, kadang-kadang surat penting selalu lambat sampai. Dan ini amat mendukacitakan dan kadang-kadang hilang terus di pertengahan jalan. Mungkin bagi kawasan luar bandar tempatnya jauh, posmen tidak sampai, tetapi dalam bandar terang-terang senang tempatnya, tidak ada apa halangan tetapi suratnya selalu hilang di tengah jalan, kadang-kadang tak sampai langsung dan patutlah diambil perhatian.

Paling penting bagi ketiga Kementerian yang saya sebut tadi, pembayaran meter bil telefon. Sekarang ini sudah menjadi-jadi sungutan di mana perkara ini sungguh mendukacitakan kita. Sungutan dan rungutan sudah banyak saya terima sehingga saya sendiri juga pernah terima banyak aduan

sedangkan telefon tidak digunakan begitu banyak tetapi kenapa bil-bil yang datang sungguh mengejutkan kepada pelanggan-pelanggan tersebut. Ada banyak aduan saya meminta maaf kepada pegawai-pegawai di Jabatan Telekom berasas kepada aduan-aduan yang banyak saya terima di mana pernah terjadi mereka tidak bercakap banyak, setengah pelanggan itu di rumahnya tidak ada orang, hanya dia seorang sahaja tetapi kenapa dan mengapa datang bil sampai meningkat begitu banyak bayarannya? Ini kabarnya ada sindiket, patutlah Kementerian berkenaan ambil perhatian betul-betul konon bila diselidik ada pegawai yang memakai telefon tetapi digunakan nombor orang lain. Jadi Kementerian berkenaan diharap ambil perhatian.

Saya juga hairan seperti di rumah saya di Kuala Lumpur pernah datang bil sampai \$600 lebih sedangkan manusia tidak ada di rumah, tetapi kerana tidak mahu bising kita bayar juga, kita malu telefon dipotong kita bayar, tetapi orang yang tidak mampu dan selalu membuat sungutan kepada masalah ini dan dalam perkara ini patutlah Kementerian berkenaan selidik benar-benar kerana bagi masa-masa yang akhir ini telah menjadi-jadi sungutan masalah ini. Bagi orang yang tidak ada tugas tidak menjadi halangan dalam masalah ini dia bolehlah duduk di samping telefon membuat report tetapi bagi kami yang bertugas banyak sekarang bagaimanalah hendak menunggu di samping telefon hendak membuat report siapa yang bercakap, siapa yang memanggil. Jadi dalam hal ini, saya rasa banyak perkara yang penting. Dan akhirnya dalam Bahagian Pengangkutan iaitu B. 54 Kementerian ini kalau kita bercakap selalu dijawab benda itu semuanya beres tak ada apa masalah. Jadi mungkin Menteri berkenaan jarang berjalan dengan keretapi barangkali jarang naik motokar, selalu naik kapalterbang sahaja, tak merasa kesusahan orang ramai, kenderaan secara VIP, masuk bilik VIP, terbang melalui kelas VIP, semua kelas VIP.

Tetapi bagi rakyat ini tolonglah fikir sama. Seperti Kementerian Pengangkutan dahulu kita semua pandang, masyarakat memandang paling selamat berjalan dengan keretapi itu habis selamat. Motokar tidak selamat. Kapal terbang selamat sedikit. Keretapi selamat, tetapi hari ini kenapa dan mengapa menjadi-jadi kegelinciran keretapi sehingga baru-baru ini. Ekspress Rakyat yang selalu sangat mengendalakan perjalanan orang. Sehingga

terpaksa kita hendak pergi mesyuarat sampai tergendala mesyuarat. Saya sendiri pernah naik keretapi dan saya terpaksa turun. Kali pertama kita naik keretapi kita duduk First Class, maklumlah duduk dalam bilik "air-con" tidak tersalah. Bila ditanya: sudah berjalan, kita pun tidur, tahu-tahu pada jam 6.00 pagi di mana? Di Sungai Buluh! Kenapa dan mengapa tidak diisytiharkan keretapi ini tidak boleh jalan supaya orang yang penting boleh balik ambil kapal terbang. Kita turun di Sungai Buluh jam 6.00 pagi, baharulah berkejar ke Airport pergi dapatkan kapal terbang, kapal terbang ada pula masalah; sekarang seminggu dahulu mesti dilaporkan, tempat tidak ada sedangkan mesyuarat mesti diadakan. Jadi perkara yang seumpama ini amat mendukacitakan.

Kali kedua saya naik keretapi, nasib baiklah ada teman anak laki-laki. Kena turun di Ipoh, turun di Ipoh ambil kereta terpaksa sebiji kereta memakan \$60 tambang kerana hendak mesyuarat di Pulau Pinang. Rosak di Ipoh. Jadi perkara ini patutlah Kementerian Pengangkutan, janganlah lagi melepas batuk di tangga menjawab kepada kami yang tidak ada VIP sangat supaya ambillah perhatian apalah jalan yang selamat lagi sedang keretapi sudah tidak selamat, kapal terbang cukup dengan engineer-enjineernya pun jatuh, habis mati semua. Jadi sekarang hati rakyat rasa-rasa sudah tidak mahu lagi kita berjalan, kapal terbang tidak selamat, keretapi tidak selamat, motokar tidak selamat, bolehlah Kementerian berkenaan jawab kata: sudah ajal. Ya, ajal memang: Izaja a-ajaluhum la-yas-tak-khiruna sa'atan wa-la-yas-takdimun. Memang tepat, apabila ajal sudah sampai di dalam Dewan ini juga kita boleh jatuh pengsan boleh habis menghembuskan nafas yang akhir tetapi ajal pantang kita tempuh sebelum kita ikhtiar. Jadi kepada Kementerian Pengangkutan di akhir ucapan dalam perbahasan ini saya harap ambillah perhatian supaya jangan memalukan kita lagi, begitu moden, begitu kaya makmur negara kita hari-hari orang baca suratkhbar keretapi tergelincir, kenapa kapal terbang jatuh. Jadi memalukan kepada orang-orang luar negara kita. Dengan kerana banyak lagi perkara yang hendak saya sentuh tetapi apa boleh buat untuk menjimat dan menghormati permintaan Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukuplah sekadar ini tetapi dalam jawabannya, saya minta sungguh Kementerian-kementerian ini ambillah perhatian dan memberi jawapan yang memuaskan kepada Ahli-ahli Dewan semuanya.

4.23 ptg.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan S.I. Rajah.

**Tuan S. I. Rajah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat ucapan bagi menyokong ucapan belanjawan 1980 yang dibuat oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah.

Belanjawan bagi tahun 1980 menunjukkan aliran ekonomi yang besar di negara ini. Bagi mempesatkan perkembangan ekonomi, saya ingin menyentuh beberapa kelemahan yang terdapat lebih-lebih lagi di dalam pentadbiran perkhidmatan awam kita. Pada amnya, pentadbiran dalam kaitan tanah dan lombong, terdapat banyak dokumen-dokumen yang dipulangkan kepada rakyat. Aktiviti-aktiviti perniagaan telah terjejas akibat masa yang terlalu lama diambil untuk mendaftarkan sesuatu pemindahan ataupun sesuatu dokumen charge. Di dalam sebarang pejabat-pejabat tanah di negara ini, kekurangan kakitangan adalah kelemahan yang paling utama.

Saya merayu kepada Kerajaan untuk mengambil lebih ramai lagi kakitangan dan mengatasi masalah kekurangan kakitangan ini secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, Operasi Isi Penuh yang dijalankan baru-baru ini hendaklah diproses dengan segera untuk mengisi jawatan-jawatan kosong. Selalu terdapat kakitangan Kerajaan yang hanya lebih mementingkan hal keadaan diri mereka sewaktu di masa pejabat dari menjalankan tugas mereka dengan memuaskan bagi memenuhi kehendak rakyat jelata. Setiap kali sewaktu saya sendiri pergi ke jabatan-jabatan Kerajaan, saya dapati kakitangan Kerajaan hanya berminat menyikat rambut mereka dan mencantikan diri mereka dan juga menghabiskan masa pejabat dengan bersembang. Mereka sepatutnya menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka di waktu itu.

Satu lagi perkara yang tidak menyenangkan ialah setiap kali apabila seseorang itu ingin berjumpa dengan seseorang pegawai kanan atau pun ketua jabatan, biasanya ia akan diberitahu bahawa pegawai tersebut samada sedang menghadiri mesyuarat atau pun tiada di pejabat. Perkara ini mendatangkan kesulitan kepada mereka (rakyat) yang pergi ke sana untuk meminta bantuan atau pun pertolongan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seumpama ini telah menjadi satu amalan biasa sekarang di kebanyakan Kementerian dan ini tidaklah menyihatkan. Saya merayu kepada kesemua Kementerian-kementerian ini untuk menjalankan tugas-tugas mereka dengan mementingkan kepentingan rakyat jelata dan mengaturkan agar mesyuarat-mesyuarat mereka diadakan pada hari-hari yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, juga didapati bahawa setiap kali seseorang pegawai kanan pergi bercuti, selalu terdapat tidak ada pengantinya. Saya ingin merayu kepada Kementerian Undang-undang dan Jabatan Perdana Menteri untuk menambah lagi jawatan-jawatan. Banyakkan bilangan hakim, Judicial Commissioners, Presiden, Majistret dan DPP, Jurubahasa-jurubahasa Mahkamah di seluruh negara. Selalu terdapat Bar mencela mahkamah dan mahkamah mencela bar kerana terdapat banyak kes-kes yang belum diselesaikan di negara ini. Perkara ini saya anggap sebagai disebabkan oleh kekurangan kakitangan dan sekiranya kekurangan ini diperbaiki, kes-kes ini dapat diselesaikan dan jika tidak, akan bertambah lagi kes-kes seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama terdapat juga Majistret-majistret dan D.P.P meletak jawatan. Perletakkan jawatan ini akan berterusan kecuali tanggungaji mereka diulangkaji. Sewaktu saya membaca suratkhobar pada dua hari dahulu saya dapati beberapa insentif dibuat untuk kaum professional. Saya harap perkara yang sama juga dibuat kepada mereka yang bekerja dengan Kementerian Undang-undang. Saya menegaskan di sini bahawa keperluan ini adalah mustahak demi untuk mengelakkan Majistret dan D.P.P. dari meletak jawatan ataupun meninggalkan perkhidmatan Kerajaan. Pihak swasta sangat bersaing sehingga dalam masa singkat yang akan datang, pegawai-pegawai ini (iaitu majistret dan D.P.P yang telah meletak jawatan) akan diserapkan di sana. Kes-kes yang kian bertambah dan fail-fail yang didapati hilang di setengah-setengah mahkamah di negara ini adalah disebabkan bertambahnya kerja tetapi bilangan kakitangan tidak bertambah. Saya ingin merayu kepada Kementerian yang berkenaan untuk mengambil pandangan yang serius mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ketidakcekapan yang saya perhatikan ialah di dalam Kementerian Pengangkutan lebih-lebih lagi berkaitan dengan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS). Penerbangan petang dari Kuala Lumpur ke Ipoh selalu dibatalkan dan akibatnya rakyat yang menanggung kesulitan perjalanan. Ini disebabkan Lapanganterbang Ipoh tidak mempunyai kemudahan-kemudahan bagi pendaratan malam. Penumpang-penumpang selalu diberitahu di saat-saat yang akhir bahawa penerbangan telah dibatalkan oleh kerana kapalterbang tidak boleh mendarat. Beratus-ratus orang ahli perniagaan telah membuat komplek kepada saya bukan sahaja dari mereka yang di Ipoh tetapi juga mereka dari segala pelusuk negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, urusan perniagaan mereka terpaksa dibatalkan dan ini sangat merugikan mereka. Saya menegaskan di sini bahawa MAS mempunyai tanggungjawab kepada rakyat. Pembatalan penerbangan yang kerap ini merosakkan perkembangan ekonomi perniagaan di Ipoh. Dua minggu yang lalu saya sendiri mengalami nasib yang kurang baik ini iaitu apabila saya diberitahu untuk menemui kakak saya yang tua yang sedang tenat dengan segera yang telah dimaksudkan ke Hospital Universiti. Saya telah membuat appointment dengan professor di Universiti Hospital untuk bertemu kakak saya pada pukul 7.30 malam dengan harapan bahawa saya akan dapat menaiki penerbangan 6.10 petang dari Ipoh. Apabila saya pergi ke lapanganterbang Ipoh saya telah diberitahu bahawa penerbangan 6.10 petang terpaksa dibatalkan. Dengan segera saya berlepas ke Kuala Lumpur dengan kereta dan apabila saya sampai di Universiti Hospital, saya dapati kakak saya telah meninggal dunia dalam masa satu jam yang lalu. Seseorang boleh mengagak berapa kejadian serupa itu yang telah berlaku dan ini sungguh menghampakan.

Saya merayu kepada Kementerian berkenaan untuk menimbangkan perkara ini dengan seriusnya supaya hal-hal serupa ini dapat diatasi di masa yang akan datang. Saya dapati juga bahawa kakitangan di bahagian meja reception di Lapanganterbang Kuala Lumpur tidak berapa sopan kepada orang ramai dan perkara ini seharusnya diperbaiki sekiranya negara ini ingin memprojeikkan imej yang baik kepada dunia. Keadaan ini

berlaku mungkin disebabkan tidak ada syarikat penerbangan lain yang bersaing dengan MAS bagi penerbangan dalam negeri. Saya harap Yang Berhormat Menteri Pengangkutan akan memberikan perhatian terhadap perkara ini dan akan memperbaiki keadaan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Senator Alexander Y.L. Lee.

4.36 ptg.

**Tuan Alexander Y. L. Lee:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kerana membentangkan satu Belanjawan yang berani pada kedua-dua Dewan Parlimen ini.

Belanjawan tahun ini merupakan Belanjawan yang paling imaginative dan membina sekali yang telah kita lihat di dalam sejarah negara kita setakat ini yang tidak hanya berusaha untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh negara pada masa hadapan tetapi juga meletakkan asas untuk struktur ekonomi yang teguh bagi tahun-tahun yang akan datang. Dia adalah satu Belanjawan yang menyeluruh yang pasti telah difikirkan dengan mendalam oleh perancang-perancang negara agar mengadakan satu Belanjawan yang meletakkan asas bagi pertumbuhan pesat ekonomi kita bukan sahaja untuk tahun 1980 tetapi juga untuk tahun-tahun selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, bukannya potongan cukai yang penting kepada kita. Seperti yang dikatakan oleh Menteri Kewangan potongan cukai ini adalah potongan cukai negara yang terbesar sekali yang berjumlah \$492 juta yang berbentuk percukaian langsung dan jika ditambah dalam bentuk subsidi seluruh bantuan Kerajaan akan berjumlah \$973 juta. Yang lebih penting ialah Belanjawan ini bertujuan menyelesaikan masalah-masalah yang mempunyai kesan kepada ekonomi kita.

Masalah yang sedang muncul ialah masalah inflasi dan kemerosotan ekonomi. Kedua bahaya yang kembar ini bila muncul pada masa yang sama boleh diistilahkan sebagai stagflasi. Di negara-negara yang maju terutamanya negara-negara di sebelah barat sedang mengalami masalah stagflasi ini.

Yang Berhormat Mulia Menteri telahpun menyatakan bahawa kedua-dua negara Amerika Syarikat dan Britain dijangka mempunyai kadar pertumbuhan yang negatif pada tahun akan datang dan juga mengalami inflasi dua angka. Dengan demikian Belanjawan ini telah menyediakan langkah-langkah untuk mengatasi seberapa yang mungkin masalah inflasi dan kemerosotan ekonomi ini.

Kita tidak boleh mengatasi masalah-masalah ini dengan sepenuhnya kerana kita mempunyai ekonomi yang terbuka dan arah aliran dunia akan mempunyai kesan kepada kita. Yang dapat kita lakukan ialah mengurangkan kesan-kesan buruk yang mungkin timbul dan dari segi ini saya dapati Belanjawan ini telah mencadangkan langkah-langkah yang menyeluruh untuk mengatasi kedua masalah ini, khususnya saya ingin menyambut penyusunan semula percukaian barangan. Susunan yang ada sekarang ini untuk kedua-dua perusahaan kelapa sawit dan getah adalah tidak adil dan telahpun ada perwakilan-perwakilan dari kumpulan-kumpulan yang terlibat untuk mengubah susunan tersebut.

Saya gembira kerana mendapati bahawa pada tahun ini Yang Berhormat Mulia Menteri telah akhirnya bersetuju menerima syor-syor Menteri Perusahaan Utama dalam penyusunan semula cukai-cukai ini. Ini khususnya akan membantu pertama sekali pelombong untuk mengeluarkan bijih yang lebih, yang kedua memperbaiki nafkah pekebun-pekebun kecil getah.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa yakin bahawa cadangan-cadangan yang dijalankan dalam Belanjawan sebagai perangsang kepada sektor swasta untuk menambahkan pengeluaran akan menerima sambutan baik. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri di dalam ucapannya dalam Dewan ini, mengikut beberapa kajian dan juga termasuk kajian yang dibuat oleh Bank Negara, cadangan-cadangan ini telah pun disambut dengan baik. Bagaimana pun bahaya yang mungkin muncul lebih dari yang lain ialah persoalan tentang inflasi. Jika kita mengalami arah aliran berbentuk inflasi seperti pada tahun 1974, apabila kadarnya meningkat 17%, ini akan menyebabkan kesengsaraan digolongan rakyat. Satu daripada cara untuk menentukan bahawa kadar inflasi ini berada di kadar

yang paling rendah ialah dengan menguntukkan jentera-jentera Kerajaan kita berjalan dengan kadar yang paling perlu. Kita mesti menentukan:

1. Terdapat bekalan yang cukup untuk memenuhi permintaan terutamanya barang-barang keperluan.
2. Bahawa permohonan-permohonan untuk menambahkan pengeluaran diselesaikan dengan segera.
3. Bahawa keputusan-keputusan dari Kerajaan dibuat tanpa sebarang kelewatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya ucapan yang dibuat oleh rakan sejawat saya Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin apabila beliau mengatakan bahawa kita harus melatih diri kita untuk mengatasi masalah-masalah yang akan kita hadapi. Tema Hari Kebangsaan tahun ini "Bersatu dan Berdisiplin" adalah tema yang patut kita terima untuk mengatasi tekanan-tekanan inflasi yang sedang kita alami. Jika kita memerhatikan keadaan sekeliling dunia, negara-negara yang dapat menentang inflasi dengan jayanya adalah negara-negara di mana rakyatnya amat berdisiplin dan bersikap sederhana di dalam hidup mereka. Kita akan dapati orang-orang negeri Jermani, negeri Jepun dan negeri Switzerland adalah orang-orang yang paling berdisiplin. Mereka bekerja dengan tekun dan tidak melakukan pembaziran dan pada dasarnya mengamalkan cara hidup yang berdisiplin.

Kita di Malaysia harus mempelajari ini. Para pengguna harus berdisiplin tentang bagaimana mereka membelanjakan wang mereka dan tidak membazirnya dengan membeli sesuatu barang yang tidak perlu. Pemborong-pemborong dan pedagang-pedagang runcit harus berdisiplin supaya tidak mengeksploitkan kenaikan barang-barang dari luar negeri akibat inflasi di Barat. Pekerja-pekerja kita harus berdisiplin apabila mereka meminta kenaikan gaji dan majikan-majikan harus berdisiplin supaya tidak mengeksploitasikan pekerja-pekerja mereka. Yang lebih penting sekali, jentera Kerajaan harus berdisiplin di dalam melaksanakan dasar-dasar Kerajaan terutama sekali bila mengurus dengan orang umum.

Bersama dengan disiplin, kita perlu juga kecekapan terutama sekali di sektor Kerajaan. Kita mesti berkecekapan apabila me-

rumus dasar dan apabila dasar ini ditentukan ianya harus dilaksanakan dengan cekap. Contohnya dalam sektor perlombongan, kita masih belum melihat satu dasar perlombongan Kerajaan Persekutuan yang menyeluruh. Kita sambut dengan baik susunan cukai yang baru bagi perusahaan perlombongan bijih yang telah diminta oleh perusahaan ini tidak lama lagi. Tetapi susunan cukai ini akan tidak berguna kecuali adanya pengeluaran bijih. Seperti yang kita ketahui pengeluaran bijih telah berkurangan sejak beberapa tahun yang lepas bukan kerana kurangnya minat oleh pelombong-pelombong tetapi kerana masalah tiada tanah untuk melombong. Pada masa ini seluruh perusahaan perlombongan bijih ini berada di dalam keadaan yang tidak menentu kerana pelombong-pelombong sama ada yang besar atau kecil tidak mengetahui dengan pasti sama ada pajakan perlombongannya akan dibaharui. Perusahaan perlombongan bijih pada masa ini berada dalam keadaan kucar-kacir dengan penyertaan perwakilan-perwakilan Kerajaan Persekutuan, penyertaan Perbadanan-perbadanan Kerajaan Negeri dan pelombong-pelombong kecil yang juga mencari nafkah.

Di peringkat yang atas sekali pelombong-pelombong asing yang telah disusun semula yang memasuki usahasama sama ada dengan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri masih mendapati yang mereka tidak dapat bergerak kerana mereka berada di tengah-tengah satu pertengahan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri di atas persoalan memberi milik tanah lombong. Akibatnya pelombong-pelombong asing ini yang hanya bertujuan untuk meneruskan perlombongan dan pengeluaran bijih mendapati ianya sedang jatuh di antara dua bangku dan tidak mengetahui apa yang harus mereka buat. Pada masa yang sama pelombong-pelombong yang menggunakan pam terutamanya pelombong-pelombong bangsa China yang merupakan tulang belakang perusahaan bijih bukan sahaja dari segi pengeluaran bijih tetapi juga menyediakan pekerjaan-pekerjaan di perusahaan ini dan bertanggungjawab bagi 55% daripada jumlah yang dihasilkan di seluruh negara tiba-tiba mendapati apabila pajakan perlombongannya berakhir, seorang lain yang mungkin mempunyai hubungan yang lebih baik, yang lebih rapat dengan Kerajaan Negeri yang berkenaan akan diberikan pajakan lombong yang baru ini. Dengan demikian walaupun

tindakan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan disambut dengan baik dalam membebaskan susunan cukai, punca masalah ini belum lagi diselesaikan oleh Kerajaan dan selagi masalah ini tidak diselesaikan dengan segera perusahaan perlombongan bijih ini akan terus menghadapi kesukaran dan kita akan kehilangan tenaga-tenaga mahir yang telah kita perolehi sejak kita menjadikan perusahaan bijih ini sebagai satu perusahaan utama di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa kurangnya kecekapan di dalam Kerajaan kita adalah satu-satunya sebab punca masalah kita. Kurangnya kecekapan menyebabkan kelewatan. Kelewatan melahirkan inflasi kerana bila satu rancangan dilaksanakan telah lama ditunda harganya sudah meningkat. Contohnya, rancangan perumahan yang ditunda selama setahun kerana kesulitan perancangan akan mendapati harga rumah tersebut setahun kemudian telah meningkat 15% hingga 20%. Kelewatan juga memberi peluang kepada timbulnya rasuah. Jika sesuatu fail di Pejabat Tanah ditangguh dari 3 hingga 6 bulan seorang pemaaju yang tidak dapat menunggu begitu lama mungkin menggunakan rasuah supaya failnya dipertimbangkan dahulu. Jika semua perkara diselesaikan dengan cepat oleh Kerajaan sebahagian besar rasuah yang ujud terutamanya di peringkat rendah akan dihapuskan kerana tidak adanya keperluan bagi ahli-ahli umum memberi rasuah kepada pegawai-pegawai. Lagipun dalam usah-usaha kita membantu masyarakat bumiputra untuk menceburkan diri dalam bidang-bidang perniagaan, kita mesti sedar bahawa kebanyakan dari modal mereka adalah dipinjam yang harus dibayar faedah atau bunga. Faedah atau interest ini akan menghabiskan modal yang dipinjam oleh peniaga-peniaga bumiputra ini dan akhirnya kejayaan mereka tidak akan terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui sama ada Kerajaan mengambil langkah-langkah mengkaji pada setiap waktu akan jentera pengurusannya. Semua jentera yang dibuka mesti dibaiki dan diberi minyak supaya ia dapat bergerak dengan lancar. Tuan Yang di-Pertua, all machinery has to be greased tetapi saya harap "greasing" ini will not come from the private sector. Kita sering mendengar yang pengurusan di Pejabat-Pejabat Tanah telah diberi perhatian tetapi hingga hari ini masih terdapat kelambatan di Pejabat ini, tanpa sebarang tanda bahawa

pembaharuan dibuat. Bilakah agaknya Kerajaan akan memeriksa kembali jentera pengurusannya dengan bersungguh-sungguh?

Tuan Yang di-Pertua, tentang masalah kelambatan adalah jelas dari Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Yang Ketiga bahawa Rancangan Perumahan tidak akan mencapai matlamatnya seperti yang telah dibentangkan di Rancangan Malaysia Ketiga. Masih terdapat kekurangan rumah-rumah yang amat sangat terutamanya rumah-rumah berharga rendah dan dikedanyakan negeri ianya mengambil lebih daripada setahun sebelum rancangan-rancangan perumahan diluluskan. Dari segi ini saya memikirkan bahawa langkah-langkah boleh diambil untuk menggunakan perkhidmatan pakar-pakar.

Sekarang ini walapun satu pelan diserahkan oleh seorang ahli senibina (architect) atau seorang Perancang Bandar (Town Planner), pelan tersebut mesti diperiksa oleh semua jabatan yang berkenaan sebelum ia melalui beberapa peringkat untuk diluluskan. Kalau tanggungjawab ini boleh diberi kepada seorang architect atau Town Planner jika dia menandatangani pelan itu dan mengakui bahawa dia memenuhi semua syarat-syarat dia bertanggungjawab dan dalam rancangan tersebut boleh dimulakan tanpa perlu menunggu kelulusan rasmi dari berbagai jabatan. Ini boleh juga dilakukan untuk pembinaan rumah atau bangunan-bangunan perniagaan di dalam Wilayah Persekutuan khususnya. Kalau ini dapat dilakukan yang perlu hanyalah mengadakan satu Akta Perancangan Bandar dan Desa (Town Planning Act) yang lengkap yang akan menyediakan perancangan bagi tiap-tiap kawasan yang berlainan seperti kepadatan dan nisbah kawasan. Selagi ahli senibina ini memenuhi syarat-syarat ini, perancangan tersebut tidak harus dilambatkan. Dengan cara ini seluruh pergerakan pembinaan dapat dipercepatkan dan kekurangan perumahan yang sulit dapat diatasi. Seperti sekarang ini mana-mana peguam-peguam bertanggungjawab memeriksa segala syarat-syarat hakmilik tanah sudah dipenuhi, sebelum menyediakan pindah hakmilik; ahli-ahli senibina harus diberi tanggungjawab memastikan bahawa semua syarat-syarat telah diperiksa dan dipenuhi sebelum menyerahkan pelan-pelan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan kecukupan dan kelambatan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri telah juga mengakibatkan satu keadaan kesempitan yang menambahkan keadaan inflasi. Selagi pembekalan barang-barang keperluan tidak mencukupi akan terdapat orang-orang yang mencari keuntungan berlebihan dan saya gembira kerana mendapati Yang Berhormat Mulia Menteri telah mengumumkan adanya semula Jawatankuasa Tetap Pegawai mengenai Pencegahan Inflasi.

Beliau juga menyatakan pemasaran ikan akan dikawal. Saya berharap dalam melaksanakan ini di negara kita sistem ini akan lebih cekap dari yang telah diperkenalkan bagi pemasaran pada Lembaga Padi dan Beras Negara diwujudkan. Pada masa itu terdapat kekurangan-kekurangan di beberapa tempat dan negara dan daripada membawa faedah kepada rakyat ramai penduduk telah mengalami kesusahan yang disebabkan cara pasaran yang kurang cekap oleh LPN.

Tuan Yang di-Pertua, saya pasti Kerajaan Barisan Nasional sadar akan amanatnya kepada orang ramai. Sejumlah besar dari rancangan-rancangan yang diatur untuk dilaksanakan semasa Rancangan Malaysia Ketiga telah gagal diuruskan. Jambatan Pulau Pinang contohnya adalah satu daripada rancangan-rancangan ini dan rakyat negeri Pulau Pinang masih tertanya-tanya bila jambatan ini akhirnya siap dibina. Ini adalah di antara amanat-amanat mengurangkan keyakinan rakyat kerana hanya semasa pilihanraya sahaja kita dengar yang rancangan pembangunan jambatan ini.

Dalam Belanjawan 1980 Kerajaan telah mengadakan peruntukan sebanyak \$20.724 billion, bukan million. Ini satu Belanjawan yang terbesar yang telah diperuntukkan. Seperti yang telah saya nyatakan dia adalah satu pendekatan yang berani dan baru dan terutamanya dengan perangsang-perangsang baru untuk penyusunan semula. Saya mesti mengucapkan tahniah sekali lagi kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kerana mengadakan satu strategi Belanjawan yang berani dan baru. Kita sesungguhnya mempunyai seorang Menteri Kewangan yang bersemangat tetapi saya berharap jentera Kerajaan dapat menyelaraskan langkah-langkah mereka dan bersemangat seperti beliau. Kalau kita dapat mencapai hanya 70% hingga 80% daripada angka-

angka Belanjawan bagi tahun 1980 saya pasti kita akan mengatasi masalah-masalah tekanan, kemelesetan dan inflasi yang akan kita hadapi pada tahun hadapan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan gembiranya menyokong Rang Undang-undang tersebut.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

**Menteri Tak Berpotfolio di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua Senator yang hendak berucap hari ini dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan 1980 telah diberi peluang berucap dan selepas itu Dewan akan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang hari esok.

**Tuan Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua Senator yang hendak berucap hari ini dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan 1980 telah diberi peluang berucap dan selepas itu Dewan akan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang hari esok.

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1980

*Perbahasan disambung semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Syed Hassan Aidid.

4.55 ptg.

**Datuk Syed Hassan Aidid:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang saya bercakap berkenaan dengan Belanjawan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum Belanjawan ini dikemukakan banyak orang teka iaitu boleh jadi ada cukai-cukai akan dinaikkan dan juga income tax assessment boleh jadi dinaikkan dan berbagai-bagai sangkaan. Tetapi Alhamdulillah, apabila Belanjawan dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh di Dewan Rakyat maka segala relief telah dirasai oleh seluruh penduduk-penduduk di Malaysia, khususnya satu perkara yang patut disebutkan di sini berkenaan relief kepada tax payer daripada \$2,000 dinaikkan sampai \$5,000. Ini bermakna seseorang yang berpendapatan \$400 lebih tidak kena cukai.

Saya juga diberitahu dengan kerana potongan cukai ini lebihkurang 40,000 tax payers tidak payah bayar cukai dan dengan potongan-potongan ini iaitu \$492 juta boleh dikatakan rugi kepada Kerajaan. Tetapi bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, kita memberi tahniah kepada Yang Berhormat Tengku kerana tiap-tiap tahun sebelum dia mengemukakan sesuatu budget, beliau telah berunding dulu dengan semua Chambers of Commerce dan Associations maka dengan sebab inilah dapat satu persetujuan daripada semua pihak dan ini adalah satu pertolongan kepada beliau supaya membawa satu budget yang sympathetic kepada semua rakyat. Saya berharap perkara ini akan dilanjutkan sehinggalah budgets yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang saya hendak bercakap dengan ringkasnya kerana masa tidak mengizinkan. Pertama saya hendak bercakap berkenaan dengan Airport di Bayan Lepas, Pulau Pinang. Namanya cukup indah "International Airport" atau "Lapanganterbang Antarabangsa", indah nama dari rupa. Tujuan International Airport di Pulau Pinang ini ialah membawa beberapa banyak pelancung-pelancung (tourists) daripada seluruh dunia. Sebagaimana kita ketahui dengan kehilangan Free Port maka Kerajaan telah berjanji supaya menolong penduduk-penduduk di Pulau Pinang khususnya mengadakan satu tourism industry tetapi apa yang mendukacitakan ialah selepas Kerajaan telah membelanjakan \$70 atau \$80 juta sepanjang yang saya tahu cuma lima airlines sahaja yang mendarat di Pulau Pinang iaitu MAS, Cathay Pacific, Thai International, Thai Airways dan Merpati. Manakah kapalterbang-kapalterbang besar yang kita harapkan akan

datang daripada seluruh dunia membawa pelancung? Bersangkutan dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin saya hendak memetik satu rencana dari suratkhbar *The New Straits Times*:

*"The International Airport is here but not the Tourists. It was opened with great ap.omb. Tour agents and hoteliers looked forward to it taking Penang tourism into the international big-time. But today, nearly a year after it was renovated, the Penang International Airport has yet to be international. The euphoria has given way to frustration. Those in the tourist industry are wringing their hands awaiting the deluge of tourists that they envisaged.*

Only five airlines—MAS, Cathay Pacific, Thai International, Thai Airways and Merpati—are using the Airport. Built at a cost of about nearly \$100 million, the Airport today looks deserted at certain times of the day, coming alive only with each flight. Other than that, the airport workers prefer to sit in their cool offices, giving the pride of Penang a deserted look. Penang has great tourism potential and if it is to be the Pearl of the Orient, not a hidden pearl, then the doors of the Airport must be opened a little wider."

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, tetapi tidak payahlah saya bacakan, ini adalah datangnya daripada *National Echo* yang menulis dalam ruangan Editorial panjang ceritanya.

Saya kurang faham, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah membelanjakan wang rakyat hampir \$100 juta tetapi rakyat tidak dapat apa yang dimaksudkan. Jadi, saya harap supaya Kementerian yang berkenaan tolonglah ambil berat perkara ini kerana di Pulau Pinang sudah pun membina banyak sangat hotel-hotel untuk tourist-tourist daripada merata dunia tetapi dukacita sampailah hari ini, tadi saya naik daripada Airport dan saya tidak nampak kapalterbang begitu banyak, boleh dikatakan senyap sunyi. Kalaulah begini keadaannya, saya fikir tidak payah Kerajaan membelanjakan begitu banyak wang, ada lebih baik kita berbalik kepada Airport yang dahulu, Kementerian

yang berkenaan patutlah mengambil perhatian dalam perkara ini. Ini adalah wang rakyat dan kalau tidak digunakan ia tidak menjadi berfaedah.

Kemudian sesudah bercakap tentang lapanganterbang, saya suka pula bercakap berkenaan dengan teksi. Pada masa dahulu kalau kita naik teksi karipada katalah Bayan Lepas ke bandar, maka kita kena bayar lebih kurang \$5 atau \$6 tetapi sekarang semakin sehari semakin naik sampai \$10 hingga \$15 dan bukan sahaja penduduk-penduduk di Malaysia kena begitu teruk tetapi tourists pun dia charge apa dia suka. Pada pandangan saya kalau di Kuala Lumpur kita boleh mengadakan cara kupon saya mencadangkan begitu juga di Pulau Pinang patut mengadakan cara kupon supaya menyenangkan orang-orang yang hendak datang daripada lapanganterbang ke bandar dan lain-lain tempat khasnya kepada tourists supaya dapat nama baik kepada Kerajaan.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Hospital Besar di Pulau Pinang. Saya berasa sangat dukacita kerana perkara ini saya telah bercakap tiap-tiap kali ada persidangan di sini hampir lima, enam tahun. Hospital Pulau Pinang ini bukanlah cater kepada orang-orang Pulau Pinang sahaja bahkan kepada orang-orang utara daripada Perak dan juga Kedah. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat melawat hospital itu tentulah Ahli-ahli Yang Berhormat berasa sedih melihat pesakit-pesakit tidur di koridor kerana terlampau banyak pesakit. Hospital itu tidaklah boleh dikatakan kecil tetapi masalahnya pesakit lebih banyak. Saya telah bercakap perkara ini supaya diperbesarkan hospital ini, saya telah bercakap boleh dikatakan daripada lima, enam tahun sudah kerana dengan diperbesarkan hospital ini maka dapatlah kita tambah lebih kurang 300 buah katil. Perkara ini sudah berjalan dan saya telah diberitahu ada peruntukan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Baru-baru ini dalam persidangan yang akhir ini, saya telah diberitahu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Sulaiman bin Haji Daud iaitu rancangan ini akan dijalankan pada tahun ini juga dengan belanja lebih kurang \$8 juta. Pada bulan September saya sebagai Ahli Pelawat Hospital itu dengan sahabat-sahabat saya yang lain telah mengadakan satu taklimat dan daripada taklimat itu orang ramai yang

beratus-ratus yang hadir diberitahu oleh pegawai-pegawai dan Pengarah Hospital iaitu mereka dapat tahu daripada Kementerian Kesihatan iaitu hospital itu akan mengeluarkan tendernya pada bulan September dan piling akan dimulakan pada bulan November. Tetapi, sampai ke saat ini apapun tidak ada. Ini sangat mendukacitakan kerana orang ramai khasnya di Pulau Pinang tahu sebenar-benarnya hospital ini akan diperbesarkan dengan belanja yang begitu banyak dan banyak lagi projek-projek yang saya dapat tahu daripada taklimat itu tetapi dukacita satu pun tidak berjalan. Saya bimbang kalau perkara ini berlaku begini dengan Menteri berjanji dan tiba-tiba tidak berjalan orang ramai tidak akan diadakan confidence bukan kepada Kementerian ini sahaja bahkan Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya dinasihatkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Perdana Menteri baru-baru ini dalam Pre-council iaitu tugas Ahli-ahli Dewan Negara ialah untuk bercakap supaya beliau tahu benar-benar Kementerian mana yang lembab. Jadi, selagi saya duduk di kerusi ini, selagi itulah saya hendak bercakap sehingga Kementerian Kesihatan memberitahu projek ini akan dibatalkan maka saya berhentilah. Saya hendak minta satu penjelasan daripada Kementerian yang berkenaan mengapa projek ini tidak dijalankan? Adakah sesuatu perkara yang tidak dijelaskan di dalam Dewan ini.

Satu lagi perkara berkenaan dengan Pulau Pinang juga iaitu berkenaan dengan bendang. Saya diberitahu sudah mula banyak bendang-bendang yang dipunyai oleh orang Melayu telah dijual yakni tukartangan dan apabila ditukartangan maka si pembeli tadi ini boleh dikatakan menembak tanah ini dan ratakan dan selepas setahun dua tanah ini daripada bendang dijadikan kawasan rumah. Jadi, mereka telah meminta kebenaran supaya ditukarkan tanah-tanah itu daripada agriculture kepada perumahan.

Perkara ini sedang berlaku hebat di Seberang Perai dan penduduk-penduduk di situ, khasnya orang Melayu berasa gelisah. Saya bimbang kalau perkara ini tidak diambil berat daripada Kementerian yang berkenaan bendang kita akan berkurangan dan kalau perkara ini berlaku bukan di Pulau Pinang sahaja, saya percaya di lain-lain negeri pun berlaku jadi satu masalah nanti bendang

kurang, nanti jadi masa Jepun dahulu, tuantuan yang seumur dengan saya ini saya fikir ingat lagi kita terpaksa makan ubi kayu. Supaya perkara ini jangan berlaku lagi kerana kita tidak boleh makan simen dan kayu yang dibuat rumah itu, kita terpaksa makan ubi kayu. Sebelum terlambat saya minta supaya Kerajaan Federal termasuklah beberapa Kementerian, khasnya Kementerian Pertanian supaya mengadakan satu polisi supaya tanah-tanah agriculture ini tidak dibenarkan ditukar kepada perumahan. Kalau tidak diatasi perkara ini saya bimbang nanti barangkali bendang tak ada kita akan hadapi kesusahan kalau peperangan datang. Hari ini kita bercakap fasal peperangan sahaja, kita tidak tahu besok boleh jadi peperangan sebulan, setahun, dua tahun. Jadi kita sudah belajar daripada masa Jepun dahulu kita makan ubi kayu. Saya minta supaya kali ini kita tidaklah jadi masalah. Kita sudah dengar daripada Menteri-menteri Agriculture daripada dahulu lagi kita ini akan dapat self-sufficiency tetapi bendang makin sehari makin kurang. Saya syorkan di sini supaya Kementerian-kementerian yang berkenaan dan khasnya Kerajaan kita ambil berat perkara ini supaya benda ini tidak akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perumahan kalau saya tidak bercakap saya percaya tidak puashati. Hari ini kita diberitahu oleh Yang Berhormat Tengku baru-baru ini penduduk di Malaysia hanya ada 13 juta. Oleh kerana tiap-tiap tahun 3% birth, bermakna tiap-tiap tahun 300,000 lebih kurang. Kalau dahulu masalah perumahan ini tak ada siapa bangkitkan, katakanlah 10-20 tahun dahulu tetapi oleh kerana keadaan memaksa, dengan orang pun makan lebih, population lebih, maka soal rumah ini satu soal yang betul-betul national interest.

Apa yang saya bawa di sini, Tuan Yang di-Pertua, kita tahu Kerajaan membina rumah, swasta membina rumah tetapi tidak mencukupi dan bukan soal tak mencukupi, bahkan soal harga. Saya suka beri satu contoh. Pada setahun dua dahulu saya dipilih supaya mengundi, pada ketika itu dalam kawasan dekat kampung saya 16,000 orang yang meminta permohonan rumah, lepas ditapis-tapis, 8,000 yang layak boleh dapat dengan syarat-syarat tetapi rumah yang ada 300, apa jadi kepada 7,700 itu, di mana orang itu hendak pergi? Ini soal pokok. Ini adalah national issue. Adakah kita hendak

biarkan perkara ini berjalan terus begini? Saya kluatir akan jadi kucar-kacir kalau orang-orang tidak puas hati dengan kerana perumahan dan saya bimbang satu perkara yang tak baik berlaku. Banyak orang-orang yang berjumpa dengan saya, biarpun ahli UMNO, biarpun ahli MCA yang bertanya kepada saya: Datuk, pendapatan saya antara \$200-\$300, bolehkah saya mendapat rumah? Saya sudah bermohon berkali-kali saya tidak dapat. Ini soal pokok. Bermakna di sini kalau perkara ini dibiarkan saya fikir tidak mungkin orang-orang miskin akan dapat rumah. Saya nampak satu jalan, kalau Kementerian Perumahan bersetuju mulai daripada hari ini mesti ada satu polisi tidak dibenarkan membina rumah-rumah teres ataupun rumah bersambung (semi-detached) dan rumah-rumah persendirian. Kalau pihak swasta hendak buat itu soal lain, ini antara Kerajaan dengan Kerajaan, kalau ada tanah-tanah lagi sepatutnya naikkan flat setinggi-tingginya 15-20 tingkat.

Saya pergi ke Singapura dan perhatikan di mana-mana flat yang tinggi, tidak semestinya kata flat itu mahal, boleh ada harga yang murah, boleh ada yang luxury. Saya fikir inilah satu jalan supaya dapat orang-orang miskin memperolehi rumah-rumah murah kerana kalau kita perhatikan satu orang pendapatannya \$300, dia hendak beli satu rumah berharga \$30,000, hendak kena potong \$200 misalnya, maka dia tidak boleh makan. Jadi kalau dengan adanya flat saya ada pengalaman dalam kampung saya, flat yang ada hari ini tidak kurang katalah \$100 sebulan ataupun \$50-60, kalau gajinya katalah \$300 dia masih lagi boleh bayar tak sampai \$100 dan dengan \$200 dia boleh hidup. Ini satu cara saya nampak, satu perkara yang besar. Kalau kita diamankan perkara ini sehingga kiamat orang miskin tak akan dapat rumah. Saya minta Kementerian Perumahan kenalah fikir habis-habis, benda ini berjalan, rumah yang \$100,000, \$50,000 memang tidak mampu sama sekali. Kalau rumah teres pun begitu, saya ingat tidak ada bawah daripada \$30,000 hari ini. Saya minta supaya Kementerian dan Kerajaan memerhatikan baik-baik sungguhpun kita tahu Kerajaan telah menaburkan begitu banyak duit untuk perumahan tetapi orang miskin tak akan dapat rumah sehinggalah kiamat kalau begitulah jalannya. Kalau rumah \$30,000-\$40,000 itu mustahil orang-orang yang berpendapatan bawah hendak dapat rumah, tidak ada jalan melainkan naikkan flat, di mana-mana ada tanah kosong

naikkan flat. Kalau pada masa dahulu orang hendak beli rumah flat dia tidak mahu, macam manalah saya hendak pelihara ayam-itek tetapi hari ini dia dengan suka hati, dengan rela kerana mereka ini menyewa bilik yang kecil tidak tentu air, tak tentu apa dengan \$150 hingga \$200.00. Ini satu pertolongan kepada orang-orang miskin.

Berbalik kepada bahasa. Dalam beberapa hari ini heboh sangatlah berkenaan dengan bahasa khasnya bahasa digunakan di mahkamah-mahkamah. Banyaklah kontroversi berkenaan dengan ini, ada pihak kata tidak boleh bercakap dengan Bahasa Kebangsaan di mahkamah kerana banyak perkara-perkara yang bersambung dengan perkataan-perkataan Inggeris, teknik dan macam-macam. Saya tak fikir perkara itu besar. Hari ini di Dewan Rakyat dan Dewan Negara gunakan undang-undang dengan bahasa apa? Bahasa Kebangsaan. Kenapa di mahkamah tidak boleh gunakan. Kalau tidak boleh digunakan kan di mahkamah yang tinggi-tinggi, gunakan di daerah-daerah dahulu kerana banyak kes-kes di daerah adalah perkara-perkara kecil, segala kecurian basikal, curi apa benda kecil-kecil—boleh, tetapi macam orang Melayu kata; kalau hendak buat itu seribu jalan, kalau tidak mahu seribu helah. Jadi ada pihak-pihak yang tidak ambil tahu sama soal bahasa wal hal kita tahu sebenar-benar ini adalah di dalam Perlembagaan. Bahasa Malaysia, Bahasa Melayu adalah bahasa kita, tidak boleh lari daripada itu. Kita teringat masa Jepun dahulu, dalam dua tahun saya sudah pass dalam Bahasa Jepun, fasal apa? Dipaksa, dihukum, kalau tidak tahu Bahasa Jepun boleh jadi dipancung tetapi kita terlampau liberal sekarang, tidak ada undang-undang yang mengatakan kalau tak tahu bahasa Malaysia dihukumkan. Jadi kita kena mulakan. Tetapi saya suka beri tahniah kepada Ahli-ahli Dewan Negara yang bukan Melayu. Satu ketika kita telah kritik banyak juga orang-orang yang bercakap dengan Bahasa Inggeris tetapi hari ini alhamdulillah, saya tidak dengar lagi, kesemua Ahli-ahli Dewan Negara bercakap dengan Bahasa Malaysia.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang supaya jadikan satu peraturan ataupun satu undang-undang khasnya kepada badan-badan yang bergabung dengan Kerajaan, misalnya, kita kata Kerajaan Tempatan ataupun Badan-badan Berkanun dan juga badan-badan lain patut daripada bulan

Januari ini mesti dibuat satu peraturan supaya mereka ini menjalankan mesyuarat-mesyuarat mereka dengan Bahasa Kebangsaan.

Saya suka memberi contoh disini—bukan saya hendak megah—tidak, saya dilantik oleh Kerajaan Pulau Pinang menjadi Pengerusi PBA—Pihak Berkuasa Air. Di situ mengandungi sama banyak orang Melayu dengan bukan Melayu. Bila saya pegang jawatan itu, saya kata satu syarat daripada saya mula pegang jawatan ini mesyuarat-mesyuarat PBA itu mesti dijalankan dalam Bahasa Kebangsaan. Cara itu berjalan terus sampai hari ini.

Yang lebih anih dan saya suka beri tahu pengurusnya seorang Cina yang bercakap Melayu lebih fasih daripada setengah-setengah orang kita. Saya mengatakan kalau kita hendak buat, boleh buat; kalau kita tidak mahu, itu soal lain. Saya mencadangkan di sini begitu juga.

Pada pilihanraya-pilihanraya yang akan datang biarpun pilihanraya Kerajaan Negeri ataupun Dewan Rakyat mestilah dijadikan satu syarat orang-orang yang hendak menjadi calon ini mesti fasih dalam Bahasa Kebangsaan, barulah kita boleh maju.

Kita telah tunjuk dan bukan kita hendak marah kepada orang luar, kalau kita sendiri tidak tunjuk satu tauladan, bagaimana orang luar hendak menjalankan apa dasar yang Kerajaan ada.

Akhirnya, berkenaan dengan Rukun Islam. Kita dengar heboh sangat berkenaan dengan hukum orang-orang yang bukan Islam berkhalawat dan berbagai-bagai lagi, tetapi saya hendak bercakap lain. Itu adalah Undang-undang Islam. Ini Rukun Islam. Satu daripada lima rukun yang diwajibkan kepada tiap-tiap orang Islam iaitu berkenaan dengan zakat harta.

Kalau dahulunya apabila saya bercakap dengan orang Islam, kenapa tidak bayar wang zakat ini. Dia kata, macam mana saya hendak bayar, saya kena bayar income tax, saya kena bayar ini. Betul juga, tetapi undang-undang yang telah diluluskan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang kita lulus dengan panjang lebar dengan kita bahas sesiapa yang telah membayar cukai kepada Pejabat Ugama iaitu cukai property maka dengan surat itu mereka boleh tunjukkan kepada Pejabat Income Tax akan dipotongkan wang yang dia telah bayar kepada

Pejabat Ugama tadi. Jadi tidak menjadi masalah, cuma masalahnya iaitu badan-badan ugama ini, jawatankuasa ugama ataupun Pejabat Ugama tidak menjalankannya.

Kalau kita bercakap di sini barangkali Menteri-menteri kata, hal ini perkara State, kita tidak boleh campur, tetapi apa yang sepatutnya kita ada satu Badan Pusat apa yang dipanggil Jawatankuasa Ugama Pusat—saya pun tidak berapa ingat, badan ini patut sudah sampai masanya menjemput semua Yang di-Pertua. Yang di-Pertua Majlis Ugama berunding atas perkara ini supaya berjalan dengan satu cara. Jangan Kedah membuat satu cara, Pulau Pinang satu cara, aib kepada kita sekalian. Saya ingat sudah sampai masanya maka Jawatankuasa Pusat menjemput semua Yang di-Pertua—Yang di-Pertua membincang perkara ini supaya berjalan kelak zakar harta dan ini akan menyenangkan orang Islam. Kita akan dapat entah berapa juta pun saya tidak tahu kepada orang yang layak membayar.

Inilah sahaja syor-syor saya, Tuan Yang di-Pertua, dan saya akhiri dengan ucapan terima kasih.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Choo Ching Hwa.

5.24 ptg.

**Datuk Choo Ching Hwa:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas Belanjawan yang dibentangkan. Pada pendapat saya Belanjawan ini mengandungi pendapat-pendapat rakyat yang beliau mendengar dan memakai secara luas.

Kita semua mengalu-alukan banyak langkah baru mengenai percukaian yang terkandung di dalam Belanjawan ini sebab langkah-langkah ini merupakan keazaman Kerajaan untuk mencegah pengaruh inflasi yang datang datang dari luar negeri dan yang menjadi faktor kepada masa depan ekonomi tanahair. Untuk mengatasi kesusahan di masa hadapan dan mencapai matlamat belanjawan ini usaha Kementerian Kewangan harus meneruskan semangat baru merapatkan perhubungan dan dialog dengan rakyat khususnya dialog dengan Dewan-dewan Perniagaan supaya langkah-langkah galakan ekonomi dapat dikesankan.

Seperti Yang Berhormat Menteri Kewangan telah berkata Malaysia sebagai sebuah negara sedang membangun tidak dapat

mengelakkan pengaruh pertunjukan ekonomi oleh negara-negara perindustrian ke atas ekonomi kita. Saya menyeru kepada Kerajaan supaya memberikan lebih banyak perhatian terhadap menggunakan sumber alam.

Selain dari menyusun semula structure percukaian barangan utama untuk membolehkan pihak pengeluar menikmati cukai lebih rendah, pihak Kerajaan khasnya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mestilah menggalakkan perindustrian yang menggunakan barangan utama tempatan sebagai bahan mentah sesuai dengan dasar kewangan nasional dan memberikan lebih banyak nasihat dan bantuan di segi-segi perindustrian dan sumber modal.

Barangkali Kementerian Kewangan boleh memberi lebih banyak lagi galakan kepada perindustrian yang memakai barang-barangan utama. Kami telah melihat usaha Kerajaan secara besar-besaran dalam meringankan bebanan hidup rakyat. Di harap Kerajaan dapat juga memerhatikan kesusahan rakyat dalam menyelesaikan masalah perumahan.

Walaupun Kerajaan telah menggalakkan tempoh pembayaran balik wang pinjaman perumahan dipanjangkan tetapi langkah ini tidak dapat mencegah kenaikan harga rumah. Kerajaan Pusat hendaklah memerhatikan masa yang digunakan oleh beberapa Kerajaan Negeri dalam meluluskan tanah perumahan. Biasanya Kerajaan-kerajaan Negeri memerlukan masa terlalu panjang untuk meluluskan projek-projek perumahan. Akibatnya pihak pemaju perumahan memasukkan kos tambahan ini ke dalam harga jualan rumah. Kami berharap Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan dapat mengadakan galakan peraturan-peraturan baru mengenai acara kelulusan projek perumahan dan juga memelihara perhubungan yang rapat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri. Sekarang terdapat banyak koperasi yang membantu rakyat dalam memiliki rumah.

Kerajaan sepatutnya mengambil inisiatif untuk menolong koperasi itu. Kerajaan-kerajaan Negeri patut meluluskan semua permohonan yang dibuat oleh koperasi bagi tanah perumahan untuk menolong ahli koperasi memiliki rumah. Lebih penting lagi Kerajaan hendaklah mempunyai konsep baru dalam perancangan bandar iaitu memberikan lebih banyak yunit dikandung dalam

projek perumahan jenis murah, misalnya, meluluskan pembinaan lebih banyak projek rumah pangsa 5 tingkat jenis murah.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul Belanjawan 1980.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Ismail bin Sheikh Ibrahim.

5.32 ptg.

**Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1980 di samping itu mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan yang membentangkan Belanjawan 1980 ini.

Saya mula-mula sekali sukalah menarik perhatian berkenaan dengan Belanjawan ini yang mana Belanja Mengurus dan Belanja Pembangunan sebanyak \$20.724 billion telah diperuntukkan. Maka sukalah saya bercakap masalah berkenaan dengan pembangunan yang mana pembangunan ini saya suka menarik perhatian terutama banyak daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap di dalam hal ini dalam masalah tertentu dan ini saya suka menarik perhatian berkenaan dengan keadaan kedudukan di dalam negeri Perlis dan negeri-negeri kurang maju.

Di dalam pembangunan ini yang diharapkan sekali ialah supaya dapat Belanjawan 1980 ini Kerajaan Pusat membantu negeri-negeri yang kurang maju dengan peruntukan yang lebih supaya negeri-negeri itu dapatlah memajukan berbagai pembangunan dan lain-lain lagi untuk memajukan negeri itu. Bagi negeri Perlis peruntukan tahun 1980 yang telah diluluskan di dalam Dewan Negeri nampaknya dalam kewangan negeri Perlis masih kurang dengan kerana itu apa yang saya ucapkan tadi dalam perbelanjaan itu iaitu pembangunan di negeri Perlis sangat kurang tempat-tempat pembangunan yang boleh dibuat di negeri Perlis ada beberapa tempat tetapi tidak dapat dijalankan disebabkan oleh kerana kekurangan kewangan. Kita harap dapat dimajukan sebagaimana di pekan-pekan Padang Besar tetapi tidak dapat dibuat oleh Kerajaan Negeri sebagaimana kita katakan kawasan bebas daripada cukai dan di tempat itu.

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah melawat ke negeri Perlis dan seterusnya melawat pekan Padang Besar sehingga ke kawasan yang termasuk tanah Kerajaan Negeri dan termasuk dalam kawasan Thailand yang mana ada orang berniaga, maka didapati kawasan di situ baik dimajukan. Tetapi sebagaimana yang saya ucapkan tadi di atas kekurangan itu maka tidak dapat dimajukan, maka pada hari ini kita berharap pada Kerajaan Pusat dapat menghantarkan pakar-pakar ataupun orang-orang yang berkenaan melawat ke negeri Perlis ataupun memberi bantuan kepada negeri Perlis untuk mengatasi masalah pembangunan, sebabnya di negeri Perlis kekurangan di dalam soal ini. Jadi boleh dikatakan pada tiap-tiap tahun penuntut-penuntut keluar daripada sekolah banyak yang tidak mendapat pekerjaan, hanya sedikit sangat yang dapat memegang jawatan Kerajaan jadi kebanyakan tidak mempunyai pekerjaan, maka kerana itulah pembangunan itu saya harapkan dapat diperuntukkan wang yang lebih besar.

Selain daripada itu, saya berharap seperti mana rancangan Kerajaan Perlis di kawasan Wang Kelian akan dijadikan bandar baru dan pekan di tempat-tempat itu sangatlah baik. Saya menyokong penuh tujuan Kerajaan Negeri Perlis untuk membuat bandar baru di Wang Kelian itu kerana Wang Kelian ini boleh dikatakan berperenggan dengan Thailand dan dekat sangat dengan Setol dan lebih kurang dalam 7 batu boleh sampai ke Setol. Kalau di situ dimajukan maka boleh dijadikan satu pekan besar dan ditempatkan penduduk-penduduk ke tempat itu dan boleh dikatakan di negeri Perlis berkenaan dengan keadaan perumahan murah pun masih kurang tetapi kalau tempat itu dimajukan maka boleh penduduk itu berpindah ke tempat tersebut, masalahnya seperti saya sebut tadi bersangkutan kewangan kurang.

Kedua, saya berkehendakkan perindustrian yang baru yakni kilang-kilang yang akan didirikan, maka selalu disebut tanah berkurangan di negeri itu. Saya suka menarik perhatian Kerajaan Pusat macam di kawasan Mukim Titi Tinggi itu kawasan tanaman padi yang tidak menjadi iaitu dengan dituai begitu sahaja, dengan kerana tempat itu tidak sesuai, padi tidak menjadi dan getah juga tidak menjadi. Jadi dengan keadaan itu sekiranya Kerajaan Negeri dapat bantuan daripada Kerajaan Pusat tempat itu boleh

dibangunkan kilang mengambil tanah itu, boleh dikatakan di situ banyak tanah Kerajaan dan tanah orang persendirian pun jika dapat diambil kerana tempat itu adalah berdekatan dengan Padang Besar dan berdekatan juga dengan Wang Kelian dan dijadikan pekan baru atau kampung baru berhampiran dengan Thailand.

Tetapi walau macam manapun kalau diadakan pekan baharu atau kalau pekan yang ada di Padang Besar itu tidak ada kilang-kilang untuk orang-orang yang tinggal di situ bekerja harus juga pekan baharu yang dicadang itu tidak dapat maju dengan kerana mata pencarian mereka tidak dapat ditumpukan sebagaimana saya sebutkan tadi. Bagi mengadakan mata pencarian ini, itulah yang saya sebutkan tadi aktiviti ini boleh dibuat kawasan perindustrian dan di situlah pekerja-pekerja yang tinggal di kampung, di pekan-pekan baharu di Padang Besar dapat bekerja di tempat yang saya sebutkan itu dan tidak berapa jauh hendak berulang-alik di antara kedua-dua tempat itu, Padang Besar dan begitu juga Kubang Krian.

Pertama sekali itulah yang saya harapkan dan yang kedua seperti saya sebutkan tadi iaitu kita patut menetapkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang dikatakan banyak mengambil pemuda-pemuda daripada wanita-wanita dan juga daripada belia-belia yang bekerja di negeri lain, kalau tidak kita tidak tahu apa akan jadi kepada Negeri Perlis sebab banyak pemuda-pemuda tidak bekerja di situ, banyak bekerja ke negeri-negeri sebagaimana Wilayah Persekutuan, Pahang, Johor, Pulau Pinang dan lain-lain. Kita mengucapkan banyak terima kasih kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang telah menerima pemuda-pemuda dan beliawanis ini untuk bekerja di tempat-tempat itu.

Tuan Yang di-Pertua selain daripada itu, saya suka menyentuh pula berkenaan dengan Jabatan Pertanian. Saya menyokong sebagaimana yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat Dato Syed Hassan tadi terutama sekali berkenaan dengan tanah-tanah pertanian. Tanah-tanah pertanian ini boleh dikatakan banyak yang telah dijadikan perumahan. Kita berharaplah kepada pihak Kerajaan tegas sungguh dalam perkara ini supaya tanah-tanah pertanian ini, tanah-tanah yang menanam padi terutama sekali tidak dibenarkan oleh Kerajaan mana-mana pihak yang akan membuat kawasan perumahan di tempat itu

kerana banyak berlaku di Negeri Perlis tanah-tanah penanaman padi ini terutama sekali sayang sekali tanah sebagaimana Kerajaan rancangan hari ini di perairan Muda yang begitu banyak Kerajaan telah habis dengan tujuan memajukan penanaman padi pada masa-masa akan datang tetapi dengan adanya pengambilan tanah ini untuk perumahan akan menghalang pengaliran air daripada satu tempat ke satu tempat.

Yang keduanya menjadi kekurangan tanah-tanah penanaman padi kerana boleh dikatakan di Kedah ini termasyhor dengan penanaman padi lebih-lebih lagi di Perairan Muda, jadi tanah ini akan susut dan tujuan Kerajaan untuk memajukan Perairan Muda akan menjadi kurang baik sedikit kerana kekurangan tanah. Dan di dalam pertanian ini juga saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat yang mana kawasan-kawasan yang sebegitu banyak dilanda oleh air masin sebagaimana kita mengucapkan terima kasih sehinggakan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri melawat dan seterusnya melawat ke tempat bund yang dibuat di tepi-tepi laut yang sepanjang lebih kurang 3 batu lebih yang akan siap sekarang nampaknya memberi keuntungan kepada beribu-ribu relong tanah bendang yang dinaikkan air masin sekarang ini, dengan penyiapan bund-bund itu menjadikan masalah tanah-tanah yang dimasuki air masin ini dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam soal pertanian ini juga kita mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita juga yang mengisytiharkan berkenaan dengan padi-padi baharu yang dibuat tanaman-tanaman ini. Ini menggalakkan petani-petani kita untuk menguatkan lagi usaha-usaha menanam padi ini. Tetapi di dalam usaha-usaha petani-petani ini, yang mendukacitakan sedikit ialah berkenaan dengan kekurangan tenaga manusia untuk bekerja terutama sekali di dalam bahagian menanam padi dan mengambil buah padi iaitu pada tiap-tiap tahun jadi kendala selalunya kita terpaksa bersusah-payah mengambil orang-orang daripada negeri Thailand untuk datang mengerat padi dan menanam padi tidak tetap masa buah padi masak. Itu pun tidak dapat mengatasi masalah-masalah itu dan kita harap kepada Kementerian ini akan berusaha seberapa yang boleh untuk menolong membanyakkan jentera-jentera untuk mengambil buah padi.

Selain daripada itu ialah untuk menanam ini adalah menjadi masalah sedikit sebab walaupun banyak daripada belia-belia atau beliawanis ini sebagai yang saya sebutkan mula-mula tadi kebanyakan belia-belia dan beliawanis-beliawanis ini tidak mengikuti jejak untuk menanam padi, pertama berkenaan dengan selut-selut, keduanya berkenaan dengan panas dan perolehan tidak begitu lumayan. Jadi itulah yang dikatakan tadi mereka suka makan gaji di kilang-kilang, buruh-buruh kasar ini tidak mahu turun ke sawah padi, walau macam mana pun kita berharaplah pihak Kerajaan akan dapat berikhtiar dalam masalah ini, maka masalah penanaman padi hanya tinggal orang-orang tua sahaja. Bahkan menanam padi pada masa dahulu boleh dikatakan \$10-\$15 sekarang menjadi sehingga ke \$50 atau \$60 serelong. Sekarang sudah tinggi harganya kerana tidak ada orang yang akan menjalankan penanaman padi, telah banyak kekurangan kerana orang tua-tua lama sahaja untuk menanam buah padi ini. Saya haraplah dalam perkara ini Kerajaan akan berikhtiar cara mana untuk mengatasi masalah penanaman padi ini dan salah satu saya ingat kalau dapat saya syorkan supaya kita melabur sahaja waktu menanam buah padi ini, tidak payah pakai tanam, kalau boleh dilaburkan begitu sahaja benih-benih ini, dapat dipotong kemudian. Inilah satu cara yang saya fikir boleh mengatasi masalah kurang penanaman padi ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pertanian ini juga satu daripada caranya kita harap supaya Kementerian Pertanian dapat memberi banyak peluang kepada belia-belia dan beliawanis-beliawanis untuk melawat dan begitu juga untuk memberi latihan yang lebih dalam bahagian pertanian semoga mereka tertarik hati dengan menjalankan pertanian ini, tidaklah mereka meninggal pertanian itu kepada orang-orang tua sahaja.

Dan satu lagi dalam hal pertanian ini juga berkenaan dengan tanah-tanah pertanian yang membolehkan penanaman-penanaman kekal masih banyak lagi di Negeri Perlis. Dengan adanya penanaman yang kekal ini seperti mana kelapa, kopi dan lain-lain, kita harap supaya diberi benih-benih yang bermutu. Kadang-kadang keadaan benih ini kita diberi begitu sahaja benih yang tidak bermutu, akhirnya manakala mendapat masa buahnya tidak begitu bermutu, jadi kita harapkan

kepada Kerajaan supaya dalam perkara ini juga Kementerian Pertanian dapat memberi benih-benih yang bermutu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya suka menyentuh sedikit berkenaan dengan Kementerian Kewangan berkenaan dengan bank-bank yang mana kemudahan-kemudahan yang diseru oleh Kerajaan supaya bank-bank ini khasnya menolong bumiputra. Di dalam soal ini kita nampak masih banyak lagi bank-bank tidak begitu mengambil berat dalam pertolongan ini, kita hanya nampak Bank Bumiputra yang memainkan peranan yang bersungguh-sungguh di dalam perkara ini. Kita haraplah supaya laungan Kerajaan ini dapat diawasi dan dapat diatasi oleh pihak Kementerian supaya bank-bank ini betul-betul memberi pertolongan khasnya kepada bumiputra.

Saya suka menarik perhatian kepada Bank Bumiputra yang ada di Negeri Perlis. Nampaknya bank inipun patutlah bagi pihak yang berkenaan mencari tempat yang sesuai sedikit kerana bank ini tidak selesa lagi dan keadaan kedudukannya kecil sedikit memandangkan orang-orang yang boleh dikatakan ramai di Negeri Perlis yang perlukan kepada perkhidmatan bank sekarang ini berbanding pada 10 tahun dahulu. Begitu juga tidak selesa dengan tempat-tempat kedudukan bagi pegawai-pegawai di dalam bank itu. Dengan kerana itulah saya berharap supaya pihak bank ini akan dapat mencari satu tempat yang selesa dan baik.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam masalah bank yang saya sebutkan tadi, saya nampak di Negeri Perlis, tempat yang akan didirikan bank ini tidaklah menjadi satu masalah sekiranya ada persetujuan dan baru-baru ini semasa Pengerusi Lembaga Pengarah Bank itu iaitu Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin melawat ke Negeri Perlis ada disuarakan oleh pihak Dewan Perniagaan Melayu Perlis tanah kosong yang masih ada. Sekiranya bank kehendaki kita nampak perkara ini tidaklah menjadi masalah yang besar kepada bank untuk mendapatkan tanah-tanah ini kalau sekiranya bank ini dapat uruskan dengan Dewan Perniagaan. Saya rasa dalam urusan ini masih berlarut-larut berpanjangan sehingga hari ini, tidak ketahuan lagi. Saya haraplah pihak bank akan dapat mengambil tanah-tanah ini dan dirikan sebuah bank di tempat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada bank, saya suka menyentuh sedikit berkenaan dengan UDA. Di negeri Perlis, UDA boleh dikatakan baru masuk sekali, dibuat bangunan yang berharga tinggi dan sewanya hendak mengikut taraf kedudukan bangunan-bangunan di Kuala Lumpur. Malangnya bagi penduduk negeri Perlis bangunan-bangunan ini tidak sesuai sama sekali mengenai sewanya, tidak dapat diduduki dengan sewa yang mahal. Dengan keadaan begitu barangkali UDA sudah takut hendak masuk ke negeri Perlis. Walaupun begitu apa yang kita harapkan masih ada tanah-tanah kosong di negeri Perlis yang patut UDA menolong Kerajaan Negeri yang tidak ada wang, terutama tanah kosong yang saya katakan tadi. Kalau dapat kerjasama daripada Kerajaan Pusat di tenggah-pegan, kalau dapat diambil oleh UDA satu daripada tanah Sekolah Cina yang telah ditinggalkan masih kosong dan begitu juga sekeping tanah hak Kerajaan Pusat iaitu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri—tanah berek, boleh dikatakan tempat itu satu tempat pusat perniagaan yang boleh dibuat di dalam negeri Perlis. Jadi kalau sekiranya kedua-dua tanah ini diambil oleh Kerajaan Pusat dengan pertolongan UDA ini, saya rasa tentulah boleh bagi pihak bumiputra membuat satu perusahaan daripada orang Melayu di tempat itu ataupun dibuatkan sebagaimana yang dibuat dengan jasa baik daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Alor Setar iaitu Pekan Rabu. Bagi negeri Perlis kalau tidak dijadikan Pekan Rabu, dijadikan kawasan Pekan Melayu.

Saya rasa dengan keadaan begitu dapatlah menolong bumiputra di negeri Perlis. Nam-paknya itulah dua kawasan yang patut diambil. Kalau didiamkan begitu sahaja akhirnya kawasan itu pun terlepas begitu sahaja dengan sebab Kerajaan Negeri tidak dapat hendak mengatasi masalah-masalah itu terutama sekali tanah yang saya sebutkan tadi iaitu tanah hak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, saya rasa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bolehlah melepaskan tanah itu untuk diberi kepada Kerajaan Negeri dan seterusnya kepada UDA.

Itulah beberapa perkara yang saya suka terangkan bersangkutan dengan UDA bagi mengatasi masalah-masalah yang berlaku di negeri Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu ialah bersangkutan dengan keselamatan dalam negeri. Perlis memanglah satu tempat yang berjiran dengan negara jiran terutamanya kita tahu keadaan kedudukan hari ini sama ada di atas peristiwa-peristiwa yang berlaku yang kita tahu bagaimana terancamnya di negeri Thailand dengan rakyat Kampuchea yang banyak masuk ke sana dan dengan keadaan Vietnam pun sudah hampir dengan Thailand. Jadi negeri Perlis adalah negeri yang mula-mula akan ditempuh kalau sekiranya terjadi peperangan atau apapun. Dengan kerana itu terutama sekali keadaan pasukan-pasukan keselamatan tentera kita haraplah supaya dapat diadakan beberapa batalion di negeri Perlis yang mana dicadangkan akan diadakan pada tahun 1980 ini dan sedang dirancang satu batalion yang akan diletakkan di negeri Perlis. Kita harap lebih lagi akan dapat dihantar oleh pihak yang berkenaan dan dibanyakkan di perbatasan ini.

Selain daripada itu pasukan keselamatan ini kita nampak ada dua pasukan yang bertugas hari ini. Satu ialah Unit Pencegah Penyeludupan dan Unit Pencegah Keselamatan. Kedua-dua ini ditugaskan di negeri Perlis. Berkenaan dengan Pencegah Penyeludupan ini memanglah kita nampak berjasa dan berjaya banyak rancangan-rancangan ini dan apa yang selalu kita mendapat tahu rungutan daripada pihak pasukan ini terutama sekali tempat kediaman. Tempat kediaman disewa di sana sini, tidak ada tempat yang tetap bagi mereka. Kita harap ini juga patut diambil perhatian dan diadakan perumahan yang tetap kepada pasukan UPP ini kerana mereka ini selalu menjalankan tugas-tugas yang merbahaya tugas yang selalu kita katakan menangkap di sana dan di sini dan selalunya dengan keadaan begini kita nampak keselamatan mereka adalah terancam sama sekali.

Dengan kerana itu kalau mereka duduk di rumah-rumah sewa keselamatan mereka tidak akan terjamin sebab berpecah-pecah mereka duduk, tidak ada tempat. Jika dibuat rumah-rumah kediaman yang tetap, dibuat satu kawasan dan dikawal dengan begitu ketat, ini adalah menjamin keselamatan kepada pasukan-pasukan ini kerana kita tahu pasukan ini bertugas, ramai orang mengancam mereka dan sakit hati atau macam-macam

lagi kerana penangkapan yang dilakukan oleh mereka. Jadi kita berharaplah kepada Kementerian . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ini telah lebih daripada 30 minit.

**Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim:** Sedikit lagi. Tuan Yang di-Pertua, jadi dalam unit UPP ini juga, saya rasa satu masalah yang timbul hari ini kerana pasukan-pasukan ini diambil, dicampur-campur di dalamnya daripada LPN, daripada pegawai Imigeresen dan daripada Kastam. Jadi ada juga rungutan-rungutan daripada ibubapa di dalam masalah ini kerana mereka itu terlibat dalam perkara ini. Ada waktunya bila mereka bekerja di pejabat-pejabat tetapi bila kena ronda yang sebegini akan membimbangkan sedikit keselamatan anak-anak mereka. Dalam hal ini juga kita harap Kerajaan akan dapat mengambil perhatian bagaimana masalah ini dapat diatasi.

Saya hendak sambung sedikit lagi iaitu berkenaan dengan kesihatan. Kesihatan ini juga dalam negeri Perlis banyak kekurangan pakar-pakar hari ini yang telah ditukarkan dan tidak diganti, seperti pakar mata, pakar sakit puan, pakar bius. Semuanya sudah menjadi kurang bagi negeri Perlis. Kita berharap Kementerian Kesihatan akan dapat menambahkan balik orang-orang yang telah ditukarkan hari ini yang didapati masih kosong. Mereka itu hanya datang seminggu sekali atau dua minggu sekali yang didatangkan daripada Alor Setar untuk bertugas. Jadi diharapkan sekiranya kalau dapat ditambahkan lagi pakar-pakar yang saya sebutkan tadi.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Subramaniam.

*6.01 ptg.*

**Tuan S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberi kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1980 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan di Dewan ini pada 10hb Disember, 1979.

Saya mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan oleh sebab pada keseluruhannya Belanjawan 1980 mengandungi langkah-langkah yang tegas untuk mencapai Dasar

Ekonomi Baru. Strategi Belanjawan 1980 yang dirangka untuk menentang arah aliran susutan dan melawan inflasi terutama sekali bagi meringankan kemunduran golongan-golongan yang miskin dan berpendapatan rendah adalah dialu-alukan dan dipuji. Belanjawan 1980 adalah bold but cautious. Belanjawan ini adalah tegas oleh kerana satu peruntukan perbelanjaan berjumlah \$20,724 juta dalam tahun 1980, iaitu \$10,688 juta untuk perbelanjaan mengurus dan \$9,856 juta untuk perbelanjaan pembangunan telah diuntukkan. Inilah peruntukan yang besar sekali dalam Belanjawan negara kita. Begitu juga potongan cukai yang terbesar dalam sejarah negara kita sebanyak \$482 juta dibuat.

Peruntukan besar ini dibuat untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi serta membendung inflasi. Walaupun Negara-negara OECD dan lain-lain negara dijangka menjalani pertumbuhan ekonomi yang paling rendah (negative) ekonomi Malaysia diramalkan berkembang dalam lingkungan 6.7% dari segi sebenar dalam Belanjawan ini. Ini adalah kurang dari kadar pertumbuhan ekonomi bagi tahun 1979 iaitu 8% dari segi sebenar. Walau bagaimanapun Menteri Kewangan telah memberitahu dalam ucapan beliau bahawa ekonomi kita mungkin mencatat pertumbuhan yang lebih baik lagi dari yang diramalkan sekiranya ekonomi antarabangsa tidak merosot lagi dari apa yang dijangkakan pada masa ini.

Cara dalam ucapan itu adalah satu approach yang menunjukkan berhati-hati. Kita maklum bahawa negara-negara OPEC bersidang hari ini dan ada kemungkinan bahawa harga minyak petrol akan dinaikkan lagi sekali. Mengikut laporan dalam surat khabar pada pagi ini Saudi Arabia tidak bersetuju menaikkan harga minyak petrol tetapi ada juga negara-negara yang menjadi anggota OPEC yang telah menyuarakan bahawa mereka hendak menaikkan harga minyak petrol. Jika harga itu dinaikkan ini akan memberi kesan-kesan yang buruk ke atas ekonomi negara kita. Mungkin boleh berlaku perkara-perkara seperti tersebut yang di luar daripada bidang kuasa atau pengaruh kita yang dapat mempengaruhi ekonomi negara kita. Oleh sebab itu kita lihat pula cautious approach dalam Belanjawan 1980.

Tuan Yang di-Pertua, satu langkah yang telah dicadangkan ialah untuk menarik balik pengecualian cukai yang diberi ke atas Ganjaran dan Pencen Kakitangan Awam yang

bersara sebelum berumur 55 tahun. Yang dicadangkan ialah pengecualian hanya dibenarkan ke atas Ganjaran dan Pencen Persaraan yang dibayar kepada pekerja yang bersara apabila meningkat umur 55 tahun. Tujuan cadangan ialah untuk mengekalkan kakitangan Kerajaan yang kanan dan berpengalaman untuk memperkuat keupayaan Kerajaan melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga dan Keempat. Bolehkah tujuan dicapai melalui cadangan tersebut? Ini adalah menjadi tandatanya.

Di sektor awam sebahagian daripada kakitangan yang meningkat umur 55 tahun atau pun sedekat-dekatnya membuat persiapan-persiapan untuk bersara dan menjalankan perniagaan private masing-masing ataupun memasuki sektor swasta dan menerima gaji yang lebih besar. Jika pengecualian cukai tidak diberi kepada mereka yang hendak bersara sebelum umur 55 tahun, kesannya boleh jadi mereka menunggu masa (mark time) sehingga 55 tahun tetapi tidak bolehlah Kerajaan menjamin perkhidmatan dedikasi dari mereka. Saya harap ini dapat dikawal oleh Kerajaan. Saya bersetuju bahawa kakitangan Kerajaan yang kanan dan berpengalaman perlu dikekalkan untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Keempat dan lain-lain rancangan. Tetapi untuk mencapai tujuan ini, barangkali Kerajaan hendaklah mengikut ataupun memikirkan cara-cara lain. Barangkali insentif atau cause ataupun privileges kepada kakitangan-kakitangan yang berpengalaman yang perlu boleh dibayar supaya mereka sahaja dikekalkan. Maka dengan perbuatan-perbuatan ini kakitangan-kakitangan yang tidak perlu ataupun mereka yang tidak berpengalaman, bolehlah digalakkan bersara sebelum umur 55 tahun. Ini juga akan memberi lebih peluang kepada pekerja-pekerja baru yang masuk pasaran pekerjaan tiap-tiap tahun selepas tamat pelajaran mereka. Kita tidak boleh melupakan bahawa bilangan penduduk di negara kita adalah sangat muda lebih kurang 62% bilangan penduduk adalah dari golongan umur di bawah 21 tahun. Kadar pengangguran walaupun kurang daripada 6.2% dari tahun 1978 ke 6% pada tahun 1979, kita hendaklah mewujudkan pekerjaan beribu-ribu pada tiap-tiap tahun untuk memberi peluang kepada mereka yang masuk dalam pasaran pekerjaan jika kadar pengangguran hendak dikurangkan lagi.

Berkaitan dengan perkara ini, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan atas pelancaran Operasi Isi Penuh. Dengan Operasi Isi Penuh yang dilancarkan pada bulan Ogos, 1979 sebanyak 42,000 pekerjaan baru akan diisi dalam sektor awam, menaikkan jumlah pekerja dalam sektor awam ke 713,000 lebih kurang 17% dari jumlah pekerjaan di negara kita.

Walaupun Anggaran Belanja Mengurus naik dari \$8,709 juta pada tahun 1979 ke \$10,680 juta pada tahun 1980, perbelanjaan yang tinggi akan membolehkan Kerajaan memberi perkhidmatan yang lebih baik dan luas kepada rakyat dan melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga dan Rancangan Malaysia Keempat. Dalam hal pekerjaan Kerajaan adalah menjadi majikan terbesar dalam negara kita dan oleh sebab itu, hendaklah menjadi "model employer" untuk dicontohi oleh majikan-majikan yang lain di sektor swasta.

Saya harap pengambilan pekerja melalui Operasi Isi Penuh akan mencerminkan kandungan penduduk berbilang kaum dinegara kita selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ikhlasnya saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan atas kejayaannya membendung inflasi melalui beberapa langkah-langkah fizikal, kewangan dan pentadbiran. Apabila kadar inflasi meningkat ke paras 17.4% pada tahun 1974, rakyat dan Kerajaan dan keseluruhan negara telah khuatir mengenai masalah ini, tetapi dengan langkah-langkah yang sewajarnya yang tegas, arus inflasi telah dilawan dengan jayanya dan kadar inflasi telah menurun ke paras 5% pada tahun 1978. Jika kadar inflasi tidak dibendung, ianya akan menjejaskan prestasi ekonomi paras pendapatan sebenarnya dan taraf kehidupan rakyat. Oleh sebab itu diharap Kerajaan akan meneruskan dengan tegasnya langkah-langkah yang perlu untuk melawan dan menurunkan inflasi.

Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah mendesak rakyat bersama-sama dengan Kerajaan memerangi inflasi dengan gaya hidup yang mudah (simple life style) yang dirancang adalah satu approach yang baru yang telah dicadangkan oleh Menteri Kewangan untuk melawan inflasi.

Rakyat kita hendaklah menahan diri dari menggunakan duit mereka membeli ataupun menikmati benda-benda ataupun perkara-perkara yang tidak mustahak. Dengan amalan

falsafah "Gaya Hidup Lebih Mudah" rakyat bolehlah meninggikan keupayaan mereka menyimpan wang dan juga menolong Kerajaan untuk melawan inflasi.

Dalam hubungan ini sokongan Menteri Kewangan kepada gerakan pengguna amatlah wajar dan dialu-alukan. Gerakan pengguna masa-masa yang lalu tidak dapat sokongan seperti ini untuk kegiatan-kegiatan menentang kenaikan harga dan amalan-amalan perniagaan yang tidak adil. Gerakan pengguna dengan kegiatan-kegiatannya bolehlah mendidik pengguna-pengguna mengenai hak-hak mereka sebagai pengguna, harga-harga berpatutan atau tidak dan langkah-langkah yang boleh diambil untuk melawan kenaikan harga.

Kesedaran pengguna (Consumer Consciousness). Mengenai perkara-perkara seperti ini masih kurang dan peranan yang lebih besar dan luas oleh gerakan pengguna sangatlah perlu. Menteri Kewangan dalam ucapan beliau telah berjanji bahawa Kerajaan akan mengadakan bantuan-bantuan perlu supaya gerakan ini dapat meluaskan rancangan dan aktiviti mereka diseluruh negara. Apakah bantuan-bantuan ini? Saya berharap satu peruntukan kewangan yang sesuai yang mencukupi dapat diberi kepada gerakan pengguna oleh Kerajaan supaya gerakan itu dapat dijalankan dengan licin dan berguna diseluruh negara.

Sebelum itu saya harap gerakan pengguna dapat menyampaikan kepada Kerajaan cadangan-cadangannya mengenai projek-projek ataupun aktiviti-aktivitinya yang akan dilaksanakan pada masa yang akan datang. Jika cadangan-cadangan itu dikemukakan kepada Kerajaan, saya harap peruntukan kewangan dapat diberi dari Kerajaan kepada gerakan ini.

Saya harap Kerajaan berminat untuk memperkukuhkan gerakan pengguna dinegara kita hingga ianya menjadi satu jentera yang kuat yang boleh melawan kenaikan harga dan amalan-amalan perniagaan yang tidak adil.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai beberapa perubahan-perubahan cukai yang telah diumumkan, cadangan supaya pelepasan untuk orang perseorangan dinaikkan kepada \$5,000 berbanding dengan \$2,000 sekarang dan pelepasan isteri sebanyak \$1,000 dinaikkan menjadi \$2,000 adalah mengembirakan segenap lapisan rakyat. Permintaan-permintaan pelepasan yang lebih telah dibuat beberapa

tahun dan beberapa kali oleh ramainya golongan-golongan, kesatuan-kesatuan dan parti-parti politik. Pelepasan yang diberi hingga sekarang menjadi unrealistic. Ada pekerja-pekerja dari golongan pendapatan rendah seperti di ladang-ladang yang telah dikehendaki mengisi borang cukai pendapatan perseorangan. Mungkin mereka tidak dapat bayar cukai tetapi untuk mengisi borang-borang cukai pendapatan ada pekerja-pekerja yang buta huruf yang membelanjakan duit mereka sebanyak \$50 hingga \$100 tiap-tiap satu tahun. Mereka keluar dari ladang-ladang ke pekan dan mencari petition writer untuk mengisi borang cukai. Pendapatan seorang pekerja penoreh getah ataupun pekerja kelapa sawit di ladang-ladang ataupun small holders bukanlah sebenar-benarnya gaji untuk tenaga seorang sahaja. Diseluruh ladang, baik di ladang getah mahupun kelapa sawit tiap-tiap kerja ditolong oleh sekurang-kurangnya seorang lain, biasanya oleh seorang muda Mata gaji mereka sebenarnya adalah gaji untuk lebih daripada seorang tetapi hingga sekarang mereka dikehendaki mengisi borang cukai dan mereka mengalami beberapa kesusahan selain dari membelanjakan \$50 hingga \$100 untuk mengisi dan menyampaikan borang-borang itu kepada pejabat yang berkenaan.

Saya harap dengan pelepasan yang lebih realistik akan diberi sekarang, iaitu golongan-golongan seperti pekerja-pekerja ini di dalam golongan berpendapatan rendah tidak mengalami kesusahan dengan dikehendaki mengisi borang cukai pada tiap-tiap tahun diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya cadangan supaya elaun untuk anak-anak yang belajar diluar negeri yang mana sekarang ini ialah dua kali jumlah pelepasan untuk anak-anak dinaikkan menjadi empat kali ganda adalah patut dan dialu-alukan. Tetapi tidak boleh dinafikan bahawa sebahagian besar penuntut-penuntut yang belajar diluar negeri adalah dari golongan orang-orang yang berpendapatan tinggi. Ramai penuntut-penuntut dari golongan berpendapatan rendah yang tidak berjaya untuk melanjutkan pelajaran mereka di universiti-universiti dalam negeri tidak dapat melanjutkan pelajaran di luar negeri oleh kerana kekurangan kewangan. Saya harap lebih banyak lagi wang disediakan oleh Kerajaan untuk biasiswa dan dermasiswa kepada penuntut-penuntut miskin ataupun dari golongan berpendapatan

rendah yang tidak dapat melanjutkan pelajaran mereka diluar negeri dan juga dari golongan yang berpendapatan rendah seperti penuntut-penuntut bumiputra ataupun penuntut-penuntut dari keturunan Cina ataupun India. Ini adalah selaras dengan dasar membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum yang ada di negara ini.

Dengan pandangan-pandangan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Fadzil.

6.20 *ptg.*

**Tuan Haji Fadzil bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana telah diberikan masa kepada saya untuk berucap di Dewan yang mulia pada petang ini. Dan terima kasih saya juga kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan yang telah membentangkan Belanjawan bagi tahun 1980 yang tidak berapa hari lagi akan menjelang.

Tuan Yang di-Pertua, setelah mengikuti apa yang telah dirancang dan diperuntukkan oleh Kerajaan maka saya rasa amat berbangga sekali dan seharusnya seluruh rakyat juga terus berasa bangga di atas daya usaha Kerajaan yang mana bersungguh-sungguh berusaha dan berikhtiar untuk memberi kesenangan, kemewahan, keamanan dan kemakmuran kepada keseluruhan rakyat yang berada di dalam negara Malaysia ini. Namun demikian, izinkan saya memberi sedikit pandangan dalam beberapa hal yang saya fikir patut saya utarakan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya ingin menyentuh tentang keselamatan negara yang saya rasa pada masa sekarang ini perlu diberikan perhatian yang wajar. Sebenarnya keselamatan negara boleh dilihat dari dua aspek iaitu dari dalam dan dari luar. Umum kita ketahui, keselamatan negara adalah bergantung kepada perkembangan semasa faktor-faktor dalam negeri dan juga perkembangan yang berlaku di luar dari negara kita. Dengan melihat, meneliti pergolakan di Asia Tenggara kini, khususnya pergolakan di Kampuchea, kemungkinan-kemungkinan di mana keselamatan negara akan terancam sentiasa wujud dan lantaran ini kita memerlukan persediaan yang lebih awal. Walaupun pihak yang ter-

libat memberikan jaminan dan pengakuan di mana menurut mereka pertempuran di sana tidak akan tersibar ke negara-negara lain, namun Kerajaan mestilah mengawasi perkembangan itu dari masa ke semasa dan menyediakan langkah-langkah yang perlu. Tindakan Kerajaan membesarkan Angkatan Bersenjata kita, saya rasa adalah satu langkah yang paling wajar, sesuai dan tepat buat masa ini dan juga untuk kepentingan masa hadapan. Sebenarnya satu langkah berjaga-jaga supaya sudah terantuk, baharu tengadah, adalah perlu supaya janganlah hendaknya sejarah berulang kembali. Bagaimanapun, dalam usaha pembesaran ini, ingin saya menyatakan beberapa hal iaitu:

Pertama, pembesaran bererti menambahkan bilangan jumlah anggota tentera itu hendaklah sesuai dan selaras dengan permodenan alat kelengkapan tentera itu sendiri. Senjata yang dibeli mestilah benar-benar sesuai dengan kebolehan anggota tentera dalam suasana persekitaran negara. Kita tidak mahu melihat tentera-tentera yang begitu ramai tetapi masih menggunakan senjata yang sudah dianggap tidak begitu sesuai. Bagi menghadapi setiap kemungkinan Angkatan Tentera seharusnya diperlengkapkan dengan senjata-senjata yang termoden. Manakala untuk pengendaliannya anggota-anggota tentera patut diberi latihan yang cukup dan intensif walaupun ianya memerlukan jangka masa yang agak panjang, dan wang ringgit yang tidak begitu sedikit. Yang penting ialah kecekapan dan kemampuan iaitu khususnya dari segi kualiti dan bukannya kuantiti anggota tentera.

Kedua, Angkatan Tentera kita memang sudah teruji dan terkenal dengan disiplin mereka. Namun begitu, pihak yang bertanggungjawab mestilah sentiasa mengawasi agar disiplin anggota keselamatan tidak merosot. Sebagai benteng pertahanan negara yang utama, saya yakin, anggota tentera kita sentiasa menjadi sasaran penyebar dadah, supaya kekuatan yang mereka ada dan kita miliki itu menjadi lemah. Kalau kekebalan tentera-tentera Amerika runtuh di Vietnam kerana dadah, maka kita hendaklah mengambil pelajaran itu agar tidak menjadi pisang berbuah dua kali.

Saya tidak mengatakan ramai tentera-tentera kita terlibat dengan dadah tetapi sekadar menyuarakan agar pihak yang bertanggungjawab sentiasa mengambil perhatian dan berwaspada selalu. Kerana dengan

dadah, disiplin tentera akan lemah dan dengan kelemahan itu keselamatan negara akan terancam, yang mana akhirnya kita semua rakyat yang sentiasa menaruh kepercayaan dan harapan kepada anggota tentera akan menerima padah yang amat buruk, jika perkara ini benar-benar terjadi.

Ketiga, memandangkan kepada perkembangan dan pergolakan di rantau ini, berbagai-bagai kemungkinan yang tidak disangka boleh terjadi pada bila-bila masa. Untuk itu, pada hemat saya, kita perlu juga mengawasinya dan jika berlaku, tindakan yang cepat perlulah dilaksanakan. Oleh itu, sebagai persediaan terhadap perkara-perkara yang tidak disangkakan ini, saya rasa perlu pihak Kerajaan mengadakan sebuah yunit khas yang boleh bergerak cepat dan pantas. Kalau perlu, kita perlu menghantarkan pegawai-pegawai kita pergi belajar dan mendapat latihan walaupun diseberang laut.

Hal atau perkara berikutnya yang saya ingin menyentuh ialah bersangkutan dengan Rukun Tetangga. Sesungguhnya, Tuan Yang di-Pertua, pembentuhan Rukun Tetangga itu bertujuan baik di samping memberi kesedaran hidup bermasyarakat, bersatu padu ianya juga untuk kepentingan keselamatan negara. Untuk membendung dan menghindarkan kegiatan-kegiatan atau pun unsur-unsur anasir anti-nasional, tetapi malangnya jika diperhatikan banyak sekarang Pondok-pondok Rukun Tetangga yang terdiri megah telah pun ditutup. Memang ada sebab-sebab mengapa hal itu terjadi, tetapi apakah sebab-sebab itu boleh diterima dengan tidak usul periksa terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya pihak yang bertanggungjawab tidak mengambil berat tentang perjalanan Rukun Tetangga ini, saya bimbang nanti ianya akan jadi "rukun tak ada tetangga". Jadi, sebelum perkara demikian berlaku, eloklah rasanya jabatan yang berkenaan, pegawai-pegawai yang terlibat sedar dengan secara ber-sungguh-sungguh mengambil berat dan langkah untuk Rukun Tetangga ini mencapai matlamat yang ditentukan semasa penciptaannya.

Saya ingin pula menyentuh berhubung dengan ahli-ahli RELA yang sedia ada di dalam negara kita. Kita ketahui bahawa banyak di kalangan ahli-ahli RELA tidak dapat diberi lagi senjata-senjata. Ini mungkin

oleh sebab ada beberapa perkara yang tidak boleh diberikan senjata kepada mereka pada masa ini.

Tetapi saya ingin tahu daripada Menteri yang berkenaan kedudukan ahli-ahli RELA pada masa ini, tidakkah ada rancangan dari pihak Kementerian yang berkenaan untuk memberi latihan kepada mereka. Saya tidak nafi ada memberi latihan tetapi sedikit sangat, mungkin boleh jadi dalam 2% atau 3%, yang lainnya belum pernah diberi latihan untuk menggunakan senjata. Kalau ada rancangan, bila? Kalau tidak ada rancangan, mengapa tidak ada dibuat. Saya rasa kalau sudah sampai masa, baru hendak diberi senjata, tetapi sebaliknya kalau mereka (ahli-ahli RELA) tidak tahu menggunakan, ini amat kita kesal sekali. Oleh sebab masa belum terlambat, saya rasa adalah amat wajar sekali sekiranya dapat Kerajaan memberi latihan dengan seberapa segera yang boleh kepada Ahli-ahli RELA.

Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan keselamatan ini juga, izinkan saya menegur tentang filem-filem yang diluluskan untuk ditayangkan kepada rakyat di negara ini. Saya dapati masih ada filem-filem ber-unsur jenayah, pertarungan, seks dan lain-lain yang bertentangan dengan nilai-nilai dan cara hidup kita yang kita ingini. Pertarungan-pertarungan hebat yang berdarah, pergaduhan antara kumpulan dan unsur seks dalam filem akan memberi pengaruh buruk kepada anak-anak muda, menanam semangat yang tidak sihat. Perkara ini tidak seharusnya berleluasan. Pihak penapis filem harus sedar dan berhati-hati dalam tugas mereka menapis filem untuk tontonan umum. Jangan nanti filem-filem serupa ini menjadi bahan atau pelajaran untuk orang melakukan jenayah. Di samping itu harap diambil perhatian juga janganlah meluluskan filem-filem yang boleh merendahkan-rendahkan ugama atau sesuatu bangsa kerana ianya memberi gambaran yang tidak enak mengenainya, apatah lagi kalau filem itu menceritakan hal negara ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini juga saya suka bercakap sedikit mengenai soal tanah walaupun ada di antara rakan-rakan saya Yang Berhormat sudah bercakap, khususnya yang berhubung dengan persawahan. Apabila saya menyebut sawah yang terbentang di dalam gambaran kepala kita ialah satu kawasan padi yang luas atau nasi yang kita makan setiap hari untuk

menyambung hidup ini kerana pada masa ini beras adalah yang penting itu dengan mudah boleh kita dapati setiap hari, ianya menjadi satu hal biasa, tiada apa-apa masalah, tetapi soalnya harus kita fikirkan ialah apakah keadaan ini akan berlanjutan hingga beberapa lama dan kita berpeluk tubuh.

Pada pendapat saya kita harus memandang jauh ke hadapan, Malaysia negara yang kita cintai ini kian membangun dan maju dengan pesat dalam berbagai jurusan, termasuklah perkembangan penduduk yang ramai. Ini bermakna lebih banyak beras yang harus disediakan untuk mereka. Dalam soal beras, negara terpaksa mengimport dari negara-negara luar seperti China, Burma, Thailand untuk menampung keperluan penduduk rakyat. Ertinya di sini Malaysia masih tidak mampu lagi mengeluarkan beras dengan secukupnya, kita masih bergantung kepada orang luar. Di sini sukalah saya menyeru agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan seperti FELDA, FELCRA memberi tumpuan terhadap masalah ini. Agensi-agensi Kerajaan ini memang telah berjasa besar membantu rakyat dengan membuka tanah untuk rancangan getah dan kelapa sawit. Kejayaannya dapat kita lihat betapa peserta-peserta FELDA dan FELCRA kini dapat menjalani satu kehidupan yang lebih selisa dan baik. Taraf kehidupan mereka lebih tinggi daripada sebelumnya tetapi malangnya pembukaan tanah baru untuk persawahan padi nampaknya ada sedikit diabaikan.

Tuan Yang di-Pertua, seharusnya atau sepatutnya pembukaan tanah untuk persawahan di ambil perhatian berat dan diberi priority yang utama, kerana pada fikiran saya langkah seumpama ini akan mendatangkan banyak munafaatnya untuk negara dan rakyat terutama sekali di dalam keadaan kecemasan. Sekiranya rancangan sawah dijalankan, erti pengeluaran beras negara akan bertambah dan ini akan meringankan pengantungan kita kepada negara-negara asing. Hal ini akan lebih dimengertikan dan diinsafi sekiranya berlaku sesuatu hal di mana kita tidak dapat mengimport beras dari negara-negara seperti yang saya sebutkan tadi.

Dengan pembukaan sawah-sawah baru matlamat Kerajaan untuk mengurangkan kemiskinan akan dapat dicapai. Rakyat yang tidak bertanah, yang dahagakan tanah dengan sendirinya akan mendapat harta, sumber pen-

dapatan dari hasil persawahan mereka, di samping itu masalah pengurangan kawasan tanah sawah akan dapat diatasi. Saya katakan ini adalah berdasarkan pemerhatian saya sendiri di mana terdapatnya di negeri-negeri yang tertentu tanah sawah telah diambil oleh pihak berkuasa lalu dijadikan tapak atau kawasan perkilangan dan kawasan perumahan. Hal ini telah dan sedang berlaku. Sekiranya tindakan tidak diambil untuk mengatasi kawasan yang hilang itu, bermakna kekurangan padi akan berlaku. Untuk mengatasinya mestilah dicari dan dibuka tanah sawah yang baru di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham tujuan Kerajaan memberi subsidi kepada petani dan nelayan adalah memang baik untuk menolong meringankan tekanan hidup mereka dengan harapan mengikis kemiskinan. Jadi apa yang Kerajaan berikan seperti baja, enjin, puak memang telahpun dilakukan tetapi mengikut penghematan saya sungguhpun petani dan nelayan menerima bantuan-bantuan tersebut, namun hasilnya tidak begitu baik. Keadaan ini terjadi kerana penerangan yang secukupnya dari pihak pengguna tidak memberi pandangan sebagaimana sepatutnya sepertimana baja itu mesti digunakan, begitu-lah juga mengenai pemberian subsidi enjin kepada nelayan.

Oleh yang demikian, saya menyeru pihak yang menjalan dan melaksanakan perancangan ini supaya jangan terlalu sangat menggunakan red tape. Ini adalah kerana para nelayan seringkali memerlukan bantuan segera. Sekiranya setiap pinjaman terpaksa memakan masa yang panjang, ini sudah tentu akan mengganggu kerja-kerja nelayan. Oleh itu saya berharap agar pihak yang wajib dalam hal ini dapat mengambil langkah-langkah yang dapat melicinkan pelaksanaan dasar yang baik, ini untuk faedah semua yang terlibat.

Sekianlah ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi saya memberi sepenuh-penuh sokongan di atas Belanjawan 1980 sepertimana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Dewan yang mulia ini pada 10-12-1979 dan marilah bersama-sama kita berdoa apa yang telah dirancangkan itu akan dapat berjalan dengan baik tanpa sebarang gangguan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Abdul Razak.

6.40 ptg.

**Tuan Abdul Razak bin Abu Samah:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini bagi membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan mengenai Anggaran Belanjawan, 1980 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah pada kali yang keduanya pada 10-12-1979 yang lalu dengan anggaran perbelanjaan sebanyak \$20,724.3 juta keseluruhannya daripada jumlah tersebut terdiri daripada \$10,867.8 juta Anggaran Belanja Mengurus dan \$9,856.5 juta bagi Anggaran Pembangunan mengikut sektor utama tidak termasuk \$400 juta bagi Simpanan Luar Jangka.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan juga timbalan-timbalannya serta pegawai-pegawainya yang begitu teliti menyediakan anggaran perbelanjaan negara yang lebih baik daripada tahun-tahun yang lalu kerana telah mendapat sanjungan dari segenap lapisan masyarakat yang berbilang kaum. Mereka mengerti dasar Kerajaan Barisan Nasional pada hari ini benar-benar untuk menolong rakyat di bawah pimpinan yang Amat Berhormat Dato Hussein Onn, Perdana Menteri kita.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, seminggu yang lepas Yang Berhormat rakan saya telah membuat ucapan-ucapan, begini juga pada hari ini mengenai anggaran perbelanjaan, menyentuh juga hal-hal keadaan keselamatan negara dan negara-negara ASEAN begitu juga negara-negara luar.

Inflasi, harga minyak, pertukaran wang begitu juga perdagangan kita dengan luar negeri semuanya telah disentuh. Rasa saya tidaklah perlu saya hendak ulangi lagi.

Dalam jumlah belanjawan sebanyak \$20,724.3 juta peruntukan perkhidmatan masyarakat yng terbesar sekali iaitu 22.1% ialah peruntukan keselamatan. Begitu juga 20.4% di sektor pelajaran. Di sini ingin saya memberi pandangan kepada Kerajaan untuk kebaikan dan kesejahteraan negara kita ialah terletak di atas bahu anggota-anggota keselamatan, sebab itulah Kerajaan memberi peruntukan yang begitu lebih tetapi kita mesti

ingat di samping menambah kekuatan tentera, pihak Kerajaan juga harus melihat dan menjaga anggota-anggota keselamatan yang telah bersara dan habis tempoh perkhidmatan mereka. Janji pihak Kerajaan hendak memberi keutamaan sama ada pekerjaan, memberi tanah di rancangan-rancangan FELDA dan sebagainya harus ditepati. Jangan kita tahu berjanji sahaja tetapi kita tidak dapat memenuhinya. Mereka ini telah berasa hampa.

Kepada mereka yang diberhentikan kerana mendapat kecelakaan, umpamanya kaki kudung, tangan patah dan sebagainya semasa menjalankan tugas untuk menjaga negara dan tanahair di perbatasan; mereka ini harus diberi keutamaan mendapatkan kerja untuk mencari sara hidup keluarga mereka. Kita tidak mahu mendengar keluhan dan cacian kepada Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya menyentuh perkhidmatan masyarakat di sektor pelajaran yang berjumlah \$2,574.6 juta. Kerajaan Barisan Nasional sangat berharap agar generasi Malaysia hari ini dan yang akan datang mendapat pelajaran yang baik. Untuk membiayai mereka belajar di universiti-universiti di dalam dan di luar negeri, Kerajaan telah memberi peruntukan yang begitu banyak tetapi apa yang dirasakan oleh rakyat hari ini ialah mereka ini telah kita beri pelajaran yang begitu baik dan anggaran yang begitu banyak tetapi kadangkala mereka ini lupa daratan, mereka ini mencaci Kerajaan. Umpamanya, pelajar-pelajar kita di luar negeri yang mana mencaci Kerajaan, Menteri-menteri kita pergi ke sana, mereka caci, membuat tunjuk perasaan dengan menutup muka dan sebagainya, mencaci dasar Kerajaan kita pada hari ini.

Begitu juga mereka ini yang kita ajar, yang kita hantar ke luar negeri untuk belajar, yang begitu baik tetapi ada segolongan mereka ini yang belajar tetapi bila balik, mereka ini berdakwah.

Pada hari yang pertama tempoh hari ada saya menyebutkan tetapi Yang Berhormat Dato Haji Mohamed Nasir mengatakan dakwah itu tidak songsang. Saya tidak mengatakan dakwah itu songsang tetapi orang yang membawanya itu ialah songsang, kerana kita memandangi ada kalanya mereka ini telah datang dan balik dengan pelajaran yang begitu tinggi tetapi bila balik mereka mencaci Kerajaan dan juga mereka memakai pakaian—kalau di segi ugama memang betul dan di samping itu pula mereka ini ada juga yang

tidak mahu menerima kerja daripada Kerajaan, kerana katanya Kerajaan ini rasuah dan sebagainya. Ini yang ditimbulkan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, mereka juga . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempohkan selama 15 minit.

*Persidangan ditempohkan pada pukul 6.48 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 7.07 malam.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

*7.07 mlm.*

**Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyambong perbahasan saya sebentar tadi.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap apabila kita menghantar murid-murid atau pelajar-pelajar kita di luar negeri, kita harus memberi mereka ini taklimat sepenuhnya-penuhnya, sama ada segi ugama, segi pembangunan, segi pembahagian harta, segi pelajaran dan begitu juga di segi sektor-sektor yang lain. Kerana dengan ini rasa saya mereka akan faham dan bila mereka pergi ke negara yang mereka hendak belajar, mereka akan tahu dan memberitahu kepada rakan-rakannya apa yang sebenarnya yang dibuat oleh Kerajaan kita pada hari ini.

Kita tidak mahu mereka itu, Tuan Yang di-Pertua, jadi sebagaimana yang telah dirasai oleh Islam pada hari ini pada menyambut tahun baharu Hijrah yang lalu, pelajar-pelajar Islam di negeri Mekah sana telah mencerobohi Masjidilharam dan kita tidak mahu perkara yang seumpama itu juga terjadi di negara kita ini. Begitu juga kita tidak mahu terjadi sebagaimana di negara Iran dan sebagainya lagi.

Dalam taklimat yang telah diberi oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah pada 11hb. Disember yang lalu iaitu seminggu yang lalu, beliau telah ada mengatakan dua buah filem sedang dibuat dan akan diedarkan; satu mengenai perkembangan Ugama Islam di Malaysia ini dan satu lagi pembangunan-pembangunan yang diusahakan oleh Kerajaan kita pada hari ini untuk di-

hantar ke luar negeri untuk ditayangkan dan diberi penerangan kepada penuntut-penuntut di sana. Ini bagi pihak diri saya suka mengucapkan tahniah dan terima kasih di atas penerangan ini semoga dengan ini lebih-lebih lagi parti-parti Pembangkang yang mana kita tahu sekarang ini mereka itu tahu mencari kesalahan sahaja daripada Kerajaan sama ada buat baik pun salah juga dan begitu juga parti-parti Pembangkang yang berunsurkan ugama.

Pada minggu lepas, Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan saya termasuk Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin ada membangkitkan soal disiplin terhadap guru, pegawai-pegawai Kerajaan, pensyarah-pensyarah dan sebagainya. Di sini saya ingin menyentuh tentang guru-guru yang mengambil peranan yang penting di dalam masa-masa pilihanraya. Umpamanya, mereka ini bersama-sama dengan parti-parti Pembangkang menghentam Kerajaan kita balik. Saya rasa disiplin harus diambil kepada mereka ini kerana kita memberi mereka gaji, kita mengajar mereka dan kita mengharapkan guru-guru ini memberi latihan kepada murid-murid tetapi mereka pula lebih lagi menghentam Kerajaan daripada belakang.

Begitu juga baru-baru ini saya ada menghadiri satu majlis syarahan ugama yang mana pada hari itu kemungkinan mereka tidak kenal saya, mereka menghentam Kerajaan habis-habisan iaitu seorang pensyarah daripada Universiti Malaya, tidak perlulah saya sebutkan namanya di sini. Mereka hentam Kerajaan dari segala segi dan menyentuh soal-soal peribadi Menteri-menteri kita pada hari ini. Macam-macam tuduhan yang dilemparkan.

Begitu juga pada hari ini kita ada membaca dalam *Utusan Malaysia* yang mana Yang Berhormat Dato' Haji Mohamed Nasir menghadiri satu majlis syarahan ugama iaitu menyambut Hijrah, seorang pensyarah di sana juga telah menghentam Kerajaan tetapi alhamdulillah, Yang Berhormat Dato' Haji Mohamed Nasir telahpun memberi penerangan balik kepada mereka itu. Oleh itu dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa haruslah pihak Kerajaan berhati-hati tentang disiplin ataupun tata-tertib kepada mereka ini. Kalau kita biarkan kemungkinan ini akan merosakkan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal bahasa, saya perlu ambil pendek-pendek sahaja. Soal bahasa ini rasa saya telah kita perbincangkan begitu lama. Kita telah merdeka 22 tahun, macam-macam cara yang kita telah buat, Kerajaan buat, membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk melaksanakan Bahasa Malaysia ini. Tetapi malangnya sehingga ke hari ini di dalam Dewan ini juga tiap-tiap seorang Ahli-ahli dan rakan-rakan saya menyentuh soal bahasa juga.

Dalam soal ini saya rasa haruslah pihak Kerajaan membuat sesuatu tentang penggunaan Bahasa Malaysia kerana sekarang saya rasa pelaksanaan Bahasa Malaysia ini boleh berjalan dengan baik sebagaimana yang berlaku di negara-negara jiran kita jikalau Kerajaan mengambil daya inisiatif dan bertindak tegas di sektor di mana Kerajaan berkuasa penuh.

Contoh yang jelas ialah segala Warta Kerajaan yang ada pada hari ini kita nampak masih lagi dalam dua bahasa. Padahal Warta Kerajaan setahu saya untuk dibaca oleh rakyat Malaysia dan kakitangan Kerajaan sendiri; masih dalam dua bahasa. Begitu juga iklan-iklan, di sibaran am perlu dibuat dalam Bahasa Malaysia malahan segala rancangan Radio dan Televisyen harus dibahasamalaysiakan di dalam jangka masa hadapan yang singkat.

Begitu juga Majlis Kerajaan Tempatan harus menguatkuasakan syarat-syarat yang ketat atas pemasangan papan-papan tanda dan iklan di kawasan-kawasan mereka terutama kawasan perumahan. Dengan pelaksanaan tindakan yang tegas dan pemupukan semangat pelajaran, saya jangka kedaulatan Bahasa Malaysia di Malaysia ini akan dapat diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya ini datang dari Wilayah Persekutuan, kalau saya tidak sentuh mengenai Wilayah Persekutuan saya rasa orang-orang saya akan marah kepada diri saya. Oleh itu, soal Wilayah Persekutuan ini yang mana peruntukan telah dibuat sebanyak \$136,748,610 saya berharap peruntukan yang begitu banyak supaya jangan dilupakan kepada orang-orang Melayu khususnya bumiputra yang mana mereka ini duduk di tanah-tanah tanpa izin, yang masih berpelitakan lampu minyak dan air perigi dan begitu juga hendak melihat televisyen

masih terpaksa berdiri dua tiga jam di rumah orang yang ada televisyen haruslah diberi keutamaan kepada mereka ini juga.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut data yang diperolehi para setinggan di Wilayah Persekutuan adalah lebih kurang 240,000 dari jumlah penduduk 1.3 juta orang di Wilayah Persekutuan ini. Dari jumlah setinggan tadi kira-kira 24.4% adalah setinggan-setinggan Melayu yang duduk di tanah-tanah tanpa izin. Mereka ini datang ialah untuk mencari nafkah hidup iaitu sejak pelancaran Dasar Ekonomi Baru terdapat perubahan besar di dalam aspek kehidupan di bandar.

Oleh itu, saya haraplah kepada Kementerian Wilayah Persekutuan supaya mengambil daya usaha supaya orang-orang ini yang datangnya dari seluruh pelusuk tanah-air Malaysia ini yang mencari rezki pagi dan petang supaya perumahan dan kehidupan mereka dapat diatasi.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, soal tanah. Apa yang saya dapat tahu tanah di Kuala Lumpur ini sangatlah berharga dan sebagaimana Tuan Yang di-Pertua faham, Wilayah Persekutuan ini hanya 94 batu persegi sahaja. Tanah yang dipunyai oleh bumiputra hanya lebih kurang 7% sahaja, inipun atas nama, kemungkinan tinggal 2% sahaja, yang lain itu telah digadai-gadaikan kepada orang-orang yang ada duit.

Oleh yang demikian, bagi mengatasi masalah ini pihak saya mencadangkan dan kepada rakan-rakan saya yang bukan Melayu supaya janganlah pula kecil hati, cadangan ini untuk sama-sama dirasai supaya orang Melayu juga dapat duduk di bandar bersama-sama dengan kaum-kaum yang lain kerana tanah tidak ada, hanya sekarang kita pandang di Wilayah Persekutuan ini banyak lagi tanah-tanah yang dipunyai oleh swasta iaitu estet-estet, supaya Kerajaan dapat membeli semuanya tanah-tanah ini akan disimpan untuk projek-projek di masa yang akan datang.

Jadi cadangan daripada saya supaya memandangkan keadaan tanah di Kuala Lumpur ini begitu meruncing dan ada tanah-tanah yang dipunyai oleh Kerajaan juga harus jikalau ada sekiranya orang yang meminta, orang-orang yang kaya, yang berpengaruh, supaya tanah-tanah ini janganlah diberi kepada mereka tetapi diambil oleh Kerajaan dan diusahakan oleh Kerajaan sendiri.

Sekarang saya berbalik soal Wilayah Persekutuan ini juga iaitu soal bah. Bila hujan banjir, bila hujan sahaja sedikit Kuala Lumpur akan banjir, sungai tidak melimpah tetapi atas jalan melimpah penuh berair. Jikalau pagi pegawai-pegawai Kerajaan dan juga swasta akan terlewat datang ke pejabat kadangkala memakan masa dua tiga jam. Begitu juga di sebelah petang apabila hujan di sebelah petang lewat sampai ke rumah. Umpamanya, saya duduk di Petaling Jaya akan sampai lebih kurang dua tiga jam lewat, memakan masa menanti air surut. Ini disebabkan jalan yang telah dibuat cantik tetapi rasa saya, sebab saya tiada mahir dalam kejuruteraan ataupun arkitek, jalan-jalan yang dibuat itu tiada longkang air lari. Inilah yang menyebabkan jalan-jalan yang begitu cantik dibuat berjuta-juta ringgit air tidak mengalir, hanya dibuat longkang lebih kurang setengah kaki tetapi air bagai lautan, bilakah air itu akan surut. Oleh itu, pihak-pihak berkenaan harus mengambil perhatian jangan membuat jalan itu sahaja begitu cantik tetapi yang lain tidak dilihat.

Selain daripada itu lalulintas yang sekian lama di Kuala Lumpur ini kalau manusialah tanah itu, tidak tahulah apa akan jadi, sudah koyak rabaklah agaknya kerana hari ini umpamanya Lembaga Letrik Negara mengorek pasang kabel dan sebagainya, lepas itu ditimbus cantik-cantik, lepas dua tiga hari datang pula orang lain korek iaitu JKR ataupun Jabatan Telekom dan sebagainya. Saya harap apa salahnya diadakan kordinasi di antara jabatan-jabatan mengadakan kerjasama ini supaya rakyat senang, Dewan Bandaraya pun senang, perbelanjaan pun rasa saya Kerajaan boleh gunakan wang itu ke tempat lain.

Begitu juga di Kuala Lumpur ini ialah soal Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar iaitu asap kereta. Kadangkala kalau kita mengikut bas mini lebih-lebih lagi ataupun teksi-teksi yang sudah lama, apabila kita lalu kalau mata tidak terang kita akan melanggar orang depan kerana asap yang begitu tebal dari kereta-kereta itu mencemarkan udara, mencemarkan manusia dan sebagainya.

Oleh itu, saya harap Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar apakah usaha-usaha yang mereka telah jalankan. Dahulu saya telah dengar ada satu alat untuk mengelakkan udara daripada kereta-kereta tidak

keluar begitu banyak, tetapi saya tidak dapat perlaksanaannya. Saya harap Menteri yang berkenaan dapat menjawab nanti dan begitu juga kilang-kilang yang berselerak di Petaling Jaya yang mengeluarkan asap pencemaran alam yang membahayakan penduduk-penduduk di sekitar tempat tersebut. Umpamanya di Seksyen 51A Petaling Jaya Kadangkala ada gudang yang asapnya lebih busuk daripada kentut, busuk baunya, kadang-kadang kita sedang makan. Ini bukan bohong, masalah ini betul dan banyak lagi gudang-gudang lain yang mengeluarkan asap yang mencemarkan dan merosakkan manusia.

Selain daripada itu saya hendak menyentuh soal Keretapi Tanah Melayu. Saya ini sebenarnya jarang sangat naik keretapi. Tetapi oleh kerana suntuk pada satu masa saya telah menaiki keretapi malam dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur. Apa yang saya hendak ceritakan di sini iaitu kesedihan kita melihat rakyat miskin yang menggunakan kenderaan ini, iaitu manusianya lintang-pukang dalam keretapi, tidur di bawah tempat duduk, atasnya sampai hendak lalu pun susah di dalam gerabak-gerbak itu sehinggakan di Kelas Satu pun mereka ini penuh duduk di atas tempat menyeberang. Saya tidak tahu bagaimanakah Keretapi Tanah Melayu, tidaklah mereka menghadkan umpamanya bas, penumpang dihadkan 30 orang duduk 6 orang berdiri, tetapi keretapi tidak, kadang-kadangkala yang saya lihat pada hari itu dan saya bertanya pula orang-orang yang pernah menaiki keretapi pada malam itu: adakah perkara ini benar begini caranya tiap-tiap kali? Mereka mengatakan lebih daripada itu. Tidak tahulah apakah sebabnya Keretapi Tanah Melayu mengeluarkan tiket lebih kepada orang yang naik sampai empat kali ganda. Apa yang saya takut di sini ialah jikalau sekiranya ditakdirkan Tuhan, kecelakaan tiba, macam-macamlah kita tidak tahu, rasa saya bukan 10 atau 20 orang yang akan mati tetapi beribu manusia akan mati satu hari dengan akibat keadaan dalam keretapi ini.

Sekarang saya beralih kepada Kementerian Penerangan. Peruntukan Kementerian Penerangan ini lebih kurang \$178,000.37 juta yang mana Kementerian ini boleh dikatakan itu atau penerangan Kerajaan. Di samping itu hiburan juga. Apa yang saya hendak sentuh di sini berhubung dengan pertunjukan wayang gambar iaitu wayang gambar Melayu. Yang lainnya telah disentuh oleh rakan-rakan saya

yang mana gambar Melayu ini orang-orang yang berlakun itu kalau ditunjukkan rasa saya sudah lama meninggal dunia, tetapi mukanya ada lagi kita lihat. Malangnya sudah lima minit tibalah masanya filem itu putus, gangguan sementara, kita tunggulah sementara, lepas itu tunggu lagi 5 minit, umpamanya, gambar itu sedang bertumbuk atau berkelahi, bila selepas gangguan itu tayangan disambung semula, orang itu sudah mati kerana sambungan itu tidak betul. Minta maaf katanya. Lepas itu gangguan lagi hendak habis gangguan, buka lagi tiba-tiba tamat sahaja tidak tahu hujung dengan pangkalnya. Yang akhirnya Juruacara itu mengatakan, macam dia perlu pula kita yang menengoknya: "Saya harap tuan-tuan telah terhibur dengan gambar yang ditayangkan tadi". Ini macam diperlunya kita balik. Sudah lama kita menunggu, ganggu punya ganggu diperlunya kita "Agaknya tuan-tuan sudah puas melihat gambar-gambar yang putus-putus itu tadi". Ini diharap Kementerian Penerangan lebih-lebih lagi TV Malaysia cubalah memperbaiki, jangan janji tinggal janji sahaja, kerana rakyat terlampau bosan kadangkala. Yang teruknya kita ahli-ahli Politik yang akan ditanya. Diharap kepada Kementerian yang berkenaan mengambil tindakan.

Selain daripada itu, saya hendak menyentuh Kementerian Perusahaan Awam yang berjumlah \$645,308.6 juta. Tuan Yang di-Pertua, kita tahu iaitu getah masih merupakan bahan eksport utama Malaysia. Sehingga hari ini bila disebut sahaja getah kita harus tidak lupa dengan penoreh-penoreh tegasnya ada penoreh getah yang baik dan begitu tidak baik. Memandangkan getah adalah sumber ekonomi yang bertenaga di negara ini maka sudah sewajarnya setiap pihak yang terlibat dengan pengeluaran bahan itu mencari jalan yang sebaik-baiknya mengekalkan jumlah pengeluaran dan mutu getah itu sendiri di samping meninggikan pendapatan kepada pekebun-pekebun kecil di kampung.

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Majlis Pengeluaran Getah (Rubber Producers Council) di Semenanjung Malaysia pada tahun 1977 pekebun-pekebun kecil memiliki 68% kawasan-kawasan getah, tetapi hanya mampu menghasilkan 58% pengeluarannya. Di kawasan perladangan pula menurut statistik yang dikeluarkan oleh Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang (National Union of

Plantation Workers) terdapat lebih kurang 180,000 orang penoreh getah di Semenanjung Malaysia.

Jika dikaji secara mendalam tentang dua perkara yang ditimbulkan tadi setidak-tidaknya dapat memberikan kita beberapa gambaran nasib masa depan penoreh getah di masa yang akan datang. Ekoran dari pandangan itu akan timbul pula soal apakah yang telah dilakukan oleh pihak Rubber Research Institute (RRI) selama ini untuk menambahkan ataupun meninggikan mutu pengeluaran getah kita khasnya pekebun-pekebun kecil di kampung. Kerana kita telah dengar ada penyelidikan-penyelidikan mengenai cara potong getah yang baik itu dan sebagainya seperti toreh dan cucuk (Puncture tapping) yang diperkenalkan oleh RRI ini tetapi masih lagi di situ sahaja tidak dapat disebarkan ke kampung-kampung. Rasa saya untuk mengelakkan penghijrahan muda-mudi kita daripada kampung-kampung saya berharap Kementerian dan pihak berkenaan supaya dapat perkara ini disalurkan ke kampung-kampung, di samping meninggikan mutu getah kita dapat menarik perhatian belia-belia yang datang ke Kuala Lumpur ini untuk mencari pekerjaan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyentuh berkenaan Syarikat Keselamatan (Security Guard) yang begitu banyak dan bermacam-macam seperti Tuah Guard dan sebagainya yang ada di Kuala Lumpur ini kerana Kerajaan sekarang telah meluluskan permit macam cendawan tumbuh tetapi Kerajaan tidak memikirkan apakah implikasinya dari segi ini. Oleh itu saya mencatatkan di sini iaitu syarikat-syarikat ini akan berlawan untuk mendapatkan kontrek-kontrek dari faktori-faktori, bangunan dan lain-lain pengguna.

Kedua, dengan bayaran kontrek yang rendah maka gaji pekerja tidak dibayar dengan sepatutnya. Banyak eksploitasi yang berlaku yang mana akibatnya pejabat ditutup dan juga pekerjaanya tidak dibayar gaji. Banyak yang telah terjadi yang mana mereka ini datang mengadu kepada kami oleh kerana kami orang politik. Dia kena tipu, disuruh kerja siang dan malam tetapi majikannya entah ke mana pergi. Pejabatnya sudah tutup katanya. Oleh itu saya haraplah dan saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan berhati-hati memberi permit-permit yang serupa ini, jangan diberi begitu sahaja kerana akibatnya Kerajaan juga yang akan mendapat

nama yang buruk. Di sini saya mencadangkan supaya syarikat-syarikat yang mempunyai modal yang dibayar tidak kurang \$100,000 sahaja dan ini sahaja yang dibenarkan. Kalau hanya \$3,000 dan \$4,000 sahaja dibenarkan rasa saya hendak beli uniform pun tidak cukup. Tanya dia, berapa modal yang dia sedia ada.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah menghadiri dua hari seminar berhubung dengan PEMADAM di Wilayah Persekutuan dan saya juga diminta memengerusikan salah satu bengkel di situ. Di sini orang mengatakan tidak puas hati dengan PEMADAM yang ada hari ini yang kemungkinan Ahli-ahli Yang Berhormat saudara-saudara ataupun Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, belum tahu lagi sebenarnya PEMADAM ini. PEMADAM ini ialah untuk mencegah penyalahgunaan dadah seperti penagih dadah dan sebagainya. Ahli-ahli PEMADAM ini tidak puas hati kerana Kerajaan sehingga hari ini belum lagi mengiktirafkan PEMADAM. Mereka itu hanya di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan mereka ini hendak menjalankan tugas juga terganggu kerana mereka takut jikalau menjalankan tugas pergi menangkap orang-orang hisap dadah dan sebagainya kemungkinan orang itu ada geng ataupun senjata dan kemungkinan ahli-ahli PEMADAM ini kalau mati hanya mati katak sahaja.

Oleh itu, kita berharap kepada Kerajaan supaya dapat iktirafkan PEMADAM ini sebagaimana mengiktirafkan Rukun Tetangga kerana Rukun Tetangga ada imbuhan jikalau sekiranya mati, cedera dan sebagainya. Mereka ini juga mahu. Itu saya harap kepada pihak Kerajaan supaya dapat sama-sama memikirkan masalah-masalah PEMADAM ini yang mana, mereka ini bersungguh-sungguh bekerja untuk menghapuskan sama-sama dengan Kerajaan berhubung dengan penghisapan dadah yang begitu berluasa khususnya di Kuala Lumpur ini oleh belia-belie lebih-lebih lagi belia-belie yang tidak mendapat pekerjaan.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahajalah ucapan saya dan sekali lagi saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kerana membentangkan perbelanjaan yang begitu baik pada

tahun ini dan di samping itu saya bersama-sama bersetuju di atas perbelanjaan yang telah disediakan oleh Kerajaan ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Ismail Hashim.

*7.37 mlm.*

**Tuan Ismail bin Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana telah diberi peluang kepada saya untuk menyampaikan sepatah dua kata dalam belanjawan negara yang telah disampaikan di dalam Dewan yang mulia ini pada 10hb Disember, 1979.

Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dan seluruh kakitangan Kementerian Kewangan yang telah menyediakan rangka-rangka belanjawan untuk dikemukakan di kedua-dua Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, tahun ini iaitu wang berjumlah \$20,024 juta iaitu satu peruntukan perbelanjaan bagi pengurusan dan juga Pembangunan yang mana telah melibatkan iaitu \$10,860 juta bagi belanja mengurus dan \$9,856 juta untuk perbelanjaan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimana banyak pun peruntukan yang dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini tentu sekali rakyat jelata di seluruh negara rasa bergembira kerana Kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk kepentingan rakyat dan Kerajaan.

Sebaliknya, kalau kita fikirkan dari segi peruntukan Mengurus yang begitu banyak tetapi kalau kita kaji dari satu masa ke satu masa bahawa gunatenaga pekerja-pekerja ataupun kakitangan Kerajaan tidak dapat menyelaraskan kerja-kerja mereka oleh sebab dengan kekurangan yang telah berapa lama sejak negara kita merdeka. Walaupun Operasi Isi Penuh yang telah diisytiharkan baharu-baharu ini kita hendak pastikan sejauh manakah Operasi Isi Penuh telah dapat dilaksanakan untuk melaksanakan rancangan-rancangan Kerajaan yang berpuluh ribu juta untuk kepentingan rakyat jelata keseluruhannya.

Saya rasa kalau tidak ada kita mempunyai cukup kakitangan bahawa segala peruntukan Mengurus itu tidak dapat dibelanjakan pada keseluruhannya. Begitu juga dalam perbelanjaan bagi pembangunan tidak lain dan tidak bukan ialah gunatenaga yang sepatutnya kita mempunyai rancangan asas atau yang utama sekali ialah setelah kita dapat cukup kakitangan baharulah kita membuat atau membelanjakan untuk kepentingan Kerajaan dan rakyat keseluruhannya. Tanpa pekerja yang mencukupi untuk melaksanakan tugas-tugas Kerajaan, saya rasa peruntukan yang telah diperuntukkan pada tahun lalu pun ada kemungkinan tidak habis digunakan samada dari segi pengurusan ataupun dari segi pembangunan. Yang mustahak sekali ialah Operasi Isi Penuh ini hendaklah diisi dengan sepenuh-penuhnya dengan secepat mungkin. Kalau difikirkan bahawa Jabatan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk menguruskan pengambilan pegawai-pegawai Kerajaan dari satu masa ke satu masa, saya suka mengesyorkan beri kuasa (delegate) kepada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya mereka bersama-sama mengambil bahagian dalam menepatkan matlamat Operasi Isi Penuh untuk kepentingan Kerajaan kita untuk melaksanakan tugas-tugas mereka yang mana telah diperuntukkan oleh Kerajaan kita.

Dalam segi Pembangunan kita sudah pastikan \$9.8 billion yang akan dibelanjakan pada tahun 1980. Dari segi pengurusan kita tidak dapat menentukan kedudukan kakitangan kita macam manakah peruntukan pembangunan yang akan dibelanjakan; saya rasa ini juga tidak dapat dilaksanakan sebagaimana yang telah dipastikan bahawa mesti ada perbelanjaan yang telah diperuntukkan tahun 1979 masih ada lagi berbaki di bawa semula dalam tahun 1980.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini yang sangat penting sekali kalau kita mempunyai banyak peruntukan dari segi Kementerian-kementerian dan kedudukan kakitangan tidak mencukupi, maka segala usaha dan tenaga yang telah diperuntukkan itu sia-sia sahaja. Jadi, saya berharap supaya Kerajaan kita menitikberatkan yang pertama sekali ialah melaksanakan Operasi Isi Penuh bagi jawatan-jawatan Kerajaan di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyenutuh dalam beberapa Kementerian, terutamanya dalam Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya rasa Kementerian ini cukup penting dan telah diwujudkan dengan bertujuan: memastikan tercapainya dasar Kerajaan (i) berusaha membina banyak lagi rumah murah; (ii) berusaha kearah memberi peluang kepada setiap orang memiliki rumah.

Cuba kita buat kajian dan analisa sejauh manakah Kementerian ini telah berusaha. Kalau kita lihat program dan Prestasi di muka 164, projek-projek yang telah Diluluskan. Tahun 1978 di seluruh negeri mempunyai 65 projek unit perumahan 10,630 dan pinjaman yang telah diberikan kepada negeri-negeri sebanyak \$112,074,824. Tahun 1979: 155 projek dan unit rumah 20,279 dan pinjaman yang telah diberikan \$175,462,809. Anggaran tahun 1980: 60 projek sahaja, unit perumahan 7,022 dan pinjaman yang akan diberikan ialah sebanyak \$63,564,685. Ini menunjukkan pada tahun 1978 baik, tahun 1979 begitu baik sekali daripada 65 projek bertambah menjadi 155 dan unit daripada 10,630 pergi kepada 20,279. Bagi tahun 1980 turun pada 60 projek dan unit perumahan hanya 7,022 dan pinjaman yang akan diberikan ialah \$63,564,685 daripada peruntukan yang telah didapati oleh Kementerian ini sebanyak \$501.8 juta. Jadi, di mana kedudukan sebenarnya bagi Kementerian ini untuk menolong atau mengisi kekosongan bagi orang-orang kita yang berpendapatan rendah yang telah disuarakan oleh tiap-tiap seorang samada daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat ataupun rakan-rakan saya di dalam Dewan yang mulia ini. Ini menunjukkan satu kelemahan kalau kita hendak mengkaji dalam buku ini.

Saya rasa perkara ini boleh diatasi kalaulah begitu tujuannya iaitu berusaha kearah memberi peluang kepada setiap orang memiliki rumah. Kementerian ini mempunyai berbagai-bagai rancangan yang tertentu kemudian lesen-lesen pemaju juga telah dikeluarkan oleh Kementerian ini, saya suka mengesyorkan sudah sewajarnya pihak Kementerian ini memanggil semua pemaju-pemaju swasta untuk berbincang dengan sedalam-dalamnya hasrat Kerajaan

untuk mengisi kekosongan ataupun untuk memberikan orang-orang yang berpendapatan rendah ini memperbaiki rumah.

Kita percaya bahawa sebilangan besar daripada orang kita, sama ada orang Melayu, orang Cina, orang India tidak mempunyai rumah yang sempurna. Kita tengok dalam Wilayah Persekutuan ini setinggi sebagai cendawan tumbuh di merata tempat. Jadi apa kata generasi kita yang akan datang setelah kita mencapai kemerdekaan 22 tahun menjangkau suku abad kedudukan rakyat negara kita masih lagi sebegitu rupa, terutamanya bagi rakyat bumiputra. Kalau kita tengok pula kampung-kampung Melayu yang ada dalam bandar-bandar, ini juga akan dipersoalkan kepada kita pada masa-masa yang akan datang. Kampung-kampung Melayu yang dalam bandar ini, bandar-bandar membangun sekelilingnya, kampung-kampung Melayu setakat itu juga, ditakuk itu juga, tak ada perubahan dan akhirnya pula akan menjadi tempat pelancungan kepada pelancung-pelancung yang datang ke negara kita ini untuk memastikan inilah kedudukan rumah orang Melayu yang menjadi bumiputra yang dianggap sebagai rakyat yang berhak pada mulanya sebelum rakan-rakan kita diberi peluang untuk menjadi rakyat di dalam negara kita ini. Apakah jawapan yang Kerajaan kita akan berikan kepada generasi kita yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai masa dan ketikanya bagi Kerajaan kita, terutamanya Kementerian ini memikirkan sesuatu untuk membangunkan kampung-kampung Melayu yang ada dalam bandar ini supaya dapat mereka ini diberi peluang juga ataupun mengadakan satu kumpulan wang untuk diberi peluang pinjaman kepada mereka dengan kadar bunganya yang rendah sekali, barulah dapat mereka ini membangunkan rumah mereka sendiri, membangunkan rumah mereka dengan lebih baik, dengan lebih teratur, dengan sejajar dengan kedudukan pembangunan bandar-bandar di dalam negara kita ini.

Kalau kita pergi kepada tujuan (b) memodenkan kehidupan dan persekitaran di kampung-kampung, terutamanya kampung-kampung baru. Kenapa kampung-kampung baru ini, sebagaimana yang dikatakan oleh saudara saya daripada Trengganu, kenapa tidak kampung-kampung Melayu yang meleset sepanjang masa kalau kita pergi ke

pendalaman-pendalaman. Apakah pemberian yang telah diberikan, kenapa istimewa sangat kampung-kampung baru ini. Ini juga satu tandatanya kepada rakyat. Kita berharap supaya peruntukan yang sudah diberi begitu meluas sekali, banyak sekali yang telah diberi dalam Kementerian ini patutlah diberi keutamaan juga kepada kampung-kampung Melayu di pendalaman.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tujuan (c) mentadbir dan menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Akta Mengawal dan Melesen Pemaju Perumahan, 1966. Inilah sebagaimana saya katakan tadi bahawa terpaksa Kementerian ini merundingkan kepada pemaju-pemaju supaya mereka ini sedar, janganlah mereka ini hendak mencari duit sepanjang masa sahaja tanpa mengirakan tanggungjawab mereka, terutama yang mana Kerajaan telah memberikan segala keistimewaan dan kesenangan untuk membangunkan, bukan untuk kepentingan mereka sahaja bahkan bersama-sama memikul beban Kerajaan untuk memastikan bahawa orang yang berpendapatan rendah ini diberi peluang untuk membeli rumah yang mereka majukan. Saya berharap supaya Kementerian ini mengambil perkara ini dengan seriusnya supaya dapat satu perubahan di masa-masa yang akan datang ataupun projek-projek yang dalam buku ini akan menjangkau pada peringkat yang tinggi lagi.

Tujuan yang akhir iaitu memastikan wujudnya penguasa-penguasa tempatan yang cukup berkesan dan berkebolehan di semua negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak di bawah pemakaian Akta Kerajaan Tempatan, 1975. Memanglah Akta ini bagus tetapi kalau kita buat kajian demi kajian, bila sudah diselaraskan daripada satu kawasan tempatan (local council) atau daerah luar bandar ataupun Majlis Perbandaran, mereka ini tidak berkemampuan untuk melaksanakan tugas-tugas mereka yang ada tetapi bila sudah diselaraskan geran yang diberikan itu tidak mencukupi, sekadar melepaskan batuk di tangga sahaja dan ada macam saya sebutkan di Perbandaran Melaka Tengah sendiri deficit berjuta-juta ringgit pada setiap tahun, \$3-4 juta setahun.

Kemudian bila Akta Kerajaan Tempatan ini diselaraskan daripada 4 batu persegi, bila dicantumnya Majlis Daerah Luar Bandar Melaka Tengah dengan Majlis Perbandaran Kota Melaka yang mempunyai 117 batu persegi, kakitangan Jabatan ini setakat itu juga, kemudian Akta Kerajaan Tempatan

diselaraskan, kemudian peruntukan yang sepatutnya Majlis Daerah Luar Bandar kalau dia tidak masuk bercantum dalam Perbandaran Kota Melaka, dia akan mendapat hak geran pelancarannya dan geran bantuannya pada tiap-tiap tahun, bila dia bercantum satu peruntukan sahaja yang telah diberikan. Saya kurang faham dan kurang pasti. Sepatutnya bila sudah dicantumkan di antara Majlis Daerah Luar Bandar Melaka Tengah dan Perbandaran Kota Melaka hendaklah diberikan peruntukan apa yang telah didapati oleh Majlis Daerah Luar Bandar Alor Gajah dan Jasin, begitu jugalah peruntukan kepada Melaka Tengah itu dimasukkan ke dalam geran pelancaran Majlis Perbandaran Kota Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal mulut saya telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bahawa satu mesyuarat telah diadakan bahawa peruntukan geran pelancaran ataupun peruntukan tahunan akan ditambah, saya hendak memastikan sejauh manakah penambahan itu yang dibuat. Adakah tambahan itu mencukupi ataupun penguasa-penguasa tempatan yang telah menerima Akta Kerajaan Tempatan itu masih tidak boleh bergerak. Kalau hendak minta bantuan kepada Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri pun begitu juga keadaannya, jadi macam mana caranya. Saya rasa patutlah Kerajaan ataupun Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memastikan bahawa segala kemudahan hendaklah diberikan untuk memastikan rakyat jelata di dalam tempat-tempat ataupun Majlis-majlis Perbandaran dan Daerah Luar Bandar ini akan dapat menyelaraskan kerja-kerja mereka dengan sempurna supaya tidak dicerca ataupun dicela oleh rakyat yang ada di dalam kawasan ini.

Rasa saya dalam masalah peruntukan ini sudah sewajarnya boleh diberi oleh sebab segala peruntukan atau lesen-lesen yang telah dipungut oleh Kerajaan Tempatan ataupun Majlis-majlis Perbandaran ini disalurkan kepada pusat dan sepatutnya segala lesen-lesen itu dipulangkan untuk meringankan lagi bebanan penguasa-penguasa tempatan yang telah diselaraskan dengan Akta Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh dalam Kementerian Pertahanan. Bila kita hendakkan negara kita maju, stabil politiknya, ekonominya dan rakyat jelatanya hidup aman damai, maka Kementerian Pertahanan

juga yang telah diberikan peruntukan yang sebegitu banyak sekali, sudah tentu akan melipatgandakan lagi segala pertahanan yang mencemaskan negara kita yang mana kita telah dapat saksikan baru-baru ini konflik Vietnam dengan Kampuchea. Dalam masalah ini saya dan rakyat jelata sanggup mengorbankan nyawa dan jiwa raga mereka untuk kepentingan negara tetapi untuk membebaskan Kerajaan semata-mata pun sudah sewajarnya bagi rakyat yang mempunyai keupayaan dan seharusnya memberikan sedikit sumbangan ataupun Kerajaan mengadakan kadar (rate) cukai pertahanan kepada rakyat jelata yang telah menjadi jutawan begitu baik lagi dari segi pendapatan mereka sejak negara kita mencapai kemerdekaan. Kalau kita hendak membebaskan kepada rakyat yang tidak berpendapatan, rasa saya ini adalah aniaya semata-mata. Yang sewajarnya bagi pihak orang-orang yang telah kaya raya di dalam negara kita ini sedikit sebanyak dengan adanya satu rate telah dikenakan kepada mereka supaya tidak membebaskan yang mana negara mempunyai hutang \$14,000 juta pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah penyelarasan sebagaimana yang telah dikatakan oleh saudara saya tadi di dalam Wilayah Persekutuan ini iaitu satu Wilayah yang luasnya 94 batu persegi yang mempunyai Kementerianya sendiri sudah sewajarnya lah menitikberatkan dalam masalah kedudukan yang ada pada hari ini.

Apa yang telah dikatakan oleh saudara saya tadi bahawa banjir bila mana hujan lebat maka hendaklah satu penyelarasan mesti diwujudkan di dalam melaksanakan kerja-kerja supaya banjir tidak melanda di dalam ibukota negara kita ini. Saya memandangkan begitu oleh sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang memegang Kementerian ini. Ini adalah sangat mustahak dibuat kajian supaya Wilayah Persekutuan ini dipandang begitu baik sekali yang mana pelancung-pelancung di dalam negeri datang ataupun pembesar-pembesar negara lain datang ke ibu negara kita ini supaya tidak mendengar cerita-cerita yang mengatakan di dalam Wilayah Persekutuan banjir di sana, banjir di sini. Apakah sebabnya jadi begitu.

Begitu juga dapat kita memastikan kalau kita ada satu-satu penyelarasan, kalau tidak semata-mata sebagaimana yang kita pastikan gali lubang, tutup lubang, gali lubang, tutup

lubang. Itu sahaja sepanjang masa, sepanjang tahun, sepanjang hari. Berapa banyak wang yang telah dibuang. Begitu juga sepatutnya kita mengambil perhatian yang serius supaya tidak memburukkan suasana di ibu negara kita yang sangat kita cintai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, ini pun satu Kementerian yang begitu dinamis sekali untuk kepentingan rakyat tetapi malang sekali kadang-kadang kita pastikan Akta Lembaga Letrik Negara, 1969 yang mana Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos terutamanya Lembaga Letrik Negara ini melakukan wayar-wayar elektrik di tanah-tanah orang-orang kampung. Apa yang dibayar ialah gantirugi kepada pokok-pokok kekal. Bagi sawah tidak ada. Kemudian kalau hendak difikirkan ada tempat-tempat sekarang sawah-sawah pun telah dibangunkan dijadikan projek perumahan. Tetapi bila mana tanah itu sudah kena satu ganjaran pun tidak diberi. Sepatutnya pihak Kementerian ini meneliti semula Akta Lembaga Letrik Negara, 1969 supaya laluan-laluan talian elektrik itu di mana sahaja lalunya hendaklah dibayar gantirugi, jangan gantirugi kepada pokok atau rumah bahkan tanah yang dilalui itupun mesti dibayar, bukan dapat percuma. Bila hendak menggunakan Lembaga Letrik, masuk api kena duit, Tuan Yang di-Pertua, bukan dapat free tetapi kena duit, kena deposit dan sebagainya. Jadi bagi kepentingan orang yang ada tanah rasa saya ini menjadi satu pertolongan kepada mereka supaya mereka ini tidak mempastikan mereka sudah dianiaya oleh sebab tempat-tempat yang berhampiran dengan mereka dapat dibangunkan tanah sawah itu dijadikan tanah perumahan tetapi tanah mereka tidak dapat dilaksanakan oleh sebab sudah dilalui oleh talian Lembaga Letrik.

Menyentuh tentang masalah telefon, saya pun tidak tahu macam mana ceritanya, sekejap-sekejap rosak. Di rumah saya sepanjang-panjang bulan Ogos cuma empat lima kali sahaja yang dapat saya gunakan, selain daripada itu sepanjang-panjang rosak. Ini juga rasa saya mestilah diambil satu perhatian walaupun peruntukan yang sebegitu banyak telah diberikan ada kemungkinan penyelewengan telah berlaku dalam rancangan ataupun pejabat tersebut. Saya nampak perkara-perkara ini tidak patut berlaku oleh sebab banyak peruntukan yang telah diberi untuk Kementerian ini.

Dalam segi Jabatan Pos yang satu ketika Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah menjamu, sudah lepas dua hari baru saya dapat surat jemputan. Rumah saya daripada Pejabat Pos Besar ialah dua batu sahaja. Setelah dua hari diadakan jamuan yang sepatutnya saya hadir, tidak dapat hadir, dua hari selepas daripada itu baru dapat surat mengatakan jemputan di rumah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri untuk meraikan pegawai-pegawai Kerajaan yang bertukar ataupun jamuan-jamuan yang lain diadakan di rumah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

Sepatutnya perkara ini berlaku meskipun jauhnya dua batu sahaja. Ceritanya kalau tidak silap saya posman ini diberi peruntukan untuk membawa surat itu dan beratnya surat itu, cukup timbangan dan banyaknya surat-surat itu, setakat itu sahaja. Sama ada betul ataupun tidak, saya tidak tahu. Kalau benarlah perkara ini sepatutnya tambahkanlah kakitangan supaya tidak melewatkan surat-surat penting, surat-surat yang hendak diterima oleh penerima-penerima yang mengharap surat-surat daripada si pengirim. Jadi, inilah perkara-perkara yang saya fikir dan saya rasa patut kita mengkaji sedalam-dalamnya daripada satu masa ke satu masa, sungguhpun Kerajaan mengkaji perkara ini daripada satu masa ke satu masa, Rancangan Malaysia Pertama, Rancangan Malaysia Kedua dan Rancangan Malaysia Ketiga, tetapi setakat mana penyampaian. Ini yang kita berkehendakkan. Sebagaimana yang kita katakan sudah suku abad negara kita merdeka tetapi pencapaian itu tidak lagi dapat dipastikan sejauh manakah tidak dapat dilaksanakan ataupun tidak dirasai oleh rakyat jelata yang kurang bernasib baik.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan sebanyak terima kasih dan akhir sekali saya sukalah menyentuh dalam masalah Kementerian Kesihatan terutamanya di Hospital Besar Melaka. Hospital Besar Melaka ini sudah dibina dalam tahun 1930han yang mempunyai 875 tempat tidur termasuklah Kelas Satu, Kelas Dua, tempat VIP masuk semua sekali tetapi sampai hari ini kalau kita tengok bersesak-sesakan pada hal Kementerian Kesihatan yang mana Menteri nya datang daripada negeri Melaka supaya membuat satu peruntukan khas oleh sebab tanah di keliling hospital besar itu ada lagi, sepatutnya dibangunkan atau ditambahkan hospital itu supaya tidak kita memastikan bahawa pesakit-pesakit begitu

banyak sekali di dalam wad-wad hingggakan di kaki lima wad itu ataupun di tengah jalan itupun dipenuhi dengan pesakit-pesakit yang hendak mendapatkan rawatan. Dari pada tahun 1930 setakat ini tidak ada penambahan Hospital Besar Melaka. Saya berharap Menteri yang datang daripada negeri Melaka iaitu Menteri Kesihatan akan mengambil perhatian dalam masalah ini.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, ialah masalah Kementerian Kebajikan Am. Saya juga berasa bangga dengan ucapan yang diberikan kepada saya pada hari ini bahawa peruntukan tambahan akan diberikan pada orang-orang yang berkehendakkan pertolongan, tetapi janganlah sekadar peruntukan dinaikkan \$10 atau \$15 sahaja tidak mencukupi, daripada \$30 dinaikkan kepada \$45 apalah kesannya. Sekarang ini sekati sayur \$1.00 ikan tenggiri \$3.45 sekati, sayur kacang 80 sen sekati, cili 5 sen sebiji. Apalah nikmat yang telah diberikan itu, Tuan Yang di-Pertua, dapat dirasai sebagaimana yang patut diberikan kepada mereka yang berkehendakkan bantuan daripada Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah pandangan saya dalam masalah Belanjawan negara kita pada tahun ini, maka dengan itu saya sekali lagi menyokong dengan sepenuhnya Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 10hb Disember, 1979.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat Senator Abdullah Salleh.

*8.11 mlm.*

**Tuan Abdullah bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong dan mengucapkan tahniah atas Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam Dewan yang mulia ini. Belanjawan yang dibentangkan ini dapat diterima oleh semua golongan masyarakat dengan rasa yang tidak mencemaskan. Memandangkan kepada Belanjawan yang dibentangkan ini menggambarkan kepada kita bahawa Kerajaan sentiasa berikhtiar memberikan kesenangan dan kebahagiaan hidup kepada rakyat.

Di samping menyokong dan mengucapkan tahniah atas Belanjawan ini, saya ingin menyentuh berhubung dengan soal tanah yang sering diperkatakan oleh rakyat, terutama rakyat di kawasan luar bandar dan inilah satu-

satunya masalah rumit yang sedang dihadapi oleh rakyat sekarang ini. Perkara yang saya akan sentuhkan ini ialah berhubung dengan tanah dimiliki oleh lebih daripada seorang pemilik. Perkara tanah ini saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya membuat penyemakan semula ke atas Undang-undang Tanah dalam Kanun Tanah Negara Akta 56 Tahun 1965 iaitu yang telah berusia lebih daripada 13 tahun supaya bersesuaian dengan kehendak-kehendak semasa dan kehendak-kehendak negara dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru untuk melindungi hak-hak kepentingan masyarakat, khasnya di kawasan luar bandar yang mana kehidupan mereka bolehlah dikatakan bergantung sepenuhnya ke atas faktor tanah sebagai sumber mata pencarian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di antara perkara-perkara yang penting yang harus diberi perhatian sewajarnya termasuklah mengadakan undang-undang berhubung dengan tanah milikan lebih daripada seorang pemilik. Tanah dimiliki lebih dari seorang pemilik ini telah menimbulkan beberapa masalah kepada rakyat. Yang pertama masalah masa hendak menjelaskan hasil tanah pada tiap-tiap tahun. Pada hari ini misalnya sekeping tanah yang dimiliki oleh 5 orang pemilik semasa hendak menjelaskan hasil tanah itu mestilah kelima-lima orang itu menjelaskan semua sekali, tidak boleh dijelaskan oleh seorang atau dua orang mengikut bahagian masing-masing. Bagi mengelakkan sebarang kesusahan dan kerugian yang dialami oleh satu-satu pihak yang tertentu undang-undang hendaklah memperuntukkan supaya seorang pemilik tanah tersebut adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjelaskan hasil tanah tahunan yang dikenakan ke atas tanah bahagian yang dimilikinya sahaja dan sebarang tindakan bolehlah diambil oleh Kerajaan ke atas tanah bahagiannya itu jika hasil tanah tahunan tidak dijelaskan.

Yang kedua, masalah masa hendak membuat gadaian bila salah seorang pemilik sebahagian tanah tersebut bercadang untuk mendapatkan kemudahan pinjaman kewangan dari mana-mana pihak yang berkenaan, maka undang-undang hendaklah memperuntukkan supaya sebahagian tanah pemilik tersebut iaitu orang yang hendak meminjam wang itu sahaja dijadikan cagar dalam proses penggadaian itu, tidak lagi

seperti amalan sekarang ini yang mana memerlukan semua bahagian tanah milik ramai itu dijadikan cagaran dalam proses gadaian itu.

Yang ketiga, masalah berhubung dengan perenggan tanah. Tuan Yang di-Pertua, masalah yang sering berlaku dengan perenggan ini apabila tanah itu terlibat dalam sesuatu projek misalnya seperti projek jalan, taliair bangunan dan sebagainya. Projek itu tidak pula kena kepada semua tanah milik ramai itu iaitu kena kepada sebahagian sahaja. Apabila hendak menerima wang bayaran harga tanah kesemua pemilik tanah ini datang ke Pejabat Tanah menurunkan tanda-tangan dan menerima wang harga tanah tersebut mengikut bahagian masing-masing ataupun menerima bayaran sama banyak, misalnya dua daripada lima orang pemilik tanah itu terlibat, manakala wang bayaran yang diterima sama banyak tetapi tanah mereka, dua orang itu yang hilang, mereka yang tiga itu lagi duit dapat, tanah pun tidak hilang. Tidakkah ini satu perkara yang aneh? Tetapi benar berlaku. Untuk menjaga kepentingan hakmilik tiap-tiap seorang itu, Tuan Yang di-Pertua, undang-undang hendaklah diperuntukkan supaya setiap orang pemilik tanah tersebut dapat ditentukan hak kepentingannya di atas tanah itu secara ditandakan perenggan tanahnya dalam surat milik itu iaitu geran yang dikeluarkan dan juga dinyatakan keluasan bahagian masing-masing. Penentuan hakmilik ini akan membolehkan pemiliknya menjalankan segala urusan bersangkutan dengan kepentingan tanah miliknya itu. Peruntukan yang dicadangkan ini akan memberikan kemudahan dan mengelakkan daripada berlaku sebarang pertelingkahan kepada masyarakat luar bandar terutama sekali kepada kaum bumiputra yang mengamalkan sistem pewarisan tanah pesaka yang mempunyai hakmilik lebih dari seorang.

Berhubung dengan soal tanah ini juga, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang harus diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kerajaan iaitu berhubung dengan permohonan memiliki tanah. Permohonan memiliki tanah hendaklah dihadkan kepada warganegara sahaja, tidak seperti sekarang ini tidak ada undang-undang yang melarang warganegara asing memiliki tanah di negara ini. Untuk menjaga kepentingan negara dan rakyat, undang-undang hendaklah dibuat supaya warganegara sahaja yang layak membuat permohonan memiliki tanah dalam negara ini, tidak seperti amalan sekarang

ini rakyat warganegara asing juga turut mendapat hak yang sama dengan warganegara Malaysia itu dapat membuat permohonan untuk memiliki tanah di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu keistimewaan khas haruslah diberikan kepada warganegara yang telah mengusahakan tanah Kerajaan dengan kebenaran lesen TOL selama 10 atau 15 tahun haruslah diberi keistimewaan khas oleh pihak Kerajaan untuk meluluskan permohonan bagi mendapatkan geran, tidak seperti amalan hari ini orang-orang yang memiliki tanah secara TOL hendak diberikan geran, mereka itu dikira sama seperti orang-orang yang memohon tanah baru, walaupun mereka itu telah memiliki TOL lebih 10-15 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya akan sentuh sedikit berkenaan dengan soal perumahan. Banyak ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh dalam hal perumahan, sama ada perumahan kos rendah, tinggi dan sebagainya, tetapi di sini saya ingin menyentuh soal skim pinjaman perumahan untuk golongan yang berpendapatan rendah. Tujuan skim ini ialah memberikan peluang kepada rakyat ini golongan yang berpendapatan rendah, golongan miskin iaitu petani-petani dan orang-orang kampung membina rumah mereka sendiri melalui skim pinjaman perumahan itu dengan cara bayaran balik yang termampu oleh si peminjam itu. Menyentuh skim ini, ada dua perkara yang harus dikaji semula. Yang pertama jumlah maksima pinjaman sebanyak \$7,500 hendaklah ditambah kepada \$10,000 kerana kita tahu sekarang ini harga kayu dan lain-lain bahan binaan rumah melambung tinggi. Tentulah harga rumah yang dibina dengan harga sebanyak \$7,500 itu sangat kecil.

Yang kedua, cara membayar balik kepada golongan petani-petani bolehlah diberi dengan cara bayaran musim iaitu bayaran setahun dua kali iaitu enam bulan sekali mengikut musim menuai padi. Misalnya seorang yang meminjam \$7,500 masa bayaran balik 10 tahun, bayaran pada sebulan \$82.92 sen, kalau dibayar dengan cara bayaran musim ialah sebanyak \$497.52 sen. Sekiranya masa bayaran balik itu dibuat dalam masa 15 tahun iaitu bayaran sebulan \$62.27 sen kalau dibayar dengan cara bayaran musim

ialah sebanyak \$373.62 sen. Ini adalah mampu dibayar oleh petani-petani dengan cara bayaran musim.

Yang ketiga, had umur tidak melebihi 45 tahun hendaklah dilanjutkan kepada 50 tahun. Kiranya pinjaman itu diluluskan kepada orang yang berumur 50 tahun maka hendaklah dipendekkan masa bayarannya tidak lebih dari tempoh 10 tahun. Dengan berbuat demikian, Tuan Yang di-Pertua, peluang ini adalah terbuka lebih luas lagi kepada golongan petani-petani di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyen-  
tuh sedikit berkenaan dengan konsep Gerak-  
tani.

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan konsep Geraktani. Semua Pusat-pusat Kemajuan Pertubuhan Peladang di seluruh negara akan dipesat dan diperluaskan menjadi kompleks Geraktani yang menjadi nadi dan jentera penyelarar bagi kegiatan dan daya penggerak kemajuan masyarakat tani keseluruhannya. Kita berharap dengan pelancaran konsep Geraktani itu akan meniup semangat baharu bukan sahaja bagi kalangan para petani di negara ini tetapi juga akan meniupkan semangat baharu di kalangan para pegawai serta kakitangan Jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dalam bidang per-  
tanian.

Menyentuh konsep Geraktani, kita ber-  
harap Kerajaan akan segera menempatkan  
kepada pegawai-pegawai di Pusat-pusat  
Geraktani di seluruh negara, supaya petani-  
petani benar-benar boleh mendapat faedah  
sekiranya pegawai-pegawai tidak ditempatkan  
dengan segera, maka faedah yang diharapkan  
oleh petani-petani tidak akan tercapai dengan  
secara yang semestinya. Selain dari itu  
menempatkan pegawai-pegawai di Pusat  
Geraktani ialah pegawai-pegawai penyelarar  
adalah mustahak sekali diadakan di Pusat-  
pusat dan Geraktani di tiap-tiap kawasan  
di seluruh negara. Dengan tujuan untuk  
menyelaras tenaga kerja dan mengembeling-  
kan Jabatan yang terlibat di bawah Kement-  
terian Pertanian. Sekiranya pegawai penye-  
larar tidak diadakan, mungkin Jabatan-  
jabatan yang terlibat akan menunjukkan  
keupayaan masing-masing dan dengan dem-  
ikian apa yang kita harap hasil dari konsep  
Geraktani tidak akan tercapai dengan se-  
penuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengakhiri  
ucapan saya, saya akan sentuh berkenaan  
dengan subsidi baja. Kita mengalu-alukan  
dan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan  
kerana telah memperuntukkan wang yang  
begitu banyak berjuta-juta ringgit bagi mem-  
beri subsidi baja kepada petani-petani di  
seluruh negara, dengan pemberian subsidi  
itu dapatlah meringankan sedikit beban yang  
ditanggung oleh kaum tani di negara ini.  
Pemberian subsidi baja pada tahun ini  
bolelah dikatakan berjalan dengan licin dan  
memuaskan dan diharap Kerajaan akan  
dapat meneruskan lagi pemberian subsidi  
itu kepada petani-petani pada tahun-tahun  
yang akan datang dengan cara yang lebih  
licin dan lebih memuaskan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan  
pemberian subsidi Kerajaan haruslah meluas-  
kan lagi pemberian subsidi itu tidak sekadar  
kepada pemberian baja sahaja tetapi hendak-  
lah juga diberi subsidi kepada alat-alat jentera-  
jentera pembajak dan juga jentera-jentera  
pemotong padi, kerana petani-petani tidak  
mampu membeli dengan harga yang tinggi.  
Dengan pemberian subsidi kepada alat-alat  
dasar tersebut maka sesuai benar dengan  
yang Kerajaan hendak memodenkan per-  
sahaan pertanian bagi negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, mustahaknya jen-  
tera-jentera pembajak dan jentera-jentera  
pemotong padi kepada petani-petani, kerana  
masalah-masalah yang rumit yang dihadapi  
oleh para petani sekarang ini khususnya di  
kawasan MADA, Kedah dan Perlis adalah  
tenaga pekerja, buruh-buruh tempatan tidak  
ada, kerja-kerja sawah adalah bergantung  
kepada tenaga orang-orang tua sahaja.  
Kerana belia-belia sekarang ini kurang ber-  
minat untuk bekerja di sawah-sawah. Peng-  
ambilan tenaga kerja di negara jiran iaitu  
di Selatan Thailand tidak dapat berjalan  
dengan licin, mungkin ini kerana melibatkan  
soal antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap benar  
agar Kerajaan dapat meluaskan subsidi itu  
hingga kepada alat-alat jentera pembajak  
dan juga jentera-jentera pemotong padi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal  
baja subsidi, ada didapati baja-baja yang  
diberi itu setelah petani-petani menggunakan  
ke sawah-sawah mereka maka didapati padi  
mereka tidak begitu subur sepertimana baja  
urea yang mereka gunakan sebelum itu  
adalah setengah petani-petani menabur

sampai dua tiga kali baharulah padi mereka berubah menjadi hijau dan subur. Kita tidak tahu keadaan yang sebenarnya meng-apa terjadi demikian. Untuk memastikan ini, Tuan Yang di-Pertua, maka Kerajaan haruslah menyasat apa yang sebenarnya berlaku demikian itu. Adakah tanah sawah itu tidak sesuai dengan baja urea yang diberi itu, atau kandungan zat baja itu tidak betul atau tidak cukup, misalnya 46% nitrogen, adakah benar 46% nitrogen itu digunakan pada baja urea yang diberi itu atau pun ada perkara-perkara lain yang tidak subur kepada padi petani-petani itu.

Saya rasa mustahak benar Kerajaan mengadakan penyasatan berhubung dengan baja subsidi yang diberi pada tahun ini, kerana pada tahun akan datang, kita yakin dan percaya Kerajaan akan memberi lagi subsidi baja kepada para petani. Sekiranya ini berlaku lagi pada tahun yang akan datang, Kerajaan akan rugi berjuta-juta ringgit, para petani tidak mendapat hasil seperti yang diharapkan dan mungkin ada orang lain yang mendapat untung lebih lumayan.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya harap mendapat perhatian dari pihak Kerajaan dan lagi sekali saya menyokong Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan itu, akhirnya marilah sama-sama kita mendoa dan mengharap agar tahun 1980 akan memberi kebahagiaan dan kemewahan hidup yang berlebihan kepada seluruh rakyat.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Kumaran.

8.27 *mlm.*

**Tuan K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberi kepada saya untuk membuat ucapan ulung ini di Dewan yang mulia ini. Saya sangat-sangat mengharap kepada panduan dan nasihat Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Tuan Yang di-Pertua dalam segala urusan Dewan untuk membolehkan saya memainkan peranan yang sewajarnya dalam Dewan yang saya hormati ini.

Saya ingin menyokong penuh ucapan dan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan di atas Belanjawan tahun 1980. Sudah jelas bahawa

Belanjawan tahun ini telah dapat penerimaan dan sokongan yang baik daripada segala lapisan masyarakat kita. Saya berani mengatakan bahawa dalam sejarah Belanjawan beberapa tahun yang lampau ini tidak terdapat cadangan Belanjawan yang telah dapat penerimaan yang begitu menggalakkan.

Belanjawan pada tahun ini telah pada hemat saya, memberi perhatian yang mendalam dan wajar kepada dua masalah yang besar pada masa ini—

Yang Pertama, keadaan ekonomi dunia yang kian merosot dan menjejaskan perkembangan ekonomi kita yang banyak diharapkan;

Yang kedua, keadaan harga barang-barang keperluan seharian yang semakin meningkat naik.

Belanjawan yang dikemukakan oleh Menteri Kewangan kita telah menghadapi kedua-dua masalah ini dengan cara yang berkesan. Galakan yang diberi melalui beberapa insentif untuk penanam-penanam modal dalam ekonomi kita, yang boleh mewujudkan perkembangan peluang-peluang pekerjaan bagi belia dan beliawanis kita, adalah sangat menarik. Ia memberi keyakinan kepada kita bahawa kemajuan ekonomi kita pada tahun-tahun yang akan datang tidak akan tergendala kerana keadaan ekonomi dunia.

Jumlah Belanjawan yang dicadangkan dan juga relief atau lepasan yang diberi kepada keluarga-keluarga kita, akan berjumlah sebanyak \$460 juta pada tahun 1980. Ini bukan sahaja akan meringankan beban harga tinggi barang-barang keperluan yang dirasakan oleh rakyat kita, bahkan akan juga menambah kebolehan membeli (*purchasing power*) di tangan pembeli-pembeli consumers). Tindakan ini akan menjadi satu galakan yang berkesan dalam suasana ekonomi negara kita.

Kita mempunyai harapan dan keyakinan bahawa pengurusan ekonomi kita di tangan Kerajaan kita dan melalui seorang Menteri Kewangan seperti Menteri kita sekarang, adalah satu yang sangat menggalakkan dan menyakinkan. Ini adalah di antara kejayaan-kejayaan Kerajaan kita yang telah mengharumkan nama Malaysia di kalangan rakyat dan di arena antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin di sini menyentuh satu dua perkara dasar yang terlibat dalam Belanjawan.

Bidang pelajaran adalah satu yang penting dalam masyarakat yang membangun. Kerajaan kita membelanjakan lebih daripada 25% daripada Belanjawan tahunan kita untuk pelajaran. Ini adalah di antara yang tertinggi di kalangan negara-negara yang sedang maju. Apa yang kita ingin melihat daripada perbelanjaan ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah satu strategi yang lebih jelas tentang masyarakat yang mundur dan ketinggalan dalam kemajuan negara.

Sekolah-sekolah aliran Tamil adalah sangat berkehendakkan perhatian Kementerian Pelajaran. Kajian-kajian dan laporan Kerajaan sendiri menunjukkan bahawa taraf kecapaian murid-murid aliran Tamil adalah langsung tidak memuaskan. Dari segi kecapaian di peringkat Darjah Lima, atau kemajuan murid-murid ini dalam sistem pelajaran di peringkat menengah, atau pun kadar keciciran dari bangku sekolah, murid-murid sekolah Tamil telah dan sedang menghadapi masalah yang rumit dan besar. Sebab-sebab keadaan seperti ini adalah bermacam-macam.

Tetapi satu sebab yang penting yang harus dapat perhatian yang lebih dalam Belanjawan dan dari Kerajaan ialah keadaan bangunan sekolah-sekolah Tamil dan kemudahan-kemudahan yang dibekalkannya. Terdapat banyak sekolah yang kecil dan dalam keadaan buruk, di mana kita dapat mengatakan bahawa usaha Kerajaan dan guru-guru tidak akan berhasil banyak.

Apa yang kita berkehendakkan dengan segera adalah peruntukan yang lebih daripada Kerajaan untuk membaiki keadaan sekolah-sekolah ini. Di setengah-setengah sekolah tidak terdapat kemudahan bilik yang cukup, tandas-tandas atau bekalan air dan lampu. Kadar perbelanjaan yang ditumpukan oleh Kementerian Pelajaran terhadap perkara-perkara ini tidak akan dapat menyelesaikan kelemahan ini dalam abad ini, jika tidak dibetulkan.

Satu approach yang boleh memberi kesan yang besar tentang masalah-masalah ini adalah usaha untuk mencantumkan sekolah-sekolah yang kecil dalam satu kawasan meniadakan satu group school yang mem-

punyai segala kemudahan yang cukup untuk menjamin kemajuan pelajaran bagi anak-anak.

Jika kita melihat angka-angka yang mencerminkan masalah ini, sangat jelas bahawa tindakan awal dan utama hendaklah diambil. Lebih daripada setengah sekolah-sekolah Tamil mempunyai jumlah murid yang kurang daripada 100. Dari segi masyarakat India pula lebih daripada 45% kanak-kanak yang berumur sekolah rendah adalah di-bangku sekolah-sekolah Tamil. Jadi masa depan masyarakat India dan kebolehan masyarakat ini menikmati hasil daripada kemajuan negara dan Dasar Ekonomi Baru, adalah tertakluk kebanyakannya kepada kemajuan yang dapat dicapai dalam keadaan dan hasilnya sekolah-sekolah Tamil di seluruh negara kita.

Saya dapat memberi contoh, Tuan Yang di-Pertua, satu masalah besar dan satu kemajuan yang jelas telah dapat diperhatikan apabila beberapa sekolah yang kecil telah dicantumkan di dua Sekolah Pusat di kawasan Hilir Perak, Bagan Datoh. Kemajuan Sekolah Pusat ini dan semangat guru-guru dan juga murid-murid di situ adalah satu yang menunjukkan dengan tidak syak lagi bahawa proses mencantumkan sekolah-sekolah kecil ke sekolah-sekolah adalah satu yang amat berfaedah.

Di bandar Ipoh, kita dapat 8 buah sekolah-sekolah Tamil, lima daripadanya terletak dalam lingkungan satu setengah batu sahaja. Enrolment murid-murid dalam lima buah sekolah ini adalah sedikit lebih daripada 1,000 orang sahaja. Keadaan bangunan sekolah-sekolah ini dan kemudahan bilik darjah dan lain-lain adalah sangat buruk. Kemudahan asas dalam sekolah-sekolah ini, seperti makmal, bilik bacaan, bilik guru, tempat untuk pendidikan jasmani dan lain-lain pun tidak ada. Pada amnya kita dapat mengatakan bahawa guru-guru di sekolah-sekolah ini tidak dapat memberi pendidikan yang seajar dengan dasar Kerajaan dan hasrat ibubapa dalam keadaan seperti ini.

Saya ingin bertanya apakah cadangan yang konkrit yang telah dirangka oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini, yang masih terdapat di seluruh Semenanjung Malaysia? Bolehkah kita harap bahawa Rancangan Malaysia Yang Keempat akan memberi perhatian yang dalam dan cukup

untuk menjamin mutu pelajaran yang tinggi, dan sejajar dengan sekolah-sekolah yang lain.

Hujah-hujah bahawa sekolah-sekolah ini adalah sekolah bantuan modal adalah tidak dapat diterima lagi, kerana cara membantu ini tidak akan dapat mengatasi masalah-masalah yang dihadapi. Tidaklah dapat diharapkan bahawa satu masyarakat atau golongan ibubapa yang tidak begitu mewah, boleh mengumpulkan wang yang cukup untuk mengganti semua sekali bangunan sekolah-sekolah yang kebanyakannya dibina sebelum Perang Dunia Kedua atas lebih daripada 25 tahun dahulu. Cara bantuan kepada sekolah-sekolah ini hendak juga disemak semula. Satu cara yang saya hendak mencadangkan di sini ialah bahawa semua perbelanjaan untuk sekolah-sekolah yang dicantumkan ini hendaklah dibiayai oleh Kerajaan sendiri, sebagai satu galakan untuk usaha pencantuman ini.

Satu lagi perkara yang saya ingin sentuh ialah perumahan.

Saya sangat-sangat mengalu-alukan usaha yang sedang dijalankan untuk membesarkan usaha pembinaan rumah-rumah, khasnya untuk rakyat yang miskin. Saya harap usaha ini dapat dikemaskan dengan lebih berkesan, kerana perumahan adalah satu daripada kehendak rakyat yang asas dan akan dapat mempertahankan masyarakat kita daripada anasir-anasir subversif dan politik yang tidak sihat. Hanya dengan cara ini juga kita akan dapat mengatasi masalah-masalah setingan yang kian bertambah di bandar-bandar kita.

Satu aspek perumahan yang masih tidak dapat kemajuan yang diharapkan ialah rancangan untuk pekerja-pekerja ladang dan lombong memiliki rumah mereka sendiri.

Rancangan ini, yang satu daripada dasar dan rancangan Kerajaan untuk membekalkan kepada satu bahagian rakyat yang telah banyak menyumbang kepada negara tetapi tidak menikmati hasil kemajuan negara setakat ini.

Setakat ini hanya dua skim yang telah dijalankan, iaitu satu di Batu Pekaka, Kedah dan satu lagi di Ladang Tennamaram di Selangor. Kadar kemajuan ini adalah terlalu perlahan dan tidak memuaskan. Saya difahamkan bahawa semua Kerajaan Negeri telah bersetuju peraturan-peraturan khas bagi rancangan ini tetapi masalah kewangan Kerajaan Persekutuan bagi rancangan ini belum lagi diselesaikan dan inilah yang menghalang kemajuan yang lebih pesat dalam perkara ini. Saya harap pihak-pihak yang berkenaan akan dapat menyelesaikan masalah ini secepat mungkin.

Satu aspek yang saya ingin membangkitkan di sini ialah perkara sumber kewangan bagi rancangan ini. Pada masa ini, Kementerian Perumahan mentadbirkan satu Tabung Wang Pusingan, dan pihak Malaysia Building Society Berhad (MBSB) mengendalikan satu lagi Tabung wang yang disediakan oleh Kerajaan Malaysia untuk rumah-rumah berharga rendah. Jumlah pinjaman, faedah yang dikenakan dan syarat-syarat pinjaman di antara kedua-dua sumber ini adalah sangat berlainan. Penyelarasan di antara dua skim ini adalah satu yang harus dapat perhatian daripada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita Tindakan ini adalah sangat diperlukan untuk menyelesaikan perkara rancangan perumahan untuk pekerja-pekerja ladang dan lombong.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Belanjawan yang dibentangkan bagi tahun 1980.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang, hari esok, 18hb Disember 1979.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 8.42 malam.*